



**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**  
*SENATE*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 2909]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Jalan Persekutuan (Pindaan) [Ruangan 2969]

Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 3014]

Rang Undang-undang Telekomunikasi (Pindaan) [Ruangan 3021]

MALAYSIA

**PARLIMEN KEENAM — DEWAN NEGARA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLIAHLI DEWAN NEGARA**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Ben Stephens, P.S.M., S.P.D.K., B.E.M. (Dilantik)
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamad -Noor, J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Dilantik)
- „ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohiddeen (Sarawak)
- „ Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman (Dilantik)
- „ Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim, S.M.S., K.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- „ Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif (Dilantik)
- „ Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar, A.M.N. (Dilantik)
- „ Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, P.C.M. (Dilantik)
- „ Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim (Dilantik)
- „ Tuan Ahmad bin Othman, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah)
- „ Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said (Dilantik)
- „ Tuan Bee Yang Sek (Kedah)
- „ Tuan Fadzil bin Mahmood, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis)
- „ Puan Hajjah Habibah binti Abdul Ghani, K.M.N., A.M.P., A.M.N., P.J.K. (Pahang)
- „ Tuan Harun bin Hassan (Terengganu)
- „ Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kassim @ Hasanah Fatimah binti Haji Mohd. Kassim, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu)
- „ Tuan Hassan bin Nam (Dilantik)
- „ Tuan Haji Hussein bin Ahmad (Dilantik)
- „ Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang (Negeri Sembilan)
- „ Datuk Ishak bin Abdul Rahman, D.S.P.N., A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang)
- „ Tan Sri Ismail Khan, P.M.N., P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Jaafar bin Harun (Dilantik)

Datuk James Bernard Willie, P.G.D.K. (Sabah)

Puan Sri Janaki Athi Nahappan, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)

Dato Kamaruzaman bin Ahmad (Dilantik)

Tuan Kenneth Kenyan Anak Temenggong Koh, K.M.N., J.B.S. (Sarawak)

Dato Khoo Kay Per, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang)

Tuan Kuan Peng Soon @ Kuan Peng Ching (Perak)

Dato K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P. (Dilantik)

Tuan Lim Kean Siew (Dilantik)

Cik Lim Sean Lean @Lim Hiang Nai, K.M.N. (Dilantik)

Datuk, Loh Fook Yen, D.S.I.J., P.P.N., P.I.S. (Dilantik)

Tuan Loo Swee Mok, A.M.N., P.P.N. (Pahang)

Tuan Haji Mohamed bin Yahya, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor)

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar, P.G.D.K., A.B-K., B.K. (Dilantik)

Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah (Kelantan)

Tuan Mohd. Noor bin Bedah, P.J.K., P.J.B (Perlis)

Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim (Perak)

Tuan Mohd. Yusoff @Yusof Haji Md. Nor (Kelantan)

Tuan Nasir bin Haji Manap, A.M.N., P.J.K. (Melaka)

Puan Nen Abidah binti Abdullah, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik)

Tuan Ng Ah Poi, P.P.N., J.P. (Melaka)

Tuan M.G. Pandithan (Selangor)

Tuan Paramjit Singh (Dilantik)

Dato G. Pasamanickam, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik)

Puan Rokiah @Maimun binti Zainuddin, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)

Tan Sri C. Selvarajah, P.S.M. (Dilantik)

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)

Tuan A. Shaik Dawood Abu Bakar @A.S. Dawood, (Dilantik)

Tuan Stephen Timothy Wan Ullok (Dilantik)

Tuan Haji Shuaib bin Lazim (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Tan Chang Soong, A.M.N. (Dilantik)  
Tuan Tay Chee King; K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor)  
Tuan Tiong Hiew King (Dilantik)  
Tuan Wong Yau Ket (Sabah)  
Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya (Selangor)

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAIKANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap

Penyunting Kanan: P. B. Menon

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad

### *PEMBERITA -PEMBERITA*

Louis Yeoh Sim Ngoh

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah

Suhor bin Husin

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof

Juliah binti Awam

Supiah binti Dewak

Ismail bin Hassan

Shamsiah binti Mohd. Yusof

Hajjah Kalsom binti Ghazali

Mohamed bin Osman

Norishah binti Mohd. Thani

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu

MALAYSIA

**DEWAN NEGARA**

Khamis, 1hb Ogos, 1985

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang***DOA**

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

- (b) usaha-usaha Kerajaan untuk menghapuskan kemiskinan di kalangan penduduk-penduduk luar bandar di bawah program 'Pembasmian Kemiskinan'.

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor):** Tuan Yang di-Pertua,

**PROTON SAGA - PINJAMAN  
KAKITANGAN KERAJAAN**

1. **Tuan Loo Weee Mok** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada pihak Kerajaan akan menggubal peraturan-peraturan, supaya seseorang kakitangan Kerajaan yang meminta pinjaman dari Kerajaan untuk membeli kereta akan membeli kereta 'Proton Saga'.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememangnya menggalakkan kakitangannya menggunakan barang-barang buatan tempatan termasuklah kereta keluaran negara kita sendiri iaitu Proton Saga. Dengan demikian, pada pandangan saya, kakitangan Kerajaan yang mendapat pinjaman membeli kenderaan juga mempunyai peranan untuk menyokong industri kereta negara ini. Tetapi setakat ini Kerajaan belum lagi mengadakan satu dasar dalam perkara ini atau bercadang mengadakan peraturan supaya kakitangan Kerajaan yang meminta pinjaman kenderaan dari Kerajaan dimestikan membeli kereta Proton Saga.

**TAKRIF 'KEMISKINAN'**

2. **Tuan Jaafar bin Harun** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) takrif 'kemiskinan'; dan

- (a) Perlu dijelaskan bahawa tidak terdapat satu takrif kemiskinan yang boleh diterima dan digunakan oleh semua negara pada setiap masa. Takrif dan cara mengukur kemiskinan yang digunakan adalah berbeza dari negara ke negara, mengikut tahap pembangunan negara masing-masing serta norma-norma yang sedia ada di negara-negara yang berkenaan. Di Malaysia khususnya takrif kemiskinan yang digunakan adalah lebih bercorak relatif dan mengikut tahap pembangunan negara ini sendiri. Pendapatan garis kemiskinan yang digunakan untuk mengira bilangan isirumah yang miskin mengambilkira keperluan-keperluan minimum sesebuah isirumah bagi makanan, pakaian dan alas kaki serta keperluan-keperluan lain seperti sewa tempat kediaman, bahan api dan tenaga, pengangkutan dan perhubungan, kesihatan, pelajaran dan rekreasi. Pendapatan garis kemiskinan ini, berbanding dengan yang digunakan oleh kebanyakan negeri-negeri sedang membangun, adalah tinggi tetapi jika dibandingkan dengan negeri-negeri maju ia adalah didapati rendah.

- (b) Seperti yang dijelaskan dalam dokumen-dokumen rancangan lima tahun Kerajaan, usaha-usaha telahpun dan

sedang dijalankan oleh Kerajaan untuk menghapuskan kemiskinan di kalangan penduduk-penduduk luar bandar. Berbagai program dan projek telah dan sedang dilaksanakan untuk meningkatkan pendapatan melalui peningkatan daya pengeluaran dan penyediaan peluang-peluang pekerjaan di sektor moden.

Usaha-usaha telah dijalankan bagi meningkatkan daya pengeluaran petani terutamanya menerusi pembukaan tanah baru dan pembangunan di kawasan-kawasan yang sedia ada melalui penyediaan kemudahan-kemudahan pengairan, perkembangan dan penanaman semula dengan menggunakan benih berhasil tinggi. Di samping itu, isirumah miskin luar bandar telah diserapkan ke dalam sektor moden seperti perindustrian dan perdagangan. Perkembangan sektor moden ini telah dapat menyediakan peluang-peluang pekerjaan bagi isirumah miskin dari luar bandar. Kemudahan-kemudahan asas seperti pelajaran, kesihatan, pengangkutan, bekalan air dan elektrik telah dan akan juga disediakan untuk meningkatkan lagi mutu hidup rakyat luar bandar.

Baru-baru ini dalam awal tahun lapan puluhan, memandangkan pertumbuhan ekonomi yang agak lembab berikutan kemerosotan ekonomi dunia, Kerajaan telah memperkenalkan strategi-strategi baru bagi membasmi kemiskinan iaitu sistem perkebunan secara koperatif atau berkelompok dan perbandaran kawasan-kawasan luar bandar. Di bawah sistem perkebunan berkelompok, kebun-kebun yang kecil atau yang mempunyai saiz yang tidak ekonomik akan disatukan secara besar-besaran dan diuruskan secara estet. Dengan ini daya pengeluaran dan pendapatan petani dapat dipertingkatkan. Perbandaran kawasan-kawasan luar bandar melibatkan pengumpulan kampung-kampung yang berselerak untuk dijadikan satu pusat perbandaran. Pengumpulan ini

akan menjadi asas bagi pertumbuhan kegiatan-kegiatan bercorak bandar dan menjadi punca pendapatan luar kepada penduduk-penduduk.

### KEMALANGAN KEPADA PEKERJA

**3. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya** minta Menteri Buruh menyatakan sama ada beliau sedar bahawa di waktu kebelakangan ini begitu banyak berlaku kemalangan yang membawa maut kepada pekerja-pekerja khasnya pekerja-pekerja binaan; jika sedar, nyatakan tindakan-tindakan positif yang telah dijalankan oleh Kerajaan dan pihak berkenaan bagi mencegah kemalangan-kemalangan tersebut.

**Timbalan Menteri Buruh (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa waktu kebelakangan ini banyak berlaku kemalangan yang membawa maut kepada pekerja-pekerja pada pukul rata 100 kemalangan maut tiap-tiap tahun. Kerja binaan memanglah merbahaya dan dengan peningkatan pembinaan bangunan-bangunan tinggi beberapa tahun kebelakangan ini bilangan kemalangan di sektor tersebut juga telah meningkat.

Kementerian saya melalui Jabatan Kilang dan Jentera telah menjalankan beberapa tindakan positif untuk mengelakkan berlakunya kemalangan-kemalangan tersebut.

Tindakan pertama ialah dengan menjalankan pemeriksaan yang rapi di tempat di mana pekerjaan-pekerjaan binaan dijalankan dan berdasarkan kemampuan kakitangan dan peruntukan.

Kebanyakan kemalangan yang berlaku adalah akibat 'human factor' seperti lalai sewaktu menjalankan kerja, enggan memakai alat keselamatan yang diperlukan, kurang memahami akibat daripada satu-satu tindakan yang dijalankan dan menganggap kemalangan tidak akan berlaku kepada diri sendiri tetapi kepada orang lain.

Jabatan Kilang dan Jentera di bawah Kementerian saya telah memastikan tiap-tiap kontraktor yang membina bangunan tinggi

mengadakan sebuah Jawatankuasa Keselamatan yang dianggotai oleh pihak majikan dan juga pekerja untuk mengawal langkah-langkah keselamatan di tempat kerja itu.

Satu daripada tugas Jawatankuasa ini adalah untuk memberi kesedaran kepada pekerja-pekerja tentang bahaya di tempat kerja dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengatasi bahaya itu.

Jabatan Kilang dan Jentera telah juga memastikan tiap-tiap kontraktor mengadakan seorang daripada kakitangannya menjadi Pengawas Keselamatan untuk mengawasi kerja-kerja yang dijalankan oleh pekerja-pekerja di tempat kerja itu dari segi keselamatan.

Pengawas Keselamatan ini diberi kuasa untuk mengarah mana-mana pekerja mengikut Prosedur Kerja Selamat yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah ini diambil untuk mewajibkan pihak majikan memainkan peranan yang lebih positif dan serius lagi terhadap keselamatan pekerjaan. Adalah diharapkan langkah-langkah ini dapat mengurangkan kemalangan di tempat kerja binaan tetapi perlu saya mengingatkan bahawa apa-apa langkah yang diambil hanya akan berjaya jika pekerja-pekerja sendiri mengambil berat tentang pematuhan peraturan-peraturan keselamatan yang ditetapkan.

**Dato' G. Pasamanickam:** Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap pagi kita boleh tengok ada pekerja-pekerja kena bawa dalam lori JKR atau lain-lain. Tetapi bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu adakah pekerja-pekerja mempunyai insurans nyawa diambil oleh agensi-agensi Kerajaan masing-masing?

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, di negara kita pada masa ini pekerja-pekerja dilindungi oleh beberapa skim. Pertamanya Skim PERKESO atau SOC-SO yang melindungi pekerja-pekerja jika sekiranya berlaku kemalangan kepada mereka di tempat mereka bekerja dan sekiranya bilangan pekerja di tempat pekerjaan itu 5 orang ke atas.

Satu lagi skim ialah Skim Pampasan Pekerja di mana pekerja-pekerja tidak dilindungi oleh

Skim PERKESO dan satu lagi ialah di bawah insurans biasa di mana majikan-majikan boleh mengambil insurans untuk pekerja-pekerja mereka termasuk semasa mereka berada dalam kenderaan-kenderaan.

**Tuan Mohd. Yusoff @ Yusof bin Haji Md.**

**Nor:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa ada pekerja-pekerja sekarang ini yang dilindungi oleh Skim Pampasan Pekerja (Workmen's Compensation Scheme). Pada masa ini tidak ada undang-undang, walaupun ada majikan yang mengambil insurans di bawah Workmen's Compensation Scheme tetapi tidak ada undang-undang yang mewajibkan insurans orang-orang yang melindungi itu membuat bayaran sebagaimana yang ada di bawah seksyen 80 di dalam Road Traffic Ordinance. Oleh kerana itu, apabila Mahkamah Buruh membuat keputusan supaya wang dibayar kepada buruh yang mendapat kemalangan, lambat ataupun kadang-kadang susah pihak yang melindungi di bawah Workmen's Compensation Scheme tadi membayar sehingga memakan masa yang lama.

Soalan saya, adakah Kementerian bercadang untuk mengadakan undang-undang yang sama yang mewajibkan orang-orang yang melindungi di bawah Workmen's Compensation Scheme tadi membayar secara diwajibkan oleh undang-undang?

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:**

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Mahkamah Buruh memerintahkan supaya pihak-pihak yang berkenaan membayar pampasan di bawah Akta Pampasan Pekerja dan sekiranya pihak yang diperintah itu engkar maka di dalam negara kita ada proses di mana pihak yang menuntut boleh menuntutnya melalui proses undang-undang biasa.

**Dato Kamaruzaman bin Ahmad:** Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi telah menerangkan bahawa tiap-tiap tahun ada 100 kemalangan. Ini angka yang saya fikir banyak. Selain daripada pengawasan yang disebutkan tadi, apakah langkah-langkah bijak daripada Menteri yang berkenaan ataupun Kementerian yang berkenaan supaya angka 100 ini dapat turun ke bawah lagi?



**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ada dua cara utama bagi mengelakkan berlaku kemalangan di tempat-tempat pekerjaan.

Yang pertama, peraturan-peraturan berkanun yang ditentukan melalui undang-undang di mana pada masa ini ada Akta Kilang dan Jentera yang diluluskan oleh Parlimen ini yang berkuatkuasa di negara kita pada masa ini yang menentukan alat-alat jentera yang digunakan di tempat pekerjaan itu selamat dan diperiksa dengan betul mengikut peraturan-peraturan yang ditentukan oleh Akta tersebut.

Kedua, ialah rasa tanggungjawab pihak-pihak yang berkenaan. Dalam hal ini, bukanlah terletak kepada Kerajaan, kepada Menteri, kepada Kementerian sahaja. Ianya terletak kepada majikan dan pekerja di tempat yang berkenaan itu. Sekiranya undang-undang dan peraturan ditentukan dan berkuatkuasa tetapi majikan masih memandang ringan dan pekerja-pekerja yang berkenaan juga masih memandang ringan maka sudah tentulah sukar kita hendak mengelak daripada berlakunya kemalangan.

Tetapi sukalah saya, Tuan Yang di-Pertua, mengambil peluang di dalam Dewan yang mulia ini memberi gambaran yang lebih jelas, walaupun dikatakan tadi bilangan pada pukul rata kemalangan berlaku di setiap sektor pekerjaan di seluruh negara kita ialah lebih kurang 100 setahun tetapi bilangan ini tidaklah sangat besar kerana berbanding dengan kepesatan pembangunan dalam negara kita, bangunan-bangunan tinggi tumbuh di merata tempat pada masa ini dan jika didapati kemalangan juga dapat dikawal hasil daripada kesedaran kedua-dua pihak dan kerjasama di antara majikan dan pekerja. Umpamanya di dalam bulan Julai ini sahaja (sehingga 31 Julai) semalam hanya satu sahaja kemalangan maut berlaku dalam negara kita di sektor binaan.

#### **PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA-CHINA**

**4. Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil Che Wan** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jenis dan jumlah dagangan dua

hala di antara Malaysia dengan China dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki lagi dagangan ini dan nyatakan 'response' dari Kerajaan China terhadap bahan-bahan eksport daripada Malaysia.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Oo Gin Sun);** Tuan Yang di-Pertua, jumlah perdagangan luar Malaysia dengan China pada tahun 1984, bernilai \$1,056.2 juta. Pada tahun yang sama eksport Malaysia ke China bernilai \$386.6 juta sementara import pula bernilai \$669.6 juta. Ini bermakna Malaysia mencatatkan kurangan perdagangan sebanyak \$283 juta.

Eksport ke atas bahan-bahan utama seperti getah, kayu balak dan minyak kelapa sawit adalah merupakan barangan eksport utama Malaysia ke negara itu. Pada tahun 1984, eksport ke atas tiga bahan utama ini menyumbang kira-kira 91.2% dari jumlah keseluruhan eksport Malaysia ke China. Sementara bakinya merupakan eksport ke atas barang-barang perkilangan. Dari segi import pula didapati bahawa bahan makanan dan buah-buahan adalah antara barangan import Malaysia yang terbesar dari China dan diikuti oleh tekstil. Import ke atas bahan makanan dan buah-buahan bernilai \$274.3 juta atau 40.9%.

Kerajaan sedar bahawa jumlah perdagangan duahala antara Malaysia dan China masih kecil, tetapi keadaan ini masih boleh diperbaiki dan dipertingkatkan lagi. Untuk itu, Kerajaan khususnya Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan terus melaksanakan kegiatan-kegiatan galakan eksport ke China dari masa ke semasa, termasuk penghantaran rombongan perdagangan dan penyertaan di dalam pameran-pameran perdagangan. Sementara itu, Pejabat Perdagangan Malaysia di China juga sentiasa membuat kajian ke atas potensi pasaran barang-barang Malaysia di China.

Setakat ini 'response' pihak China ke atas barang-barang eksport Malaysia adalah memuaskan, terutamanya bahan-bahan mentah seperti getah, kayu balak, minyak kelapa sawit dan koko. Ini disebabkan bahan-bahan itu amat diperlukan oleh pihak China untuk keperluan industri perkilangannya.

## BAYARAN TELEFON/TENAGA ELEKTRIK

**5. Dato Kamaruzaman bin Ahmad** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa bayaran-bayaran bagi kemudahan telefon dan tenaga elektrik di negara kita adalah di antara kadar bayaran-bayaran yang tertinggi di dalam dunia; dan jika sedar, nyatakan tindakan beliau akan ambil untuk menurunkan kadar Bayaran tersebut memandangkan negara kita kaya dengan sumber alam termasuk minyak petrol.

2.8.1985

**20. Tuan A. Shaik Dawood** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Kerajaan akan mengkaji semula bayaran telefon dan telex keluar negeri memandangkan bayaran tersebut di kebanyakan negara-negara Asia lebih murah berbanding dengan bayaran di Malaysia.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar):** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang hampir sama dengan soalan ini di Dewan Rakyat pada 24.7.85 dari Yang Berhormat Kawasan Pontian telahpun dijawab. Saya juga bercadang untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan Yang Berhormat Tuan A. Shaik Dawood yang dijadualkan pada 2.8.85 yang ada berkaitan dengan soalan ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya suka menyatakan sekali lagi bahawa adalah tidak begitu tepat untuk menyatakan bahawa bayaran telefon yang dikenakan oleh negara kita adalah di antara yang termahal di dunia. Berdasarkan kepada laporan yang dibuat oleh pihak Bank Dunia kepada Jabatan Perdana Menteri, adalah didapati kadar bayaran telefon dalam negeri kita terlalu rendah, manakala bayaran untuk panggilan antarabangsa agak tinggi. Bagi mengimbangi keadaan ini, laporan berkenaan mengesyorkan supaya struktur kadar bayaran perkhidmatan telefon negara disusun semula setimpal dengan kos yang ditanggung oleh Kerajaan dalam penyediaan perkhidmatan telefon serta kepentingan perhubungan, perdagangan dan pelaburan negara.

Dengan itu, keputusan telah dibuat iaitu mulai 16hb Julai, 1985 bayaran telefon dalam negeri dinaikkan daripada 10sen kepada 13 sen seunit dengan tujuan untuk menampung perbelanjaan dalam penyediaan perkhidmatan ini. Tambahan pula, kadar bayaran 10 sen seunit itu telah diperkenalkan sejak tahun 1965 lagi dan jika dikira berdasarkan faktor inflasi, bayaran yang patut dikenakan ialah 23 sen. Mulai tarikh yang sama juga bayaran panggilan telefon antarabangsa telah dikurangkan antara 10 hingga 55.3%, iaitu selaras dengan dasar negara untuk meningkat-pelaburan dan mengeratkan lagi hubungan dengan negara. Di samping penurunan kadar bayaran telefon antarabangsa, pihak Kementerian saya juga telah membuat keputusan untuk memperkenalkan Kadar Murah (Reduced Rate) bagi panggilan telefon antarabangsa kesemua negara mulai 1hb September, 1985 akan datang ini. Kadar Murah tersebut adalah merupakan kadar-kadar yang dikenakan bagi panggilan-panggilan antarabangsa yang dibuat pada waktu-waktu tertentu setiap hari dari hari Isnin hingga hari Jumaat, yang mana ianya adalah merupakan 2/3 daripada kadar biasa (standard rate). Kadar Murah ini adalah sama dengan kadar bayaran yang dikenakan pada hujung minggu (weekend rate) yang dilaksanakan pada masa ini. Adalah ditegaskan bahawa kadar bayaran telefon ini bukanlah dikenakan dengan begitu sahaja tetapi ianya dilakukan berasaskan kepada keperluan negara dan juga perbandingan dengan negara-negara lain, terutamanya negara jiran. Sementara itu, suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kadar bayaran teleks antarabangsa telahpun diturunkan antara 30 hingga 67 mulai dari 1 hb Mac, 1985 tahun ini juga.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tenaga elektrik pula sayugia dimaklumkan bahawa kadar bayaran tenaga elektrik yang ditetapkan adalah bergantung kepada kos untuk memberi bekalan tersebut kepada pengguna-pengguna. Dalam menentukan kos memberi bekalan tersebut pula, beberapa faktor perlu diambilkira seperti harga bahan api (fuel), jenis loji yang digunakan untuk menjana tenaga elektrik iaitu sama ada loji hidro atau haba, kecekapan pentadbiran dan sebagainya.

Untuk membuat perbandingan harga tenaga elektrik dengan adil dan saksama di beberapa buah negara, asas yang sama adalah diperlukannya. Memandangkan dasar, amalan dan punca tenaga yang terdapat di negara-negara lain adalah berlainan, adalah sukar mendapatkan asas yang sama untuk membuat perbandingan ini. Umpamanya, adalah sukar untuk membandingkan harga penjana tenaga elektrik di negara-negara yang mengimport bahan apinya untuk penjana kuasa dengan negara yang menguntukkan bahan apinya untuk kemudahan ini dengan harga yang 'nominal'. Malaysia mengimport bahan apinya untuk penjana kuasa sementara negara Thailand, Indonesia dan Filipina menguntukkan bahan api bagi penjana kuasa dengan harga yang 'nominal'.

Sebenarnya harga purata seunit tenaga elektrik yang dibayar oleh pengguna-pengguna di negara kita bukanlah merupakan harga yang termahal di dunia. Kadar harga ini adalah setanding dengan harga yang dibayar oleh pengguna-pengguna lain di dunia ini. Akan tetapi, akhir-akhir ini terdapat beberapa perubahan yang menyebabkan Kementerian sedang membuat kajian semula ke atas tarif elektrik dengan tujuan untuk menukar kadarnya. Perubahan-perubahan yang dimaksudkan ialah:

- (i) Harga minyak bahan api telah menurun.
- (ii) Penggantungan ke atas minyak bahan api dalam penjana tenaga elektrik telah berkurangan, iaitu daripada 85% kepada 76% berikutan dasar dan strategi mempelbagaikan penjana tenaga elektrik melalui 4 bahan api (gas, arang batu, hidro dan minyak).
- (iii) Hasrat Kerajaan untuk menggalakkan sektor industri pelancongan.

**Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada keseluruhannya saya bersetuju bahawa perkhidmatan-perkhidmatan di bawah pentadbiran Kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah berdasarkan kepada hasil membiayai kos, tetapi dalam hal kenaikan bayaran untuk telefon dalam negeri ini timbul masalah adakah kenaikan tersebut akan membawa kesan hasil pungutan akan melebihi kos perkhidmatan itu?

Yang keduanya, turunya bayaran untuk perkhidmatan telefon negara ini dengan luar negeri adakah ini bermakna bahawa Kerajaan menekankan kepentingan masyarakat peniaga dan naik turunya bayaran tersebut dan naiknya bayaran dalam negeri adakah ini bermakna bahawa berlakunya subsidi silang di antara pengguna dalam negeri dan pengguna untuk perkhidmatan luar negeri?

Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan tentang perkara ini kerana masyarakat membuat tafsiran itulah maksud dan tujuan perubahan bayaran-bayaran tersebut.

**Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetujulah sebab kenaikan pada 16hb Julai lalu telah menimbulkan banyak isu di kalangan masyarakat, terutama sekali pengguna-pengguna kemudahan telefon ini. Saya berterima kasih kerana berpeluang juga menerangkan di sini.

Sebenarnya mengikut unjuran atau 'projection' kira-kira dari segi Kementerian kami, kita akan mendapat hasil yang lebih dalam masa dua tiga tahun akan datang dengan kesan apabila kita menurunkan kadar antarabangsa akan menimbulkan banyak atau 'generate' banyak lagi aktiviti perhubungan dan akan meletakkan Malaysia sebagai tempat pusat perhubungan dan ini dengan sendirinya akan ada 'spill over effect' kepada perindustrian di kalangan ini. Walaupun diturunkan, kita kira oleh kerana penurunan ini sebagai bandingan setaraf atau seimbang dengan negarajiran terutamanya atau luar negeri, kita rasa akan menggalakkan lagi pertumbuhan industri perhubungan atau menggalakkan orang membuat perhubungan berasal dari sini.

Soal yang kedua tentang cross subsidy atau subsidi silang tadi, saya rasa walaupun diumumkan sekali iaitu kenaikan satu unit daripada 10 sen kepada 13 sen untuk panggilan setempat dan sekali gus juga kita umumkan penurunan kadar di luar negeri, sebenarnya bukan kerana ada cross subsidy atau subsidi silang. Sebenarnya sebagaimana saya terangkan dalam jawapan awal tadi kalau kita kira, dengan

izin, net present value, 10 sen pada tahun 1965, kalau dikirakan sekarang ini mengikut setengah-setengah pakar ekonomi; sekarang ini haruslah merupakan 23.5 sen dari segi kadar purchasing power, dengan izin. Jadi, oleh kerana sudah 20 tahun kadar 10 sen seunit begitu dan kita sudah banyak menanamkan investment, dari segi itu sahaja tidak berkait langsung dengan kadar luar negeri sahaja secara tersendiri (independent) munasabah kita menaikkan hanya 3 sen.

Ertinya, Tuan Yang di-Pertua, kalau dikira dari purchasing power memang kita terus berkurang. Kalau dihalusi memang merupakan satu kenaikan yang mengandungi unsur subsidi sendiri. Kalau 10 sen pada tahun 1965 sekarang ini seharusnya 23 sen kalau dari segi net present value, tetapi kita naikkan kepada 13 sen sahaja. Ini juga dengan sendirinya, kerana hajat Kerajaan untuk meletakkan kita sebagai seimbang atau setanding sebagai pusat perhubungan, kita dengan tidak wajar menitikberatkan kepada golongan perniagaan sahaja tetapi kita mesti akui negeri kita yang kecil begini, kita harus juga dan semestinya menitikberatkan perniagaan dan industri dalam negeri kita ini dan kita rasa dengan ini bukanlah sebagai satu faktor yang boleh menggerakkan dan menimbulkan kenaikan perkembangan industri di sini, tetapi ia merupakan satu sumbangan ke arah meletakkan negara kita sebagai tempat yang menarik bagi industrial development, dengan izin. Jadi, saya rasa seharusnya tidak ada kekeliruan walaupun kita umumkan dua perkara; satu, yang dinaikkan kepada 13 sen iaitu daripada 10 sen seunit dan satu lagi kita turunkan kadar daripada 10 hingga 50% lebih untuk perhubungan ke luar negeri.

#### DEKAD PEMBANGUNAN WANITA SEDUNIA

6. Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman minta Perdana Menteri menyatakan bahawa menepati dengan penyertaan Kerajaan Malaysia dengan aspirasi dan matlamat Dekad Pembangunan Wanita Sedunia yang akan berakhir pada tahun ini, apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan dan apakah komitmen dan perakuan Kerajaan untuk mengurangkan masalah hubungan pergantungan kaum wanita

terhadap kaum lelaki dan memperbaiki amalan dan perundangan yang mendiskriminasi kaum wanita di negara ini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih di atas keperasanan serta perhatian berat Yang Berhormat terhadap kedudukan wanita. Semoga ramai lagi akan mengikut jejak langkah Ahli Yang Berhormat ini yang nampaknya ada buat homework.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan matlamat Dekad Pembangunan Wanita Sedunia Kerajaan telah mengadakan beberapa usaha untuk memperbaiki kedudukan wanita di negara ini supaya mereka dapat memberi sumbangan yang aktif ke arah pembangunan negara serta menikmati hasil kemajuan sosial dan ekonomi negara bersama-sama dengan kaum lelaki.

Salah satu daripada usaha-usaha itu ialah menggalakkan penglibatan wanita dalam berbagai bidang pekerjaan; umpamanya dalam bidang perindustrian yang merupakan satu daripada bidang yang terbesar yang menampung tenaga pekerja wanita di kawasan bandar. Kaum wanita kini telah menikmati bayaran gaji yang sama dengan kaum lelaki dalam beberapa bidang pekerjaan tertentu. Mereka juga telah dibenarkan penilaian cukai pendapatan yang berasingan.

Dalam bidang-bidang pelajaran, latihan dan vokesyenal pula, Kerajaan telah menyediakan berbagai kemudahan tertentu serta peluang yang sama dengan kaum lelaki untuk meningkatkan taraf pelajaran, pengetahuan serta kemahiran kaum wanita. Selain dari itu Kerajaan juga telah mengadakan program-program untuk menambah pendapatan suri rumahtangga dan pendapatan seisi keluarga melalui penyediaan kemudahan seperti industri-industri kecil kraftangan.

Usaha-usaha juga diambil untuk mengkaji undang-undang yang mengandungi unsur-unsur diskriminasi terhadap wanita seperti dalam bidang pekerjaan serta keganasan terhadap wanita. Pindaan terhadap undang-undang tersebut akan dibuat jika didapati perlu dan berseesuaian.

**Dato G. Pasamanickam:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kita semua sudah tengok peristiwa dunia. Dalam Persidangan Wanita Antarabangsa di Afrika wanita banyak kondem ke atas lelaki dan apa yang dia buat. Mereka mengatakan lelaki telah menganiaya kaum wanita dan sebagainya. Tetapi di negara kita Menteri wanita pun ada, gaji kita bayar sama, jadi bagaimana? Sungguhpun begitu, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu adakah Malaysia ada mempunyai wakil dalam Persidangan Wanita Antarabangsa. Kalau Malaysia mempunyai wakil, berapa kali sudah menghadiri persidangan itu. Kalau tidak pernah hadir dalam persidangan itu apa sebabnya wanita tidak dapat pergi daripada negara ini?

**Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed:** Tuan Yang di-Pertua, bagaimana soalan Yang Berhormat tadi iaitu dalam persidangan yang baru tamat diadakan di Nairobi di mana Malaysia telah menghantarkan perwakilannya bagi pihak Kerajaan seramai 8 orang dan daripada pihak pertubuhan bukan Kerajaan seramai 6 orang. Maka di antara perkara-perkara yang dibincangkan tidaklah sekali-kali kaum wanita ini banyak menyalahkan ataupun menekan kepada pihak lelaki, tetapi kami dapati kaum lelaki yang banyak campur tangan (*Ketawa*) untuk mengalatkan kaum wanita dengan menggunakan kepentingan politik negara masing-masing seperti yang dilakukan oleh Amerika dan juga Rusia.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah menyokong segala dasar luar yang ditentukan oleh pihak Kerajaan tentang Apartheid dan juga tentang Palestin dan Israel dan lain-lain lagi. Malaysia adalah sentiasa mengambil bahagian dalam tiap-tiap kali persidangan yang diadakan sama ada persidangan pre-conference dan juga persidangan yang benar yang baru diadakan di Nairobi baru-baru ini dan oleh sebab Indonesia dan Filipina telah tamat kerusinya di dalam wakil wanita di Bangsa-Bangsa Bersatu, maka pada tahun ini Malaysia adalah dipelawa untuk duduk dan mengambil tempat mewakili negara di dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam Women Commission.

## PENJAGAAN ANAK KEPADA IBU

**7. Puan Lim Sean Lean** minta Menteri Kehakiman menyatakan sama ada Menteri berkenaan berhasrat memberi hak yang agung kepada seorang ibu dalam hal penjagaan kanak-kanak sekiranya pasangan itu telah bercerai memandangkan bahawa buat masa ini hak yang agung cuma diperuntukkan kepada seorang bapa melainkan dalam keadaan di mana tidak ada bapa yang hidup maka ibu akan menjadi penjaga. (The guardianship of infants Act 1961).

**Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. James P. Ongkili):** Tuan Yang di-Pertua, masalah yang ditimbulkan oleh "Ahli Yang" Berhormat iaitu berhubung dengan peruntukan Akta Penjagaan Kanak-kanak 1961 ini adalah masih dalam kajian pihak-pihak tertentu.

## PESARA BUKAN RAKYAT MALAYSIA

**8. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif** minta Perdana Menteri menyatakan berapa ramai pesara-pesara terdiri daripada bukan rakyat Malaysia yang menetap di negara asalnya dibayar pencen dan berapa banyakkah menglibatkan wang negara dalam setahun dan sama ada Kerajaan bercadang hendak menghapuskan skim persaraan kepada mereka.

**Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan pesara bukan rakyat Malaysia yang menetap di negara asalnya yang dibayar pencen adalah berjumlah seramai 4,324 orang dan jumlah perbelanjaan pada tahun 1984 ialah \$11,589,136. Mereka yang menetap di negara asalnya terdiri dari:

<i>Bil</i>	<i>Negara</i>	<i>Bilangan Pesara</i>
1.	India	2,029
2.	Singapura	492
3.	Sri Lanka	914
4.	United Kingdom	282
5.	Brunei Darussalam	17
6.	Pakistan	240
7.	Canada	37
8.	Amerika Syarikat	46
9.	Switzerland	2
10.	Bangladesh	2

<i>Bil.</i>	<i>Negara</i>	<i>Bilangan Pesara</i>
11.	Filipina	1
12.	Jerman Barat	1
13.	Thailand	3
14.	Hong Kong	2
15.	Indonesia	8
16.	Republik Arab Bersatu (Mesir)	4
17.	Arab Saudi	1
18.	China	2
19.	Jepun	3
20.	Peranchis	2
21.	Belanda (Holland)	1
22.	Austria	2
23.	Korea Selatan	1
24.	Papua New Guinea	1
25.	Australia	229
26.	Kuwait	1
27.	New Zealand	2

Oleh kerana bayaran pencen diasaskan kepada perkhidmatan yang disumbangkan oleh pesara, maka Kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan skim persaraan kepada mereka. Namun demikian, Pencen Terbitan yang dikurniakan di bawah Akta Penyelarasan Pencen, 1980 tidak lagi dipanjangkan kepada mereka yang menetap di luar negeri setelah tamat tempoh 12 % tahun dari tarikh persaraan.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah pernah terdapat pesara-pesara ini telah meninggal dunia sedangkan pencennya dibayar terus kerana soal mengesahkan kematian itu amat rumit bagi pihak kita? Sekiranya ada berlaku bagaimanakah caranya pihak Kerajaan kita mengetahui dan mengikut, mengesan tentang kesahahan sama ada pesara itu masih hidup atau telah mati?

**Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor:** Tuan Yang di-Pertua, maklumat yang diperlukan itu akan saya rujuk kepada pihak yang berkenaan dan saya pohon notis.

**Dato G. Pasamanickam:** Soalan tambahan. Bolehkah Menteri yang berkenaan memberitahu, adakah pesara-pesara orang Malaysia dapat pencen daripada luar negeri?

**Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor:** Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya, soalan ini adalah bertanyakan mengenai dengan pesara-pesara yang dibayar oleh Kerajaan Malaysia, adapun yang dibayar oleh negara lain, saya fikir masalah yang lain sama sekali.

#### BERAS TEMPATAN — PASARAN

**9. Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan mengapakah beras tempatan kurang mendapat pasaran berbanding dengan beras Siam yang diimport; dan apakah usaha bagi mengatasi masalah ini.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam.(Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):** Tuan Yang di-Pertua, dasar negara membekal beras keluaran tempatan di antara 80 - 85% dari jumlah keperluan (self-sufficiency) memerlukan Malaysia terus mengimport beras bagi menampung kekurangan pengeluaran dalam negeri dan untuk tujuan stokpail beras. Pada masa ini LPN mengimport beras daripada beberapa sumber seperti Thailand, Pakistan, Burma dan Australia. Kesemua beras yang diimport adalah dari jenis mutu yang tinggi dan dipasarkan mengikut kehendak gred-gred beras di dalam Perintah Beras (Kawalan Harga) 1974. Misalnya, beras Thai 100% Kelas B dipasarkan mengikut gred beras Malaysia Paling Panjang A1, manakala beras Thai 10% Hancur, Pakistan Irri-6 10% Hancur dan Burma Emata 5% Super pula dipasarkan sama sebagai beras Malaysia Panjang 10% Hancur A2. Dengan menggredkan dan memasarkan beras import seperti itu, bererti bahawa beras tempatan mempunyai mutu yang setanding dengan beras import. Kandungan beras Malaysia mengenai bahan kalori dan protein adalah sama juga dengan beras-beras yang di import.

Berkaitan hal pemasaran dan citarasa pengguna-pengguna, adalah didapati para pengguna kita lebih menggemari beras import, khususnya beras Siam. Ada di kalangan petani yang menjual kesemua hasil-hasil padi untuk mendapatkan subsidi dan harga tawaran padi tetapi sebaliknya membeli beras yang diimport seperti beras Siam bagi kegunaan harian mereka.

Kerajaan memberi perhatian yang serius ke atas aliran pemasaran beras tempatan ini. Penglibatan semua pihak dalam sektor industri padi dan beras daripada petani, pembeli, pengilang, peniaga dan pengguna adalah perlu bagi meningkatkan pemasaran beras tempatan.

Di peringkat pengeluaran benih, agensi Kerajaan seperti MARDI adalah sentiasa berusaha untuk menghasilkan benih-benih padi yang bermutu yang boleh menghasilkan benih-benih padi yang bermutu yang boleh menghasilkan beras yang baik, beras yang enak, mempunyai daya ketahanan serangan penyakit dan jangka masa tanaman yang pendek misalnya, padi jenis MR 71, 73 dan 77. Di samping itu petani-petani perlu memberi penjagaan yang sempurna ke atas tanaman padi mereka supaya padi yang ditanam boleh memberi hasil buah yang baik; menanam serta menuai mengikut jadual yang disarankan, menuai apabila padi telah cukup masak, tidak menjual padi yang terlalu basah dan banyak sampah serta jerami. Petani juga perlu menjaga kualiti padi yang mereka hendak jual kerana ini memberi kesan di dalam kerja-kerja pemerosesan dan kejatuhan kualiti beras yang akan dihasilkan kelak.

Para peniaga beras pula perlu berusaha untuk meningkatkan pasaran beras tempatan dengan memberi keutamaan jualan kepada beras tempatan berbanding dengan beras yang diimport. Dalam aspek pemasaran beras, LPN telah mengambil beberapa langkah tertentu seperti memberhentikan jualan beras Siam pada bulan Julai 1985 dan juga mengenakan sistem jualan beras import secara kuota dengan beras tempatan. Di bawah sistem penjualan ini pemborong beras yang membeli satu tan metrik beras Siam dikehendaki membeli dua tan metrik beras tempatan. LPN juga mengambil langkah mempergiatkan pemeriksaan ke atas pemborong-pemborong beras bagi mengesan dan mengurangkan penjualan beras Siam yang diseludup masuk ke negara ini. Langkah-langkah demikian perlu diambil bagi meningkatkan penjualan beras tempatan.

**Tuan Ahmad bin Othman:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai dengan kedudukan beras di negara ini. Oleh kerana ini ada kaitan, adakah pihak Yang

Berhormat Timbalan Menteri sedar iaitu beras-beras yang dikeluarkan di dalam pasaran iaitu dibubuh di dalam kimpit di masa sekarang dijual di dalam pasaran mutunya beras Malaysia terlalu rendah kalau kita lihat dalam A1, bukan A1 lagi menjadi 1C. Mengapakah terjadinya begini? Oleh kerana itu, saya berharap kepada pihak Menteri janganlah berasa marah kepada orang sebelah utara oleh kerana memakan beras Siam, oleh kerana beras Siam bukan sahaja putih dan wangi, citarasanya lebih enak daripada beras Malaysia.

Oleh sebab yang saya berkata demikian, kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri mempunyai hasrat supaya orang sebelah utara memakan beras Malaysia hendaklah bagi pihak Menteri itu mengambil tahu beras yang di dalam kimpit itu bukan A1 lagi, sekarang ini menjadikan 1C. Jadi etarasanya tidak enak seperti mana citarasa kalau kita beli beras Siam 100% memanglah baik. Bukan sahaja rasanya, lain-lain pun buah-buahannya memang bagus buah-buahan Siam daripada buah-buahan Malaysia lagi. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, nasib baiklah ada orang selatan hendak makan beras-beras daripada orang utara. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, pihak LPN menentukan supaya beras-beras yang dikampitkan itu mengikut dasar dan syarat-syarat yang dikehendaki oleh undang-undang iaitu hendaknya dan mestilah ditentukan kualiti beras yang digredkan itu setaraf dengan gred yang dipastikan di bawah Akta Penggredan Beras.

Walau bagaimanapun, sekiranya ada didapati perkara ini berlaku, pihak LPN akan mengambil nasihat ini dan akan mengkaji serta meneliti dan juga menyiasat perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

**Tuan Fadzil bin Mahmood:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa sepertimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa gred atau mutu beras ini disebabkan oleh petani itu sendiri kerana sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan petani menjual berasbasah, mempunyai jerami

dan sebagainya. Tetapi rasa saya bukan sebab itu, kerana mutu beras itu sendiri, sifat beras itu sendiri tidak mempunyai mutu yang tinggi. Sepertimana pada masa dahulu beras Mahsuri, petani yang sama juga membawa beras Mahsuri ia itu satu jenis beras yang bermutu tinggi, jadi saya rasa bukanlah salah kepada pak tani sangat, tetapi disebabkan oleh sifat beras itu sendiri.

Adakah pihak LPN ataupun pihak MARDI akan membuat kajian supaya mengeluarkan atau menghasilkan beras yang lebih bermutu daripada yang ada sekarang ini?

**Tuan Haji Daud bin Dato Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi hasrat Kerajaan khususnya MARDI untuk menentukan supaya padi-padi yang dikeluarkan di negara kita bertambah baik dari segi mutu dan hasilnya, seperti mana yang kita dapati beberapa jenis padi yang kita keluarkan mutunya adalah bertambah baik, dapat menahan daripada penyakit dan bertambah enak tetapi cuma citarasa orang kita sahaja yang belum lagi dapat menerima perubahan yang begitu cepat sekarang, pada pendapat saya.

Mengenai beras Mahsuri itu saya ingat mutu beras itu sudahpun dan ditingkatkan lagi yang mana sekarang ini kita dapati bermacam-macam mutu beras 71, 73 dan 77, Tuan Yang di-Pertua.

#### CUTI KHAS KAKITANGAN AGAMA HINDU

**10. Dato G. Pasamancikam** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat memberi cuti kepada kakitangan Kerajaan yang beragama Hindu untuk menunaikan ibadat mereka di India (Kasi dan Rameswaram) di mana ibadat tersebut sama pentingnya dengan menunaikan Fardhu Haji.

**Dato Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kerajaan belum pernah menerima apa-apa permohonan untuk mendapatkan cuti khas bagi kakitangan Kerajaan yang beragama Hindu atau agama lain untuk menunaikan ibadat mereka

ke tempat yang disebutkan iaitu Kasi dan Rameswaram. Oleh yang demikian, soal sama ada Kerajaan ada atau tidak ada hasrat memberi cuti belumlah timbul.

#### PELANCONG KE MALAYSIA - DASAR KERAJAAN

**11. Puan Sri Datin Janaki Athi Nahappan** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan rancangan untuk melaksanakan dasar Kerajaan menarik lebih ramai pelancong dan nyatakan tindakan yang diambil untuk membersihkan dan mengindahkan bandar-bandar dan pekan-di negara ini.

**Dato Oo Gin Sun:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam hasrat Kerajaan untuk menambahkan bilangan kedatangan pelancong ke Malaysia, Kerajaan melalui Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (TDC) sedang giat menjalankan beberapa usaha pemasaran melalui kempen pengiklanan di media pengguna dan perdagangan, melalui aktiviti-aktiviti perhubungan awam dan juga penyertaan dalam penggalakan antarabangsa.

Di samping itu, dalam tahun ini Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia juga mengarturkan misi jualan pelancongan ke Australia, Amerika Syarikat, Kanada, Eropah, Negeri Jepun, Hong Kong dan Korea bagi tujuan memperkenalkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang istimewa dan untuk menarik minat mereka yang terlibat dalam industri pelancongan untuk menyertai Konvensyen PATA 1986 di Kuala Lumpur.

Memandangkan bahawa kebersihan dan pengindahan bandar-bandar dan pekan-pekan adalah penting di dalam menarik pelancong, Kerajaan sentiasa berusaha dan menggalakkan Kerajaan-kerajaan Negeri dan pihak-pihak berkuasa tempatan untuk mengambil langkah-langkah membersihkan dan mengindahkan bandar-bandar dan pekan-pekan masing-masing. Di samping itu, berbagai kempen kebersihan telah diadakan. Ini adalah kerana rakyat jelata mempunyai peranan dan tanggungjawab utama di dalam usaha kebersihan ini.



**Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan sangat tertarik hati daripada usaha Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang ingin menarik lebih banyak pelancong masuk ke negara ini. Selain daripada usaha Kerajaan dan juga Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia yang ingin menarik lebih ramai pelancong daripada seluruh dunia ke-Malaysia ini apakah penglibatan-penglibatan seperti pihak pekedai-pekedai dan teksi-teksi kerana mereka ini adalah yang terlibat. Jadi saya berharap kepada Kementerian ini bahawa dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan pelancongan tidak semata-mata diserahkan kepada Perbadanan Pelancongan dan seperti mana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada segi pengindahan bandar, kebersihan bandar adalah salah satu daripada daya penarikan kepada pelancong.

Jadi apakah penglibatan daripada mereka yang berkenaan seperti mereka yang mempunyai kedai-kedai, restoran-restoran dan juga teksi-teksi? Adakah mereka ini dapat membayangkan bahawa mereka ini orang-orang yang turut memainkan peranan bersama seperti memberikan layanan yang baik ataupun courtesy, budi bicara yang baik, lemah lembut supaya mereka ini dapat membawa pelancong-pelancong merasakan mereka itu mendapat penghargaan yang baik? Jadi inilah seperti mana yang diamalkan oleh negara lain baik di Singapura, jiran kita, ataupun di Manila, courtesy adalah lebih penting dan penglibatan secara keseluruhan ini ada wujud tetapi di Malaysia saya tidak nampak ini semua, hanya TDC dan Kementerian tetapi daripada segi sektor yang lain hanya mencari keuntungan sahaja. Jadi saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah penglibatan mereka-mereka ini dalam peningkatan pelancongan ke negara ini?

**Dato Oo Gin Sun:** Tuan Yang di-Pertua, Berbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia ada membuat cadangan seperti Ahli Yang Berhormat itu, tetapi oleh kerana ekonomi negara kita ini tidak berapa memuaskan, duit pun tak mencukupi lagi, jadi saya berharap pada tahun

hadapan kalau ekonomi negara bertambah baik (improves), saya fikir Kerajaan boleh jalankan cadangan Ahli Yang Berhormat itu.

**Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman:** Daripada apa yang saya baca, satu faktor penting dalam soal pelancongan negara kita ini ialah keindahan alam sekitar di negara kita ini. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, alangkah baiknya kalau sekiranya alam sekitar yang indah ini bukan sahaja dapat dinikmati oleh pelancong daripada luar negeri, tetapi juga penduduk tempatan. Jadi saya ingin bertanya, apakah langkah-langkah yang khusus yang dibuat oleh pihak-pihak yang berkenaan untuk menggalakkan pelancongan di kalangan rakyat kita sendiri?

**Dato Oo Gin Sun:** Tuan Yang di-pertua, Perbadanan Kemajuan-Pelancongan ada mengambil langkah-langkah untuk menarik pelancong dari dalam negeri dan juga dari luar negara kita.

**Tuan Ahmad bin Othman:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri berkenaan adakah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bercadang selain daripada kita menarik pelancong daripada Australia, Amerika dan sebagainya, adakah Kementerian berkenaan bercadang untuk menarik pelancong-pelancong daripada negara Thailand untuk datang ke Malaysia oleh kerana kita tahu sekarang ini kebanyakan rakyat Malaysia suka melancong ke Thailand. Adakah pihak Kementerian berusaha membawa pula pelancong daripada Thailand ke Malaysia?

**Dato Oo Gin Sun:** Tuan Yang di-Pertua, dalam ASEAN sekarang ini ada suatu Jawatankuasa Khas untuk menarik pelancongan dalam negeri seperti dari Thailand masuk ke Malaysia dan dari Malaysia pergi ke Hadyai pun ada. Jadi saya berharap semua negeri di dalam ASEAN boleh bekerjasama dan menolong negara-negara sendiri.

**Tuan Haji Hussein bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, perhotelan tak dapat dipisahkan dengan perkembangan industri pelancongan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa sewaan hotel di negara kita ini agak

tinggi jika dibandingkan dengan sewaan hotel di lain-lain negara, dan kalau ini disadari dan tidak diatasi, apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri terfikir bahawa masalah sewaan hotel yang tinggi ini merupakan salah satu faktor yang menghalang perkembangan industri pelancongan ke negara kita ini?

**Datuk Oo Gin Sun** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar sewa hotel di dalam negara ini memang tinggi kalau hendak compare dengan lain-lain negara. Tetapi faktor ini Kementerian ini ada mengambil tindakan. Saya berharap tahun hadapan ini Kementerian saya pun akan announce electricity rate diturunkan. Saya berharap hotel ratelni boleh diturunkan.

### KBSR-RANCANGAN MELAKSANAKAN

**12. Tuan Ng Ah Poi** minta Menteri Pelajaran menyatakan dengan secara ringkas apakah rancangan yang telah dijalankan untuk melaksanakan KBSR pada masa yang akan datang.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Yang di-Pertua, Kurikulum Baru Sekolah Rendah yang dilancarkan pada tahun 1982 secara terhad mula dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 1983 bagi tahun satu sekolah rendah. Pada tahun ini iaitu 1985 program KBSR adalah dalam peringkat pelaksanaan bagi tahun tiga dan percubaan bagi tahun empat. Program ini terus akan dilaksanakan sehingga tamat tahun enam sekolah rendah pada tahun 1988 dan seterusnya.

Rancangan-rancangan yang telah dijalankan untuk melaksanakan program ini termasuklah memberi orientasi dan bimbingan kepada guru-guru, menyediakan bahan-bahan pengajaran dan pelajaran dan membuat pengesanan mengenai perjalanan program ini. Murid-murid dalam program ini menunjukkan minat dan prestasi yang baik dalam menguasai kemahiran asas 3M iaitu membaca, menulis dan mengira.

**Datuk K. Kumaran:** Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa kelas bahasa ibunda di Sekolah Kebangsaan Rendah dan Sekolah Rendah Kebangsaan dalam darjah 3 tahun ini

diajar oleh guru-guru biasa dan bukan oleh guru-guru dilatih mengikut Kurikulum Baru Sekolah Rendah. Jika sedar, apakah rancangan-rancangan Kementerian untuk melatih guru-guru bahasa ibunda ini mengikut Kurikulum Baru Sekolah Rendah?

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, kita memang sedar ada sekolah-sekolah yang memang belum dilatih mengikut asas ini dan ini dikatakan bahawa mereka masih berasaskan kepada kurikulum lama sekolah rendah. Namun demikian, kita sentiasa menilai, meneliti perkara ini dan mengambil tindakan sewajarnya. Kita mempunyai program tertentu untuk menentukan supaya mereka ini diresapi dalam program melatih guru-guru itu untuk bersedia mertgajar KBSR ini.

**Puan Nen Abidah binti Abdullah:** Soalan tambahan. Adakah benar iaitu KBSR ini akan diajar di kelas-kelas TABIKA, KEMAS pula?

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang dimaksudkan dengan satu pengumuman yang diberi, baru-baru ini ialah bukan kurikulum baru. Yang dimaksudkan ialah satu kurikulum khas yang disediakan oleh Pusat Kurikulum ataupun CDC untuk digunakan oleh pihak KBSR, TABIKA dan ini ialah untuk memberi panduan kepada mereka supaya matapelajaran ataupun sukatan pelajaran yang diajar itu selaras di seluruh negara. Jadi, ini bukan bermaksud bahawa kelas TABIKA akan diberi apa yang dikatakan KBSR yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

**Tuan Jaafar bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mendapat penjelasan iaitu dalam pelaksanaan kurikulum KBSR ini adakah atau tidak dimasukkan matapelajaran jawi. Dan jika ada, berapa minit dalam seminggu?

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini begitu spesifik. Namun demikian, kita memang memperuntukkan masa untuk pengajian agama Islam, termasuklah tulisan jawi. Dan kita menitikberatkan soal ini kerana pelajar-pelajar ini ditentukan supaya mempelajari Al-Quran dan dari segi masa minitnya mungkin 60 minit, saya lupa. Saya mohon maaf dan perlu merujuk lagi.

## KEMPEN BELILAH BARANGAN BUATAN MALAYSIA

**3. Tuan Haji Shuaib bin Lazim** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejak pelancaran untuk membeli barang-barang Malaysia nyatakan sambutan dan hasil-nya dan bila kempen ini akan berakhir.

**Dato Oo Gin Sun:** Tuan Yang di-Pertua, kempen belilah barangan buatan Malaysia dilancarkan dengan tujuan menyedarkan dan menarik perhatian pengguna-pengguna sama ada orang persendirian atau pengguna industri kepada wujudnya barang-barang dan perkhidmatan yang dibuat atau dibekal oleh pengeluar-pengeluar dalam negeri. Ia juga bertujuan menyedar dan menggalakkan pengusaha atau pekilang-pekitang tempatan supaya meningkatkan mutu keluaran masing-masing dan menjualnya dengan harga yang berpatutan.

Untuk mencapai objektif ini, beberapa aktiviti telah disusun dan dijalankan, seperti aktiviti-aktiviti penerangan, publisiti, pameran, pendidikan dan peningkatan mutu. Kesemua aktiviti itu mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Melalui aktiviti seranta yang dijalankan menerusi media massa kita telah disedarkan tentang kempen ini, seperti yang dapat dilihat daripada laporan-laporan berita, rencana-rencana khas dalam akhbar. Kementerian saya juga menerima maklum balas berupa pandangan, ulasan dan cadangan dari pelbagai pihak tentang kempen ini dan bagaimana mereka dapat memberi sumbangan menjayakan kempen ini.

Tuan Yang di-Pertua, pekilang-pekilang tempatan juga telah memberikan sambutan positif kepada seruan supaya meningkat mutu keluaran masing-masing. Suatu usaha ke arah menggalakkan pekilang-pekilang tempatan meningkatkan mutu barangan dan menggunakan bahan dan teknologi tempatan berupa pertandingan untuk merebut gelaran 'Anugerah Barangan Cemerlang' mendapat sambutan dan penyertaan yang baik daripada pihak pekilang. Sementara itu, pasaraya-pasaraya atau 'supermarket' di seluruh negara mengadakan promosi dan pasaran barangan buatan Malaysia.

Manakala, dari segi pendidikan pula yakni membentuk nilai-nilai kepenggunaan dan semangat kebanggaan terhadap barangan tempatan, usaha-usaha ditumpukan kepada penuntut-penuntut sekolah. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan seperti pertandingan melukis poster, mengarang essei dan syarahan telah membangkitkan kesedaran para penuntut sekolah mengenai kempen belilah barangan buatan Malaysia ini. Oleh yang demikian, setakat ini saya berpuas hati bahawa berdasarkan 'response' yang kita terima, objektif kita menimbulkan kesedaran tentang perlunya membeli barangan buatan Malaysia tercapai.

Oleh sebab kempen belilah barangan buatan Malaysia ini sesungguhnya suatu proses pendidikan dan perubahan sikap yang ditujukan kepada semua sektor masyarakat, terutamanya pengguna dan pekilang, maka kempen ini akan berjalan secara berterusan selama difikirkan perlu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sudah cukup.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No, 14 hingga No.53 adalah diberi di bawah ini.]*

## BOLA SEPAK/BADMINTON — MUTU PENCAPAIAN

**14. Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pencapaian negara dalam bidang sukan, khususnya hoki, bola sepak, badminton telah jauh merosot berbanding dengan tahun 1950an dan 1960an dulu; dan apakah langkah-langkah jangkah pendek dan jangka panjang Kementerian untuk mempertingkatkan semula 'standard' sukan ini.

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menyedari tentang kemerosotan pencapaian negara di dalam sukan termasuk juga sukan-sukan hoki, bola sepak dan badminton dibandingkan dengan tahun-tahun 1950an dan 1960an. Tugas memajukan sukan di negara ini adalah terletak di bahu Kerajaan dan juga pihak-pihak lain

terutamanya Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan. Peranan Kementerian adalah lebih banyak memberi sokongan serta bantuan-bantuan yang sesuai untuk membangun dan memajukan sukan secara keseluruhan di negara ini. Tugas yang lebih berat adalah dipikul oleh Persatuan Sukan Kebangsaan yang berkenaan yang memajukan sukan masing-masing peraturan-peraturan yang disediakan oleh Badan-badan Sukan Antarabangsa masing-masing? Sebagai Kementerian yang bertanggungjawab untuk memajukan sukan di negara ini kemampuan untuk memajukan semua sukan di peringkat antarabangsa adalah terhad kerana Kementerian juga mempunyai peranan yang lebih besar untuk kesejahteraan fizikal rakyat melalui program 'Sukan Untuk Masyarakat'. Walau bagaimanapun, Kementerian sedang dan telah mengambil langkah-langkah untuk memajukan sukan termasuklah sukan hoki, bola sepak dan badminton dan langkah-langkah ini bolehlah dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu:

- (i) Struktur dan Organisasi Sukan
- (ii) Rancangan-rancangan Teknikal
- (iii) Penggalakan
- (iv) Kemudahan Sukan

Dari segi **struktur dan organisasi**, Kerajaan telah menubuhkan Majlis Sukan Negara iaitu sebuah Badan Berkanun dengan jentera pentadbirannya yang tetap bagi menyediakan rancangan-rancangan untuk mempertingkatkan mutu sukan negara kita terutama sekali di kalangan antarabangsa.

Dalam bidang ini juga semua Majlis Sukan Negeri dipinta menyusun semula organisasinya bagi memperkemaskan jentera pentadbiran, termasuk menggalakkan penubuhan Majlis Sukan Daerah.

Bahagian Sukan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga diberi mandat baru untuk menggalakkan sukan, rekreasi dan keergasan di kalangan masyarakat Malaysia kerana perkara ini merupakan usaha teras bagi kemajuan sukan di negara ini pada masa hadapan.

Pertubuhan dan Persatuan Sukan Kebangsaan juga berusaha menyusun semula dan

memperkemaskan jentera pentadbiran dan pelaksanaan program sukan mereka.

Mengenai perkara-perkara teknikal, Majlis Sukan Negara Malaysia sedang menyusun semula dan memperkemaskan serta menyelaraskan dengan Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan berhubung dengan mempertingkatkan taraf kejurulatihan bagi semua sukan dalam semua peringkat.

Mereka juga diminta dan digalakkan untuk membuat rancangan pembangunan termasuk rancangan latihan kepada athlit-athlit, jurulatih-jurulatih dan pegawai-pegawai sukan bagi tempoh lima tahun atau sekurang-kurangnya menjelang Sukan Asia di Seoul, Korea Selatan pada hujung tahun 1986 di bawah projek Target 1986.

Berbagai-bagai seminar diadakan yang melibatkan pakar-pakar dalam negeri dan luar negeri. Beberapa jenis sukan telan membawa masuk jurulatih-jurulatih yang berkelayakan serta berpengalaman di luar negeri untuk jangka pendek bagi sesuatu kejohanan.

Majlis Sukan Negara Malaysia menubuhkan Pasukan Pelapis untuk beberapa jenis sukan. Mereka terdiri daripada athlit-athlit yang berpotensi dan diberi latihan dengan tujuan untuk mengambil tempat bagi Pasukan Kebangsaan pada satu jangkamasa yang sesuai. Antara persatuan yang mempunyai Skim Pasukan Pelapis ialah hoki, squash, bola keranjang, ping pong, tenis, lumba basikal dan bola sepak. Persatuan-persatuan sukan bolasepak dan badminton juga telah merancang program-program yang melibatkan pemain-pemain muda. Program ini dilaksanakan bersama antara Majlis Sukan Negara Malaysia dengan Persatuan Sukan Kebangsaan yang berkenaan.

Beberapa rancangan penggalakan sedang berjalan dan juga sedang dirancangkan. Ini termasuk Skim Perangsang Majlis Sukan Negara Malaysia yang mengeluarkan bantuan kewangan kepada athlit-athlit yang terpilih untuk membantu dalam bidang latihan mereka sepanjang masa mereka bergiat cergas dalam peringkat sukan untuk pertandingan antarabangsa. Skim bantuan kepada jurulatih-jurulatih telahpun dilancarkan di mana mereka yang

terpilih dan mengendali latihan kepada athlit-athlit terkemuka diberi elaun pada tiap-tiap bulan.

Rancangan Anugerah Sukan Negara masih diteruskan. Di bawah rancangan ini, pada tiap-tiap tahun Olahragawan/Olahragawati Kebangsaan dan Pasukan-pasukan Sukan Kebangsaan dipilih dan diberi anugerah-anugerah termasuk hadiah-hadiah wang tunai melalui Persatuan Sukan masing-masing.

Dari segi kemudahan sukan walaupun sumber kewangan untuk mendirikan kemudahan-kemudahan sukan yang baru terhad, segala usaha dijalankan untuk mempertingkatkan dan memperalatkan kemudahan-kemudahan sukan yang telah sedia ada. Kerajaan Persekutuan dan juga beberapa buah Kerajaan Negeri membina kemudahan-kemudahan sukan yang baru seperti Stadium Tun Razak di Kuala Lumpur, dan Stadium Negeri di Kuala Trengganu.

Kerajaan bersetuju untuk menubuhkan sebuah Institut Sukan Negara yang mempunyai implikasi dan perancangan jangkamasa panjang. Perancangan awal seperti mengadakan pelan induk sedang berjalan sekarang. Perancangan non-fizikal Institut ini iaitu dari segi bidang pelajaran sedang disusun dengan rapihnya oleh Majlis Sukan Negara Malaysia. Beberapa bidang tugas dan program Majlis ini bolehlah dijadikan sebagai asas rancangan non-fizikal Institut Sukan Negara.

#### **PEMAJU PERUMAHAN - MERATAKAN TAPAK BANGUNAN**

**15. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan langkah-langkah perlu yang mesti dilaksanakan oleh pemaju-pemaju perumahan dalam kerja-kerja meratakan tapak bangunan yang mengakibatkan kerosakan kawasan pertanian, pengaliran air sungai tersekat dan memudahkan berlaku banjir di musim hujan dan langkah-langkah keselamatan supaya serpihan batu besar yang diletupkan tidak membahayakan penduduk dan kediaman yang berhampiran dengan projek tersebut.

**Timbalan Menteri Perumahan (Dato S. Subramaniam):** Sebelum sesuatu kerja meratakan

tapak bangunan dapat dilaksanakan oleh pemaju sesuatu rancangan perumahan, kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan adalah diperlukan. Pihak pemaju akan diminta mengemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan pelan-pelan dan penentuan-penentuan mengenai kerja tanah untuk pertimbangan dan kelulusannya. Biasanya dalam memberikan kelulusan kepada pemaju perumahan, Pihak Berkuasa Tempatan akan mengenakan beberapa syarat berkaitan dengan kerja-kerja tanah seperti meratakan tapak, cara membuang tanah, langkah-langkah untuk mencegah banjir dan kacauganggu atau kerosakan kepada kawasan jiran dan juga syarat-syarat tertentu mengikut Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 serta Undang-undang Kecil Kerja Tanah yang dibuat di bawah Akta ini.

Semasa kerja-kerja meratakan tapak bangunan ini berjalan, Pihak Berkuasa Tempatan boleh mengawasi dan memastikan bahawa segala langkah-langkah keselamatan dan syarat-syarat yang dikenakan adalah dipatuhi oleh pihak pemaju perumahan. Pihak Berkuasa Tempatan juga boleh memerintahkan supaya sesuatu kerja tanah itu diberhentikan jika terdapat sesuatu pelanggaran terhadap mana-mana penentuan dan syarat-syarat yang dikenakan.

Langkah-langkah keselamatan dalam kerja tanah yang menggunakan letupan adalah diluluskan oleh pihak polis yang akan mengenakan syarat-syarat tertentu untuk menjamin keselamatan kepada penduduk dan kediaman yang berhampiran dengan sesuatu projek perumahan. Langkah-langkah ini perlulah juga dikemukakan untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Tempatan oleh pemaju perumahan semasa mengemukakan pelan-pelan kerja tanah.

#### **STESEN BOMBA DI JERTEH**

**16. Puan Hasanah binti Mohd.Kassim** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk menempatkan satu stesyen bomba di Jerneh (Besut)Trengganu, kerana memandangkan kadar kebakaran sering berlaku di Daerah tersebut; jika ada cadangan, bila akan diadakan; dan jika tidak, kenapa.

**Dato S. Subramaniam:** Buat masa ini Kementerian saya belum bercadang hendak menempatkan sebuah balai bomba di Jerteh, kerana balai bomba yang sedia ada di Kampung Raja adalah terletak hanya lebih kurang 11 km. daripada pekan Jerteh. Selain daripada itu, bantuan juga boleh diperolehi daripada Balai Bomba Pasir Puteh, Kelantan yang terletak lebih kurang 19 km. daripada Jerteh. Di dalam satu-satu kebakaran, kereta bomba daripada Kampung Raja boleh tiba di Jerteh dalam tempoh 8 ke 10 minit selepas menerima panggilan, manakala bantuan daripada Pasir Puteh pula dalam anggaran tempoh 15 ke 18 minit. Kementerian saya berpuashati buat sementara waktu dengan susunan balai-balai bomba yang ada di Besut dan Pasir Puteh memandangkan kepada jenis-jenis risiko yang ada. Dianggap bahawa Jerteh mempunyai perlindungan kebakaran yang lebih baik jika dibandingkan dengan setengah-setengah pekan lain di negara ini. Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan mengambil langkah-langkah yang sesuai supaya dapat menambah balai-balai bomba di tempat-tempat yang sudah memerlukannya.

#### BACAAN AL-QURAN DI TV

**17. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa bacaan dan tafsiran Al-Quran yang disiarkan di TV Malaysia pada awal dan akhir rancangan adalah tidak teratur; jika sedar nyatakan sama ada RTM ada rancangan untuk menyediakan rancangan ini secara bersambung-sambung dari surah pertama hinggalah ke surah akhir.

**Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Mohd. Kasim'bin Ahmed):** Ayat-ayat Suci Al-Quran bagi rancangan pembukaan siaran TV adalah merupakan ayat-ayat suci yang bertujuan untuk memberi penekanan terhadap nilai-nilai murni yang kini perlu diberi penekanan khusus.

Mengenai soalan Yang Berhormat berkaitan dengan penyediaan rancangan bacaan Al-Quran bersambung dari awal hingga ke akhir surah Al-Quran, ingin saya memaklumkan Dewan Yang Mulia ini bahawa rancangan ini semanganya disiarkan tiap-tiap hari oleh Radio Malaysia.

#### PARKING METER

**18. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada parking meter yang ada sekarang didapati sesuai dan sama ada Bandaraya akan menswas-takan semua tempat-tempat letak kereta di Kuala Lumpur.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Dato Shahrir bin Abdul Samad):** Meter-meter letak kereta yang dipasang sekarang ini adalah sesuai dan dapat diterima oleh prang ramai. Ini dilihat dari segi kurangnya aduan dari pemandu-pemandu kenderaan selepas setahun setengah meter-meter letak kereta di pasang di 1,788 petak-petak letak kereta.

Dewan Bandaraya telahpun membual keputusan bahawa kesemua jempat-tempat letak kereta yang dikawal olehnya diswastakan dan dipasang dengan meter-meter letak kereta. Jika segala-galanya berjalan lancar sebanyak 6,445 petak akan dipasang dengan meter-meter letak kereta mulai 1.1.1986.

#### PEKERJA MALAYSIA DI KILANG ELEKTRONIK AMERIKA SYARIKAT

**19. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Buruh menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kira-kira 42,000 orang pekerja Malaysia di tiga-belas (13) buah kilang elektronik Amerika Syarikat di sini mungkin menganggur akibat dari kempen penggalak Kerajaan Amerika untuk mendorong pengusaha-pengusahanya di luar negeri pulang ke tanah air mereka; jika ya, nyatakan langkah-langkah sementara dan jangka panjang yang telah dibuat untuk mengatasi masalah ini sekiranya ia berlaku.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Kementerian saya tidak mengetahui tentang sebarang kempen yang dijalankan oleh Kerajaan Amerika Syarikat menggalakkan pengusaha-pengusahanya supaya kembali ke tanah air mereka seperti didakwa. Sebaliknya, pengusaha-pengusaha Amerika terus menunjukkan minat untuk melabur di Malaysia atas sebab-sebab yang tertentu seperti kestabilan politik, tenaga manusia, insentif dan lain-lain lagi. Dalam tempoh Januari hingga Jun, 1985, sejumlah 55 pertanyaan pelaburan telah diterima oleh

Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA). Dalam tempoh Januari hingga Jun, 1985, adalah difahamkan bahawa sejumlah 11 buah perusahaan baru dengan penyertaan Amerika Syarikat telah diluluskan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Dua daripada kelulusan tersebut melibatkan penubuhan kilang-kilang elektronik baru.

Dalam tempoh beberapa bulan kebelakangan ini terdapat sedikit pengenehan pekerja-pekerja di kilang-kilang elektronik kepunyaan Amerika Syarikat. Akan tetapi, pengenehan tersebut adalah merupakan sebahagian dari proses penyusunan semula industri tersebut akibat kemelesetan ekonomi dunia. Pekerja-pekerja yang diketepikan itu telah dibayar faedah-faedah pengenehan seperti yang diperuntukkan di bawah undang-undang buruh negara ini. Kementerian saya juga membantu pekerja-pekerja yang terlibat dalam pengenehan untuk mencari pekerjaan lain melalui pejabat-pejabat pekerjaan yang terletak di seluruh negara.

#### SIARAN RADIO BAGI ORANG ASLI

**20. Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Penerangan menyatakan:-

- (a) sama ada beliau sedar bahawa siaran radio bagi, Masyarakat Orang Asli yang disiarkan oleh RTM pada masa ini selama dua jam sahaja itu, iaitu dari pukul 2.00 hingga pukul 4.00 petang, adalah terlalu singkat dan tidak sesuai masanya oleh kerana pada ketika itu orang-orang sedang sibuk bekerja. Jika sedar, nyatakan sama ada RTM bercadang memanjangkan masa siarannya sehingga pukul 8.00 malam; dan
- (b) sama ada bahasa-bahasa kaum Orang Asli selain dari Bahasa Semai dan Temiar akan juga digunakan dalam siaran-siaran tersebut.

**Tuan Mohd.Kassim bin Ahmad:** RTM sedang mengkaji dengan terperinci bukan sahaja soal masa siaran yang begitu singkat, malah mengkaji dan meneliti maklumbalas yang diterima mengenai rancangan yang telah disiarkan, dan

juga gelombang yang digunakan sama ada mereka di pendalaman menerima jelas atau sebaliknya.

Mengenai soalan (b), sukacita dimaklumkan Dewan Yang Mulia ini, bahawa Kementerian berpendapat peraturan yang ujud sekarang ada memadai.

#### AKTA SYARIKAT — PELANGGARAN

**21. Tuan Tan Chang Soong** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan kes dakwaan yang telah diambil terhadap syarikat-syarikat yang melanggar Akta Syarikat-syarikat 1965 dan jika ada nyatakan sifat-sifat pendakwaan itu. .

**Dato Oo Gin Sun:** Seperti Yang Berhormat sedia maklum, kesalahan-kesalahan di bawah peruntukan-peruntukan Akta Syarikat-syarikat 1965 adalah kes-kes saman. Kebanyakan kesalahan-kesalahan yang ditakukan oleh syarikat-syarikat dan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab adalah kesalahan-kesalahan kerana lewat mendaftar atau menyerahkan dokumen-dokumen berkanun, kesalahan-kesalahan kerana gagal mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat dan kesalahan-kesalahan kerana mengedarkan borang permohonan syer tanpa mendaftarkan prospektus.

Kebanyakan kes-kes ini tidak didakwa di Mahkamah oleh sebab kesalahan-kesalahan yang dilakukan adalah kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun. Denda-denda yang dikenakan ke atas syarikat-syarikat dan pegawai-pegawainya yang bertanggungjawab adalah mengikut kadar-kadar yang telah ditetapkan mengikut berat kesalahan-kesalahan yang dilakukan. Tindakan Mahkamah hanya diambil terhadap syarikat dan pegawai-pegawainya apabila syarikat-syarikat tersebut atau pegawai-pegawainya enggan menjelaskan denda-denda yang dikenakan. Bagi tahun ini sebanyak 11 buah syarikat telah didakwa di Mahkamah kerana kesalahan-kesalahan tidak mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan dan kesalahan lewat menyerahkan Penyata Tahunan syarikat. Jumlah syarikat-syarikat yang mana kesalahan-kesalahannya dikompaun ialah 3,453 buah syarikat dan jumlah denda melalui kompaun yang dikenakan ialah \$567,049.00.

### PENERBITAN AKHBAR — GARIS PANDUAN

**22. Puan Hajjah Habibah binti Abdul Ghani** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada gambar-gambar mengenai berita dalam akhbar telah ditapis terlebih dahulu dan siapa ahli-ahli penapisnya.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Semua penerbit akhbar yang mendapat permit penerbitan telah diberikan garis panduan serta dikenakan syarat-syarat yang perlu mereka patuhi semasa menyiarkan gambar-gambar atau rencana-rencana di dalam penerbitan masing-masing demi menjaga nilai-nilai murni masyarakat.

Malah menjadi tanggungjawab Ketua Pengarang sebuah akhbar untuk menapis gambar-gambar yang akan disiarkan dalam akhbar mereka bagi memastikan bahawa mereka mematuhi garis panduan dan syarat-syarat yang dikenakan oleh Kementerian Dalam Negeri.

### MINI ITM

**23. Puan Nen Abidah binti Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Mini ITM yang akan diwujudkan dapat menampung pelajar-pelajar yang tercicir dalam pelajaran.

**Tuan Bujang bin Haji Uli:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Institut Teknologi MARA tidak bercadang untuk menubuhkan Mini ITM. Bagi mengatasi masalah pelajar-pelajar yang tercicir dalam pelajaran di ITM, institusi itu sedang berusaha untuk memberi kursus-kursus khas dan mengadakan kelas-kelas bimbingan kepada pelajar-pelajar yang berkenaan.

### TUNTUTAN FILIPINA ATAS SABAH

**24. Tuan Jaafar bin Harun** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada tuntutan Filipina ke atas Sabah sudah diselesaikan; jika belum, nyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengatasi masalah ini.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** Sebagaimana kita sedia maklum, kita telah beberapa kali

menegaskan bahawa kita tidak mengiktiraf apa yang dikatakan 'tuntutan' Filipina ke atas Sabah. Negeri Sabah adalah sebahagian daripada Malaysia dan ini adalah atas kehendak rakyatnya sendiri untuk mencapai kemerdekaan dalam Malaysia. Hasrat ini telah dibuktikan melalui pilihanraya-pilihanraya yang telah beberapa kali diadakan di negeri itu.

Oleh yang demikian, tuntutan Filipina ke atas Sabah adalah masalah yang diujudkan sendiri oleh Filipina dan Filipina sendirilah harus mengambil "langkah-langkah untuk menggugurkan tuntutan mereka tersebut.

Presiden Marcos semasa menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN di Kuala Lumpur dalam tahun 1977 telah menyatakan di hadapan semua pemimpin-pemimpin ASEAN bahawa Filipina akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menggugurkan tuntutan itu. Sehingga ini, Filipina masih belum mengambil apa-apa langkah perundangan untuk menggugurkan tuntutan tersebut.

Kita mengalu-alukan sebarang langkah konkrit oleh Filipina untuk menggugurkan tuntutan tersebut. Kita percaya bahawa dengan pengguguran tuntutan ke atas Sabah, ianya dapat mengeneipikan rintangan di dalam usaha untuk memperbaiki hubungan Malaysia dengan Filipina di samping meningkatkan lagi kerjasama di kalangan negara-negara ASEAN.

### PELAJAR MALAYSIA DI LUAR NEGERI

**25. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) jumlah penuntut-penuntut Malaysia yang sedang menuntut di luar negeri sekarang;
- (b) di negara manakah bilangan penuntut-penuntut kita paling ramai sekali;
- (c) langkah-langkah dan tindakan yang telah dan sedang diusahakan oleh Kerajaan supaya penuntut-penuntut itu tidak melupakan identiti dan negara mereka; dan
- (d) sama ada bilangan pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Pelajar-pelajar Malaysia cukup dan berkeupayaan untuk



mengawal keselamatan jasmani dan rohani penuntut-penuntut kita dari pengaruh kebudayaan dan kepercayaan asing yang boleh merugikan negara kelak.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob):**

- (a) Jumlah penuntut Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang sedang menuntut di luar negeri sekarang ialah 9,094 orang.
- (b) Bilangan penuntut Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang paling ramai sekali ialah di negara Amerika Syarikat.
- (c) Langkah-langkah dan tindakan yang telah dan sedang diusahakan oleh Kerajaan supaya penuntut-penuntut tidak melupakan identiti dan negara mereka ialah:-
  - (i) mengadakan program orientasi bagi penuntut-penuntut sebelum mereka berlepas ke luar negeri dan program re-orientasi bagi penuntut-penuntut yang telah berada di luar negeri selama sekurang-kurang dua tahun;
  - (ii) membekalkan surat-surat khabar dan risalah risalah mengenai berita tanah air dan rancangan Kerajaan kepada penuntut-penuntut di luar negeri melalui Kementerian Luar Negeri dan Jabatan Penuntut Malaysia; dan
  - (iii) dari masa ke semasa, pemimpin-pemimpin Kerajaan dalam lapangan mereka ke luar negeri mengadakan dialog dengan penuntut-penuntut mengenai hal ehwal semasa dan rancangan-rancangan pembangunan Kerajaan.
- (d) buat masa ini Kerajaan berpendapat bilangan pegawai-pegawai di Pejabat Penuntut Malaysia di luar negeri adalah mencukupi untuk menampung keperluan penuntut-penuntut kita yang sedang menuntut di luar negeri.

Walau bagaimanapun, penambahan pegawai dan kakitangan untuk bertugas di Pejabat Penuntut Malaysia di luar negeri akan dikaji dari masa ke semasa apabila difikirkan perlu berasaskan kepada tugas-tugas, jumlah penuntut yang belajar dan perkembangan semasa di negara berkenaan.

**KEMALANGAN DI LEBUHRAYA KUALA LUMPUR - KARAK**

**26. Tuan A. Shaik Dawood** minta Menteri Kerja Raya menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian beliau untuk mengurangkan kemalangan jalanraya yang kerap berlaku di Lebuhraya Karak.

**Dato Zainal Abidin bin Zin:** Kementerian saya sentiasa menjalankan kajian-kajian yang rapi dari masa ke semasa untuk mengenalpasti sebab-sebab berlakunya kemalangan jalanraya bukan sahaja di Lebuhraya Kuala Lumpur Karak, bahkan juga di Lebuhraya-lebuhraya yang lain. Susulan daripada kajian-kajian itu Kementerian saya telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:-

- (i) membaiki dan meluruskan selekoh-selekoh yang bahaya;
- (ii) melebarkan bahagian-bahagian jalanraya yang sering berlaku kemalangan;
- (iii) memasang lebih isyarat-isyarat amaran di kawasan-kawasan kemalangan;
- (iv) mencatatkan semula tanda-tanda isyarat di atas jalanraya;
- (v) memasang lampu isyarat yang berkelip-kelip dikawasan-kawasan kemalangan.

**RESIDEN TETAP BAGI PENDATANG HARAM**

**27. Tuan M.G.Pandithan** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan pendatang haram yang telah menjadi residen tetap dalam tahun 1984.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Mana-mana warganegara asing yang masuk secara haram ke negara ini adalah melakukan kesalahan di

bawah Undang-undang Imigresen. Mereka tetap ditangkap, didakwa dan diusir ke negara asal mereka, jika dikesan. Oleh yang demikian mereka sama sekali tidak layak untuk diberi kemudahan Permit Masuk di bawah undang-undang Imigresen.

#### PERDAGANGAN MALAYSIA — NEGARA ASEAN

**28. Toh Muda Dr Abdulilah Fadil Che Wan** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah dagangan di antara Malaysia dengan negara-negara dalam ASEAN bagi lima tahun yang lampau dan apakah langkah-langkah yang diambil bagi memperbaiki lagi dagangan ini dan dapatkah dagangan di antara negara-negara dalam ASEAN diutamakan sehingga menjadi rakan-rakan dagangan yang terbesar dan terpenting sekali.

**Dato Oo Gin Sun:** Jumlah perdagangan Malaysia dengan negara-negara ASEAN terus berkembang setiap tahun. Jumlah perdagangan terus meningkat dari \$10,201.9 juta pada tahun 1980 ke \$12,039.7 juta pada tahun 1981 dan \$14,291.4 juta pada tahun 1982. Manakala pada tahun 1983, jumlah perdagangan telah meningkat kepada \$15,109.7 juta. Bagi tahun 1984 pula jumlah perdagangan Malaysia dengan negara-negara ASEAN telah tercatat sebanyak \$16,737.6 juta.

Berbagai langkah telah diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan perdagangan Malaysia dengan negara-negara ASEAN. Langkah-langkah tersebut termasuklah membuka Pejabat Perdagangan di negara-negara ASEAN dan mengambil bahagian di dalam Pameran Perdagangan ASEAN yang diadakan setiap dua tahun. Di samping itu Kementerian ini juga sentiasa menggalakkan pihak swasta negara ini mengambil bahagian di dalam pameran-pameran perdagangan yang diadakan oleh negara-negara ASEAN dan juga menghantar rombongan perdagangan ke negara-negara ASEAN. Setakat ini beberapa rombongan perdagangan ke negara-negara ASEAN telahpun diadakan oleh pihak swasta seperti rombongan perdagangan ke Brunei oleh Persatuan Pengeksport-Pengeksport Melayu Malaysia dan Rombongan Perdagangan ke Bangkok

dan Manila oleh Dewan Perniagaan dan Perindustrian Melayu Malaysia.

Kerajaan negara-negara ASEAN telah juga mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan dagangan Intra-ASEAN. Usaha-usaha tersebut dilaksanakan di bawah Perjanjian Peraturan Perdagangan Istimewa ASEAN yang ditandatangani pada 24hb. Februari, 1977. Setakat ini telah terdapat sejumlah 18,431 jenis barangan telah ditawarkan potongan tarif di bawah peraturan PTA ini. Selain daripada mendapat keistimewaan di bawah Peraturan Perdagangan Istimewa ASEAN (PTA), usahawan-usahawan ASEAN juga boleh menikmati faedah dari segi tambang kapal terbang yang lebih murah melalui 'ASEAN Circte Trip Fare' yang diperkenalkan dalam rangka kerjasama pelancongan ASEAN. Dengan cara demikian diharapkan ramai lagi usahawan tempatan dapat melawat pasaran ASEAN dalam usaha memperkembangkan perdagangan Malaysia dengan negara-negara ASEAN.

#### PEGUAM NEGARA - LANTIKAN POLITIK

**29. Tuan Paramjit Singh** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang untuk menjadikan perlantikan Peguam Negara sebagai perlantikan politik.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Buat masa ini, Kerajaan belum lagi ada cadangan hendak melantik semula Peguam Negara daripada kalangan pemimpin-pemimpin politik.

#### LAWATAN PERDANA MENTERI KE SCANDINAVIA

**30. Tuan A. Shaik Dawood** minta Menteri Luar Negeri menyatakan kebaikan-kebaikan yang dapat diperolehi oleh Malaysia hasil lawatan Perdana Menteri ke negara-negara Scandinavia.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Dengan hormatnya saya mohon izin memaklumkan, jawapan kepada soalan ini telahpun diberi semasa Yang Berhormat Mulia Menteri Luar menjawab soalan dari Yang Berhormat Senator Hassan bin Nam pada 29hb. Julai, 1985. Saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa kepada jawapan tersebut.

### PUCUK PAKU — EKSPORT KE JEPUN

**31. Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kerajaan bercadang hendak mengeksport pucuk paku ke negeri Jepun, jika tidak mengapa.

**Menteri Pertanian (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim):** Untuk makluman Yang Berhormat, pucuk paku telah dikenalpasti sebagai salah satu dari komoditi-komoditi yang mempunyai potensi pasaran di Jepun. Pengeksportannya ke negara Jepun terpulanglah kepada mana-mana pihak yang mahu dan berkesanggupan untuk melakukannya.

### DASAR PANDANG KE TIMUR — IMPLIKASI

**32. Datuk G. Pasamanickam** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan implikasi dasar 'Pandang ke Timur' dalam eksport-import Malaysia dengan negara Jepun dan nyatakan imbangan bayaran perdagangan di antara kedua negara itu.

**Dato Oo Gin Sun:** Dasar 'Pandang ke Timur' sebenarnya tidak mempunyai kaitan langsung dengan pertambahan eksport dan import di antara kedua-dua negara. Sebaliknya Dasar 'Pandang ke Timur' yang dijalankan oleh pihak Kerajaan adalah merupakan salah satu langkah Kerajaan menggalakkan rakyat negara ini mencontohi nilai-nilai positif orang-orang Jepun dalam usaha membangunkan negara mereka. Antara perkara-perkara penting yang ditekankan di dalam dasar ini termasuklah kerajinan dan disiplin kerja secara kolektif, kesetiaan kepada negara dan organisasi tempat pekerja itu bekerja, memberi penekanan ke atas mutu bekerja, peningkatan kecekapan dan sebagainya. Nilai-nilai dan norma-norma tersebut adalah penting bagi menjamin kejayaan dan kemajuan sesebuah negara. Walau bagaimanapun, jika sekiranya terdapat implikasi ke atas eksport-impot antara kedua-dua negara, ianya adalah secara tidak langsung sahaja, dan bukanlah kerana Dasar 'Pandang Ke Timur' yang dijalankan.

Jika dilihat dari segi perdagangan dua hala di antara kedua-dua negara, Jepun merupakan rakan dagang terpenting Malaysia di mana

untuk tahun 1984, lebih kurang 24.3% dari perdagangan luar Malaysia adalah dengan Jepun. Dari segi imbangan perdagangan, Malaysia telah berjaya memperbaiki kedudukan defisit dengan Jepun. Pada tahun 1983 defisit perdagangan berjumlah M\$1,316 juta dan telah turun pada tahun 1984 menjadi MS80.8 juta.

### SAMSU DI KEDAI RUNCIT

**33. Datuk G. Pasamanickam** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kerajaan menyedari bahawa di kedai-kedai runcit kini ada menjual samsu yang diisi di dalam bekas plastik; jika sedar nyatakan tindakan Kerajaan dalam menyekat penjualan tersebut sebelum barangan itu digunakan oleh pelajar-pelajar sekolah.

**Dato Oo Gin Sun:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada apa-apa tindakan boleh diambil di bawah mana-mana Akta yang dikuatkuasakan oleh Kementerian saya untuk menyekat penjualan samsu di kedai-kedai runcit supaya ianya tidak dapat digunakan oleh pelajar-pelajar sekolah. Di bawah bidang kuasa Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja, tindakan boleh diambil jika terbukti bahawa samsu itu adalah samsu gelap, di mana barangan tersebut boleh dirampas dan pihak yang bertanggungjawab boleh didakwa di mahkamah di bawah Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976. Jika samsu yang dijual itu adalah keluaran pengeluaran-pengeluaran berlesen, maka tiada apa-apa tindakan boleh diambil kerana ianya sah dijual dari segi undang-undang.

Kementerian Kesihatan juga boleh mengambil tindakan di bawah Peraturan Jualan Makanan dan Dadah 1952. Dalam tahun 1984, Kementerian berkenaan telah mengambil sebanyak 105 contoh minuman samsu dalam bekas plastik yang dijual di kedai-kedai runcit dan didapati semua contoh itu adalah mematuhi Peraturan Jualan Makanan dan Dadah 1952. Oleh itu, tiada apa-apa tindakan mahkamah telah diambil terhadap kedai-kedai berkenaan.

Kementerian saya sentiasa memberi kerjasama kepada kedua-dua agensi Kerajaan berkenaan dengan melaporkan kepada mereka jika

terdapat samsu dijual dikedai-kedai runcit di dalam pemeriksaan pegawai-pegawai Kementerian saya.

#### PENDATANG HARAM DI LADANG KELAPA SAWIT

**34. Dato' K. Kumaran** minta Menteri Buruh menyatakan:-

- (a) jumlah pendatang haram yang masih bekerja di ladang-ladang kelapa sawit, ladang-ladang getah dan tempat-tempat pembinaan di negara ini.
- (b) jumlah pekerja dari Indonesia yang diambil bekerja di sektor perladangan dan pembinaan secara kontrek setelah perjanjian dibuat di antara Kerajaan Malaysia dan Indonesia; dan
- (c) langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memberi kemudahan yang lebih selesa kepada rakyat tempatan untuk menarik minat mereka bekerja di sektor-sektor ini.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Mana-mana warganegara asing memasuki negara ini secara haram adalah melakukan kesalahan di bawah undang-undang Imigresen. Mereka akan ditangkap, didakwa dan dihantar balik ke negara asal mereka jika dikesan. Oleh itu Kementerian Dalam Negeri tidak mempunyai statistik pendatang haram sama ada yang bekerja atau tidak di negara ini oleh kerana kemasukan mereka adalah secara haram serta sulit dan mereka melarikan diri daripada pegawai-pegawai Jabatan Imigresen atau Polis di Raja Malaysia. Pihak majikan juga tidak melaporkan kehadiran pendatang haram oleh kerana mereka sedar bahawa perbuatan mereka itu adalah menyalah undang-undang Imigresen.

Setakat ini seramai 445 orang buruh telah dibenarkan bekerja dalam sektor perladangan di Malaysia mengikut perjanjian pengambilan buruh yang ditandatangani di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Indonesia.

Kementerian Dalam Negeri tidak dapat mengambil apa-apa tindakan dalam memberi kemudahan yang lebih selesa kepada rakyat negara ini untuk menarik minat mereka bekerja di

sektor perladangan dan pembinaan. Sebaliknya adalah menjadi tanggungjawab pihak majikan berkenaan untuk mewujudkan penarikan yang sesuai bagi menggalak rakyat negara ini bekerja dalam sektor tersebut.

#### RUMAH AWAM KOS RENDAH — SEKIM

**35. Puan Sri Datin Janaki Athi Nahappan:** minta menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau akan mengkaji supaya rumah-rumah awam kos rendah yang dikhaskan untuk kaum Bumiputra juga ditawarkan kepada kaum India yang berpendapatan rendah.

**Dato S. Subramaniam:** Bagi skim-skim perumahan awam kos rendah yang dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri pembahagian rumah adalah dijalankan oleh Kerajaan Negeri berdasarkan kepada Dasar Ekonomi Baru dan juga garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian saya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di bawah dasar pembahagian ini, bilangan tertentu sememangnya diperuntukkan untuk kaum Bumiputra, dan juga kaum-kaum lain. Setakat ini boleh dikatakan bahawa semua rumah awam kos rendah yang ditawarkan kepada kaum Bumiputra mendapat sambutan sepenuhnya.

#### PELAJAR KE UNIVERSITI TEMPATAN

**36. Tuan Haji Shuaib bin Lazim** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah penuntut-penuntut yang layak memohon masuk ke universiti-universiti tempatan dan jumlah permohonan yang berjaya untuk masuk ke universiti-universiti tersebut dan nyatakan sama ada beliau bercadang untuk menambah lagi bilangan bilangan penuntut-penuntut yang boleh diterima di setiap universiti-universiti tersebut demi untuk memberi peluang kepada mereka yang layak dan mengurangkan pengaliran wang ringgit Malaysia ke luar negeri.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah calon berkelayakan yang memohon masuk ke universiti-universiti tempatan bagi sesi 1985/86 adalah

seramai 32,086 orang. Jumlah calon yang berjaya ditawarkan tempat adalah seramai 8,017 orang. Kementerian Pelajaran memang sedang berusaha untuk menambah pengambilan pelajar ke universiti-universiti tempatan.

#### TEMBOK KONKRIT DI SEMPADAN MALAYSIA-THAI

**37. Tuan Haji Shuaib bin Lazim** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan membina tembok konkrit di sempadan Malaysia - Thai, iaitu di kawasan Bukit Berapit ke Bukit Kobeh dan jika ya, nyatakan bilakah pembinaannya dan nyatakan perbelanjaannya.

**Timbalan Perdana Menteri (Dato Musa Hitam):** Memang benar Kerajaan akan membina tembok atau pagar di sepanjang 25km dengan jarak 4.5 meter dari garis sempadan Malaysia - Thailand. Kerja-kerja pembinaan akan bermula sebaik sahaja Lembaga Tawaran membuat keputusan tidak lama lagi. Jumlah kos pembinaan dianggarkan sebanyak \$43.3 juta.

#### PINJAMAN KEPADA PENGUSAHA KECIL BUMIPUTERA

**38. Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sekarang ini masih lagi terdapat bank-bank perdagangan yang tidak mematuhi arahan Kerajaan supaya 2.5 peratus daripada keseluruhan pinjamannya dikhaskan kepada pengusaha industri kecil bumiputera, dan apakah langkah yang diambil supaya bank-bank tersebut bekerjasama serta mematuhi arahan berkenaan.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bank-bank perdagangan diberi tempoh sehingga penghujung tahun 1985 bagi memenuhi garis panduan berian pinjaman sebanyak 2.5 peratus daripada jumlah pinjaman yang akan diberikan kepada perusahaan-perusahaan kecil bumiputera di bawah Skim Pinjaman Khas Syarikat Jaminan Kredit. Walau bagaimanapun sehingga penghujung bulan Mei 1985, terdapat beberapa bank yang telahpun memberi pinjaman melebihi keperluan minimum sebagaimana yang dikehendaki.

Denda-denda akan dikenakan ke atas bank-bank yang gagal memenuhi garis panduan berian pinjaman ini. Oleh yang demikian bank-bank adalah dikehendaki mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan bahawa garis panduan berian pinjaman ini dipatuhi pada akhir tarikh yang ditetapkan.

#### RANCANGAN PERIBADI MUSLIM DI TV

**39. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Kementerian akan mewujudkan rancangan TV dalam bidang Didikan Akhlak Peribadi Muslim secara amali bagi dimanfaatkan kepada semua peringkat.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad:** RTM setiap hari dalam siaran agamanya, terutama dalam rancangan 'Bimbingan Agama' memberi penekanan khusus mengenai pendidikan akhlak 'Peribadi Muslim' dalam bentuk ceramah.

Selain dari itu pendidikan akhlak secara tidak langsung juga telah diselitkan dalam Rancangan Drama dan Dokumenterinya di mana akhlak secara praktikal sentiasa diberi perhatian yang sewajarnya.

#### TELEKOM DAN POS - PERKHIDMATAN

**40. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Menteriannya akan memperbaiki dan mempertingkatkan perkhidmatan telekom dan pos; jika ada, apakah langkah-langkah yang dijalankan untuk menseimbangkan:-

- (i) bil-bil telefon dengan panggilan yang dibuat oleh pengguna; dan
- (ii) mempercepatkan lagi tempoh masa yang diberikan bagi mendapatkan talian-talian bagi pengguna.

**Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat saya menyatakan di sini bahawa Kementerian saya memang sentiasa berusaha untuk memperbaiki dan mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan Telekom dan Perkhidmatan Pos di negara ini.

Bagi Perkhidmatan Telekomunikasi, jumlah peruntukan yang telah disediakan bagi membangun rangkaian telekomunikasi di negara ini dalam Rancangan Malaysia Keempat ialah sebanyak 5.8 ribu juta ringgit iaitu suatu peruntukan yang besar yang merupakan 3 kali ganda peruntukan yang telah diluluskan bagi Rancangan Malaysia Ketiga. Kesemua peruntukan ini ialah untuk mempertingkatkan perkhidmatan telekomunikasi.

Berhubung dengan langkah-langkah yang dijalankan untuk menseimbangkan bil-bil telefon dengan panggilan yang dibuat oleh pengguna, saya sebenarnya merasa kurang jelas dengan maksud itu. Walau bagaimanapun, ingin saya menerangkan bahawa dari segi perangkaian yang ada, soal tidak puashati dengan bil telefon khususnya bayaran panggilan bermeter, tidak didapati begitu menyeluruh seperti yang dibayangkan.

Dari jumlah 41,586 kes aduan mengenai bayaran panggilan bermeter yang diterima dalam tahun 1984, hanya 4,904 kes iaitu 11.8 peratus sahaja yang didapati berasas dan didalam keadaan meragukan. Bagi kes-kes ini, pengurangan telah diberi.

Ingin saya memaklumkan bahawa purata bulanan bagi kes-kes aduan mengenai bayaran panggilan bermeter adalah cuma 0.4 peratus sahaja daripada jumlah pelanggan telefon yang ada di seluruh negara.

Untuk makluman Tuan Yang di Pertua, Jabatan Telekom telah memperkenalkan dengan izin 'Detail-Billing' bagi semua panggilan telefon antarabangsa yang dibuat oleh pelanggan-pelanggan sendiri secara antarabangsa terus dail atau dengan izin 'International Direct Dialling'. Butir-butir panggilan yang diberikan termasuklah tarikh dan waktu panggilan dibuat, nombor telefon dipanggil dan tempoh dan harga panggilan.

Projek-projek yang sedang dan juga akan dilaksanakan termasuklah projek-projek untuk menambahkan talian rangkaian tempatan, peralatan ibusawat dan talian rangkaian jauh. Tiga projek induk yang terbesar sekali yang bernilai sejumlah 4.8 ribu juta ringgit ialah Rangkaian Tempatan, Rangkaian Suis dan

Rangkaian Jauh. Saya percaya apabila semua projek ini siap dilaksanakan sepenuhnya nanti, masalah untuk mendapatkan perkhidmatan telefon tidak akan timbul lagi.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi Perkhidmatan Pos peruntukan sebanyak 94 juta ringgit telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Keempat untuk pembangunan perkhidmatan pos. Jabatan Perkhidmatan Pos pula telah dan sentiasa mengambil tindakan untuk memperbaiki dan meninggikan mutu dan kecekapan Jabatan Pos. Jabatan Pos sentiasa berusaha untuk menyerahkan semua mel pos biasa dalam bandar-bandar dalam tempoh 24 jam. Bagi tempat-tempat lain dalam negeri Jabatan Pos berusaha sedaya upaya menyerahkan mel-mel dalam tempoh 48 jam. Di samping itu perkhidmatan Ekspres Sepanjang Jalan diantara bandar-bandar besar telah diperkenalkan. Perkhidmatan Intelpos juga telah diperkenalkan bagi meninggikan lagi mutu perkhidmatan pos. Sebagai langkah untuk mempercepatkan lagi pencapaian matlamat yang telah disebut tadi, Jabatan pos sedang membuat persiapan bagi melaksanakan Sistem Poskod Kebangsaan yang akan diikuti dengan Pengisenan Mekanisasi.

Selain daripada itu rancangan-rancangan untuk memperluaskan rangkaian Pejabat Pos, Pejabat Pos Bergerak dan Wakil-wakil Pos akan diteruskan di masa hadapan khususnya bagi memenuhi keperluan rakyat luar bandar.

#### PENUNTUT KE LUAR NEGERI — MENGURANGKAN

**41. Dato' Kamaruzaman bin Ahmad** minta Menteri Pelajaran menyatakan bahawa memandangkan negara-negara England, Australia dan New Zealand sentiasa menaikkan yuran-yuran pelajar tinggi dan menghadkan pula bilangan penuntut-penuntut kita yang boleh belajar di sana untuk menyatakan langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang untuk mengatasi perkara ini.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan telah mengurangkan bilangan

penuntut yang dihantar ke negeri-negeri yang berkenaan. Sebaliknya Kerajaan telah menghantar lebih ramai penuntut Malaysia ke negeri-negeri yang mengenakan yuran pengajian yang berpatutan, seperti Amerika Syarikat, Kanada, Korea dan Jepun. Di samping itu juga, Kerajaan akan terus berusaha untuk menambahkan pengambilan pelajar di universiti-universiti tempatan.

#### **SEKOLAH AGAMA BERASRAMA PENUH**

**42. Dato' Kamaruzaman bin Ahmad** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah Sekolah-sekolah Agama yang Berasrama Penuh di seluruh negara dan bilangan sekolah-sekolah tersebut yang akan didirikan dalam Rancangan Malaysia Kelima nanti.

##### **Tuan Bujang bin Haji Ulis:**

- (a) Pada masa sekarang ini hanya ada 2 buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Berasrama Penuh iaitu Kolej Islam, Kelang, Selangor dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Wilayah Persekutuan, Petaling Jaya, Selangor; dan
- (b) Kementerian Pelajaran memang bercadang untuk mendirikan lagi Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Berasrama Penuh, tetapi bilangan dan tempat di mana sekolah-sekolah tersebut akan didirikan belum diputuskan. Walau bagaimanapun cadangan ini tertakluk kepada keadaan kewangan negara.

#### **MARDI - KEMAJUAN DICAPAI**

**43. Tuan Haji Shaharom Haji Maasom** minta Menteri Pertanian menyatakan kemajuan yang telah dicapai oleh MARDI sejak ia ditubuhkan.

**Tuan Anwar bin Haji Ibrahim:** MARDI, dalam usahanya untuk mewujudkan teknologi yang dapat meningkatkan daya pengeluaran dan kecekapan di dalam bidang pertanian selaras dengan Dasar Pertanian Negara telah berjaya mencapai beberapa penemuan yang telah dapat membantu membangunkan industri pertanian, terutama sekali di dalam beberapa bidang komoditi.

Penyelidikan ke atas jenis baka atau klon-klon dan tisu bermutu di antara lain, telah menghasilkan 14 baka padi, 5 klon koko, penghasilan kelapa jenis MAWA yang lebih tinggi, dan pengeluaran buah-buahan yang lebih bermutu dan berpotensi untuk dieksport. Di samping itu, beberapa jenis tembakau yang mempunyai ketahanan kepada penyakit telah juga dikenalpasti dan begitu juga kejayaan dalam mengenalpasti beberapa jenis kacukan ternakan yang sesuai dijadikan baka bagi pengeluaran daging dan susu. Kejayaan dalam mewujudkan sistem haidroponik yang lebih mudah telah tercapai. Pengeluaran benih menerusi tisu didik (tissue culture) telah dapat mengeluarkan bahan-bahan tanaman yang lebih tulin dan dengan cepatnya.

Untuk mempertingkatkan penggunaan dan nilai ditambah ke atas, pengeluaran pertanian, MARDI telah berjaya mewujudkan teknologi untuk keluaran nasi segera (instant rice), 'coco-nut cream', 'tepung kelapa' (fsantan powder), pembaharuan sistem pengeluaran tapai, keropok dan lain-lain lagi. Teknologi pemprosesan biji koko kering juga telah dimajukan.

Dalam teknologi penggunaan sisa buangan dan bahan sampingan pertanian, MARDI telah berjaya menghasilkan makanan ternakan dari jerami padi, sekam padi, ubi kayu dan kulit-kulik biji koko, penggunaan jerami padi untuk pengeluaran cendawan jerami, sekam padi sebagai baja organik dan lain-lain lagi.

MARDI juga telah mengenalpasti dan mengubahsuai jentera-jentera yang boleh mengurangkan penggunaan tenaga buruh mengikut keadaan setempat dengan tujuan memodenkan sektor pertanian.

Dalam menentukan teknologi di MARDI dapat digunakan oleh petani-petani dan pengusaha-pengusaha, kursus-kursus dan seminar telah diadakan serta risalah-risalah diedarkan. Khidmat nasihat dan pakar perunding juga diberikan kepada Kerajaan-kerajaan negeri dan pihak swasta.

#### **TEMPAT LETAK KERETA DI BANDARAYA**

**44. Tuan Yusof bin Kassim** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan bilangan

tempat letak-letak kereta awam (public parking lots) di Bandaraya Kuala Lumpur dan sama ada jumlah ini mencukupi bagi penambahan bilangan kereta tiap-tiap hari di Bandaraya ini, jika tidak nyatakan tindakan beliau akan ambil untuk mengatasi perkara ini.

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:** Jumlah bilangan ruang letak kereta dalam Bandaraya Kuala Lumpur ialah 69,630. Jumlah tersebut termasuk ruang-ruang letak kereta berikut:-

- (i) ruang letak kereta ditepi jalan raya yang dimiliki oleh Kerajaan 9,072
- (ii) ruang letak kereta bekan di jalan raya yang dimiliki oleh Kerajaan (dalam bangunan tempat letak kereta bertingkat) 2,089
- (iii) ruang letak kereta awam yang dimiliki oleh pemaju-pemaju persendirian kompleks-kompleks perdagangan 58,469

Memandangkan pertambahan pesat bilangan kenderaan di atas jalanraya, adalah mustahil untuk mengadakan ruang letak kereta yang mencukupi sejajar dengan permintaan dari orang ramai. Bagaimanapun Kementerian Wilayah Persekutuan sedang mengkaji beberapa tapak di dalam Bandaraya untuk dijadikan tempat letak kereta bawah tanah. Setakat ini dua buah tapak telah dipilih, iaitu Padang Kelab Selangor dan Padang Sekolah St. John yang dijangka masing-masing boleh menampung 2,550 dan 1,429 ruang letak kereta.

Bagi sebarang permohonan pembangunan dalam Bandaraya Kuala Lumpur, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur seboleh-bolehnya akan mengawal dan memastikan supaya pemaju dapat mengadakan ruang letak kereta yang mencukupi bagi memenuhi permintaan meletak kereta.

#### **BELIA KE BANDAR — PENGHIJRAHAN**

**45. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:-

- (a) sejauh mana masalah penghijrahan belia kampung ke bandar menghindar sesuatu projek pertanian luar bandar;

(b) peratus belia lelaki yang masih tinggal di kawasan luar bandar; dan

(c) sama ada Kementerianya mempunyai rancangan yang boleh menyekat penghijrahan belia kampung ke bandar.

#### **Datuk Dr. Sulaiman bin Haji Daud:**

(a) Penghijrahan para belia dari kampung ke bandar-bandar telah membawa banyak kesan ke atas sektor pertanian di luar bandar. Tenaga-tenaga muda untuk mengerjakan aktiviti pertanian berkurangan sehingga menyebabkan banyak tanah sawah dan tanah bukan sawah yang ditinggal telah terbiar. Sementara sektor estet pula menghadapi kekurangan tenaga kerja yang melebihi 16,000 pekerja. Untuk mengatasi perkara ini Kerajaan sedang berikhtiar untuk mengubah-corkkan kegiatan pertanian dari bentuk tradisi yang terlalu bergantung kepada tenaga manusia kepada penggunaan jentera dan cara-cara pengurusan dan pengeluaran ladang berbentuk 'commercial'.

(b) Menurut Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1980, sebanyak 50.9% dari jumlah belia lelaki yang berumur di antara 15 hingga 35 tahun di negara ini tinggal di kawasan luar bandar.

(c) Kementerian tidak ada mempunyai apa-apa rancangan yang boleh menyekat penghijrahan belia kampung ke bandar. Walau bagaimanapun, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah dan sedang mengadakan usaha-usaha yang bertujuan untuk mengurangkan penghijrahan belia-belie ke bandar. Di antara usaha-usaha tersebut ialah:-

- (i) Rancangan Belia Berniaga;
- (ii) Latihan Sambil Bekerja;
- (iii) Latihan Kemahiran Tidak Formal
- (iv) Melatih belia-belie luar bandar dalam berbagai bidang di Pusat-pusat Latihan Belia di negara ini.



- (v) Meneruskan Rancangan Belia Peladang Rancangan Malaysia Kelima (RML) yang sedang dipertimbangkan oleh Kerajaan.

#### PENGANGGURAN — BURUH DARI NEGARA ASING

**46. Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) kadar pengangguran di negara kita sekarang;
- (b) mengapa pihak-pihak Kerajaan dan swasta masih mengimpot buruh dari negara asing untuk bekerja di negara kita; dan
- (c) bilangan buruh dari negara asing yang sedang bekerja dengan pihak-pihak Kerajaan dan swasta di negara ini sekarang.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:**

- (a) Kadar pengangguran di negara ini sekarang ialah 6.2%.
- (b) Pihak swasta dalam industri perladangan dan pembinaan membawa masuk buruh dari negara asing bagi mengatasi kekurangan tenaga pekerja dalam sektor-sektor ini. Kekurangan ini dibuktikan daripada hasil penyiasatan yang telah dibuat oleh badan-badan berkenaan seperti Persatuan Penanam-penanam Malaysia, Majlis Penanam Kelapa Sawit Malaysia dan Persatuan Majikan-majikan Malaysia.
- (c) Bilangan buruh asing yang sedang bekerja dengan pihak swasta pada masa ini ialah 445 orang.

#### KEMALANGAN DI LEBUHRAYA KUALA LUMPUR-KARAK — KAJIAN

**47. Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada Lembaga Lebuhraya Malaysia telah membuat kajian untuk mengenal pasti sebab-sebab kerapnya berlaku kemalangan jalanraya di Lebuhraya Karak

Kuala Lumpur; jika ya, nyatakan sebab-sebabnya serta tindakan yang akan diambil untuk mengurangkan kadar kemalangan di Lebuhraya tersebut.

**Dato Zainal Abidin bin Zin:** Soalan yang serupa daripada Yang Berhormat Tuan A. Shaik Dawood telahpun saya jawab seperti di dalam nombor 26 sebentar tadi.

#### PASARAN SAHAM KUALA LUMPUR

**48. Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil Che Wan** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah harga-harga di pasaran 'Stock Market' Kuala Lumpur masih lembab sekali dan mengapa pula setengah-setengah negara lain dapat menghidup dan menaikkan harga dan aktiviti di pasaran mereka serta nyatakan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil bagi mengatasi masalah ini.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Pasaran saham Kuala Lumpur merosot sejak kebelakangan ini disebabkan oleh khabar-khabar angin yang tidak berasas mengenai kedudukan politik dan ekonomi negara kita yang disebarkan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Selain daripada itu, terdapat juga kegiatan penjualan spekulasi secara 'short selling' dengan tujuan untuk mendapat keuntungan yang berlebihan.

Pasaran saham di negara lain seperti di New York dan Tokyo adalah aktif dan mencapai paras tertinggi dalam sejarah oleh kerana para-pelabur di negara berkenaan lebih matang dan tidak terpengaruh oleh akhbar-akhbar angin. Pasaran saham Kuala Lumpur sepatutnya juga menjadi aktif tetapi apa yang berlaku ialah sebaliknya. Pasaran saham di Singapura juga mengalami kemerosotan. Saya difahamkan tindakan sedang diambil oleh pihak berkenaan di Singapura untuk memulihkan kedudukan ini.

Kerajaan telah mengambil berbagai langkah untuk menggalakkan lagi pelabur-pelabur luar dan tempatan membuat pelaburan di negara ini. Ini termasuklah kelonggaran syarat pemegangan ekuiti di mana para-pelabur luar diberi kebenaran memegang ekuiti sehingga 100% bergantung kepada peratus eksport barang-barang keluaran mereka. Dalam pada itu

juga, Bank Negara membenarkan bank-bank perdagangan memberi pinjaman untuk membeli saham, menurunkan kadar faedah serta menyalurkan sumber kewangan ke dalam pasaran bagi mengurangkan masalah kecairan yang ketat dalam sistem bank negara kita.

Selain dari itu, untuk menjadikan pasaran saham Kuala Lumpur lebih aktif dan dinamik, saya telah menasihatkan Tabung Kumpulan wang dan institusi yang mengendalikan portfolio pelaburan memasuki semula pasaran saham untuk bertindak sebagai 'market leader'. Saya juga telah mengadakan perbincangan dengan syarikat-syarikat besar yang disenaraikan di pasaran Kuala Lumpur mengenai cara-cara menggalakkan lagi pasaran saham Kuala Lumpur. Mereka dinasihatkan menyelaraskan tindakan mereka, supaya jangan menjejaskan pasaran saham apabila pasaran mulai naik.

Dari senarai yang saya nyatakan tadi, pasaran saham Kuala Lumpur akan aktif dan dinamik semula dan akan mencapai indek rekod yang tinggi. Setakat ini, harga saham sudah mulai naik dan indek saham perindustrian Pasaran Saham Kuala Lumpur pada 30hb. Julai 1985 ialah 491.90 berbanding dengan indek yang sama pada 15hb. Julai 1985 iaitu 444.28,

#### CUKAI KERETA-KERETA IMPORT

**49. Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah-langkah yang diatur oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bagi memastikan pengusaha-pengusaha kereta tidak terjejas perniagaan mereka dengan dasar Kerajaan mengenakan cukai yang tinggi kepada kereta-kereta import.

**Dato Oo Gin Sun:** Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menggalakkan pembelian barang-barang yang diusahakan secara tempatan. Selaras dengan dasar ini, Kerajaan, disamping mengenakan cukai import yang tinggi, juga menghadkan pengimportan kereta-kereta dalam bentuk pasang siap (CBU) melalui permit import (AP). Ini bertujuan untuk menggalakkan pembelian kereta-kereta pemasangan tempatan yang mempunyai kandungan bahan-bahan tempatan dan juga kereta buatan sendiri kelak iaitu Proton Saga.

Dalam melaksanakan dasar ini Kementerian saya menyedari hakikat di mana terdapatnya jenis-jenis kereta import yang mendapat sambutan dipasaran negara ini. Untuk memastikan pembekalan kereta-kereta import bersesuaian dengan kadar permintaannya, Kementerian saya telah mengambil keputusan mengenakan sistem kuota ke atas pengimportannya.

Dalam masa yang sama Kementerian menyedari mengenai kurangnya Bumiputra yang berkecimpung di dalam bidang perniagaan kereta ini. Oleh itu Kementerian telah membuat keputusan memperuntukkan sebahagian besar daripada jumlah kuota import kepada Bumiputra.

Kementerian saya juga sedang meneruskan langkah-langkah untuk meningkatkan bilangan Bumiputra menjadi pengedar-pengedar kereta pemasangan tempatan. Ini akan membolehkan syarikat-syarikat Bumiputra tersebut bertanding di dalam perniagaan ini dengan menyediakan kedua-dua jenis kereta import pasang siap (CBU) dan kereta pemasangan tempatan (CKD) untuk memenuhi selera pembeli.

Mengenai jaminan ke atas perniagaan ini, terpulanglah kepada peniaga-peniaga itu sendiri memajukan bidang perniagaannya. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian seperti yang telah saya jelaskan telahpun mengambil langkah-langkah bersesuaian terhadapnya iaitu menghadkan bilangan kereta import pasang siap (CBU) secara kuota selaras dengan permintaannya, serta menjadikan peniaga-peniaga ini sebagai pengedar kepada kereta-kereta pemasangan tempatan untuk mempelbagaikan jenis kereta dijual dan untuk menampung perniagaannya jika permintaan ke atas kereta-kereta import berkurangan.

#### LESEN MEMANDU PLASTIK BARU

**50. Dato' K. Kumaran** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-

- (a) sama ada beliau sedar lesen pemandu pelastik berbentuk baru yang dikeluarkan pada tahun lepas tidak dapat

diperbaharui kerana Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) tidak mempunyai mesin untuk membaruinya; dan

- (b) bilakah mesin membarui lesen pelastik jenis baru dapat diperolehi oleh JPJ dan apakah sebabnya mesin itu tidak dapat diperolehi sebelum lesen jenis baru ini diperkenalkan kepada negara.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman):**

- (a) Kementerian Pengangkutan memang sedar bahawa hingga tarikh ini lesen memandu pelastik berbentuk baru tidak dapat diperbaharui dan pemandu dikehendaki memperolehi lesen baru semula apabila membarui lesennya. Namun begitu, sukalah saya memaklumkan bahawa peraturan untuk membolehkan lesen memandu pelastik berlapis itu diperbaharui telah hampir selesai dan semua pemegang lesen memandu akan dapat memperbaharui lesen memandu mereka tidak lama lagi.
- (b) Pihak Jabatan Pengangkutan Jalan telah mengambil keputusan untuk menggunakan pelekat pembaharuan bagi memperbaharui lesen-lesen memandu berlapis itu. Penyediaan pelekat ini perlu dibuat dengan berhati-hati kerana pelekat ini memerlukan ciri-ciri keselamatan bagi mengelakkan sebarang penipuan berlaku.

**AKTA KAWALAN SEWA —  
SYARAT-SYARAT**

**51. Puan Sri Datin Janaky Athi Nahappan** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa syarat-syarat Akta Kawalan 1966 adalah menjejaskan kepentingan tuan-tuan punya rumah dan jika sedar sama ada beliau ada apa-apa rancangan untuk menghapuskan syarat-syarat yang tidak patut di dalam Akta Kawalan tersebut.

**Dato S. Subramaniam:** Kementerian saya sememangnya menyedari mengenai perkara ini. Pada masa sekarang, Kementerian saya sedang mengkaji secara menyeluruh Akta Kawalan Sewa, 1966. Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu memang diambilkan dalam kajian kita. Memandangkan Akta Kawalan Sewa 1966 melibatkan kepentingan-kepentingan tuan punya rumah dan juga penyewa-penyewa rumah, maka dalam kajian ini Kementerian akan memberikan pertimbangan yang saksama kepada semua pihak yang terlibat.

**PERINTAH AM - KAJIAN PINDAAN**

**52. Tuan Mohd. Yusof bin Kassim** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Peraturan Am (General Order) yang ada sekarang adalah warisan daripada penjajahan British dan selalu sahaja menjadi batu penghalang (red-tape); dan jika sedar nyatakan sama ada beliau bersetuju supaya peraturan am itu disesuaikan dengan keadaan dan masa yang kian sibuk dengan pembangunan sekarang.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Walaupun Perintah Am telah ada dari sejak zaman penjajah dahulu, Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah untuk mengkaji dan membuat pindaan-pindaan terhadap perbekalan yang terdapat di dalamnya untuk disesuaikan dengan kehendak masa. Perintah Am yang ada sekarang tidak lagi serupa dengan Perintah Am di zaman penjajah kerana banyak kandungannya telahpun dipinda. Malah pada masa ini langkah-langkah akhir telahpun diambil untuk meminda lagi perbekalan-perbekalan yang terdapat di dalamnya.

**BURUH DARI INDONESIA/FILIPINA**

**53. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) jumlah buruh dari Indonesia, Thailand, Filipina yang lain-lain negara yang ada di negeri ini sekarang yang masuk secara sah;
- (b) anggaran orang-orang yang datang ke negara ini dari negara-negara asing tersebut secara haram; dan

- (c) sama ada Malaysia benar-benar memerlukan tenaga buruh dari negara asing pada masa ini jika benar nyatakan jumlah tenaga buruh yang diperlukan bagi tiap-tiap sektor hingga tahun 2000.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Jumlah buruh dari Indonesia, Thailand dan Filipina yang diberikan Pas Kerja untuk bekerja di negeri ini ialah 445 orang.

Kementerian Dalam Negeri tidak ada anggaran mengenai warganegara asing yang masuk secara haram ke negara ini oleh kerana kemasukan mereka itu dibuat secara sulit dan haram yang menyalahi undang-undang.

Mengikut kajian yang telah dibuat oleh badan-badan tertentu yang mempunyai kepentingan langsung dalam industri perladangan, kekurangan tenaga buruh memang merupakan satu kenyataan. Pihak Kementerian Dalam Negeri tidak dapat membuatkan anggaran keperluan tenaga buruh dalam tiap-tiap sektor sehingga tahun 2,000.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG JALAN PERSEKUTUAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. (31hb Julai, 1985).

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom.

3.35 ptg.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyambung semula perbincangan saya di dalam menyokong Akta Jalan Persekutuan (Pindaan) yang dibentangkan semalam.

Sepertimana saya katakan semalam apabila seluruh negara kita mempunyai bentuk jalanraya yang begitu baik, rakyat mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana perjalanan yang begitu jauh dapat dilalui dengan selamat dalam masa yang singkat. Jadi, sekarang ini apabila jalanraya-jalanraya dari perjalanan begitu mudah, bidalan orang tua-tua yang mengatakan, jauh perjalanan banyak pemandangan itu sekarang ini sudah tidak dapat dirasakan lagi kerana sekarang ini kenderaan-kenderaan awam menggunakan alat-alat hawa dingin. Perjalanan begitu selesa menyebabkan orang ramai selalu tertidur di dalam kenderaan-kenderaan untuk menuju kepada destinasi yang dituju.

Yang menjadi masalah kepada kita sekarang ini ialah apabila Rang Undang-undang ini diluluskan di mana Kerajaan akan mengambilalih jalan-jalanraya yang selama ini dikenali dengan beberapa kategori. Misalannya, ada jalan Persekutuan, ada jalan Negeri, ada jalan D.O., ada jalan Wakil Rakyat. Ini menyebabkan kepada rakyat di luar bandar meminta sebatang jalan, jalan itu jalan tanah merah, kemudian untuk diturap dengan tar maka jawapan yang diterima dia kata ini jalan D.O. Jalan D.O. hendak kena minta proses melalui JKKK.

Kerana apabila satu batang jalan tar yang telah lama, jalan ini telah wujud sebelum merdeka, misalnya, katalah jalan daripada Kajang ke Sepang, jalan ini sudah wujud 50 tahun sebelum merdeka lagi. Kemudian apabila mintajalan ini mana yang bengkok supaya diluruskan, mana yang selalu tenggelam apabila berliku hujan, jalan ini mengalami kebanjiran maka jawapan jalan ini jalan Negeri. Apabila jalan Negeri minta kepada Wakil Rakyat, pergi ke Exco. Jadi, permohonan rakyat yang seperti ini selalu mendatangkan cemohan-cemohan kepada Kerajaan sendiri. Jadi, apabila adanya kuasa-kuasa undang-undang, dengan adanya Akta ini maka Kerajaan dengan sendirinya dapat mengawalselia, menjalankan kerja-kerja pembaikan, membetulkan mana-mana yang rosak, semua jalan; semua jambatan, semua feri yang ada dalam negara.

Kalaulah Ahli-ahli Yang Berhormat pergi ke kawasan Pantai Barat Negeri Sembilan daripada Lubuk China, ke Linggi, di sana kita akan

berjumpa jalanraya yang begitu daif, yang masih lagi beberapa batang jambatan-jabatan papan masih digunakan, yang merbahaya kepada kenderaan-kenderaan kecil selalu terpon-tang panteng apabila lalu di atas jambatan papan itu. Jadi, saya percaya apabila rakyat di sana minta dikatakan ini jalan-jalan Negeri, jambatan ini jambatan Negeri, bukanlah jambatan ini macam jambatan Pulau Pinang, jambatan ini untuk menyeberang sungai kecil sepanjang 30 kaki tetapi telah digunakan 50 tahun dahulu jambatan ini, hanya diganti kalau lantainya patah ganti sekeping, pakunya terbonjol. Jadi, apabila nampak paku terbonjol atau sekrew yang menyekrew rantai jambatan itu terbonjol, terpaksa pula kereta kecil tadi berhati-hati kerana dia dua selipar. Terlepas daripada selipar masuk lubang. Jadi, dengan adanya pindaan ini jalanraya daripada Lubuk Chioa ke Linggi Negeri Sembilan itu insya Allah akan dibaiki. Ini bagusnya Akta (Pindaan) ini. Sebab itu saya menyokong ini untuk kemudahan rakyat.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, apabila jalan-jalan kita ini dibuat begitu baik, memakan belanja yang banyak, orang pun lalu dengan laju, kereta pun laju, ada pula penjenayah jalan. Seperti yang saya sebutkan sewaktu dalam Soal Jawab semalam, adakah Menteri sedar bahawa ada sedikit yang mencurahkan minyak atau acid ke jalanraya di antara Terowong Karak/Bentong itu — Karak dengan Bentong, berlaku banyak kemalangan di situ yang menyebabkan banyak kematian. Kalau suratkhbar sudah tulis, saya harap suratkhbar tulis lagi esok, kalau suratkhbar sudah tulis maknanya ini orang ramai sudah tahu. Kalau orang ramai sudah tahu, orang yang di Kementerian tidak tahu tidak patut. Jadi, kalau kena dia besok accident, baharu dia kata saya tahu, ini tidak betul. Bila kena batang hidung ke gegegar, baharu tengadah. Ini sepatutnya perkara yang mana suratkhbar sudah tulis perkara yang seperti itu, yang ada hubungan dengan orang ramai, segera adakan penyiasatan, tengok betul-betul, kalau betul ada ambil tindakan, kalau perlu cegah, dicegah; kalau perlu diintip, diintip dan kalau tidak ada kata tidak ada; memang kemalangan itu sudah takdir, apa hendak buat. Sebab ceritanya seperti ini bukan satu dua kali.

Selain daripada itu, saya faham isi pati daripada pindaan ini ialah untuk membolehkan Kerajaan mengawalselia, membaiki jalan-jalan yang dibina itu untuk Kerajaan mengutip cukai. Selain daripada Cukai Jalan yang dikenakan kepada kenderaan, Kerajaan boleh mengutip cukai melalui tol. Di mana-mana Kerajaan buat jalan baharu, dibaiki jalan baharu dengan penurapan yang baik akan dikenakan tol di situ.

Dahulu pertama sekali tol yang ada ini jambatan Muar, Batu Pakat. Jadi, apabila macam saya ini kalau balik ke Batu Pahat kena fikir juga ini dua kali tol. Tetapi alhamdulillah, dengan kebijaksanaan pemimpin Kerajaan Barisan Nasional ini apabila modal membuat jambatan itu sudah pulang semula tol itu dihapuskan. Kemudian di Jambatan Yahya Petra di Kelantan pun begitu juga. Apabila Barisan Nasional menang sahaja — isytiharkan menang memerintah pukul 4.00 pagi, pukul 4.30 tol di Jambatan Yahya Petra ini dihapuskan. Ini bagus juga, itulah kehendak rakyat pun.

Cuma yang menjadi masalah sekarang ini, ada satu batang jalan jaraknya dekat kena tol ini dua kali, belum habis rokok sebatang sudah jumpa tol lagi, ini yang tidak sedap. Kenapa pula di sebatang jalan yang sama Federal Highway - Lebuhraya tetapi kenapa ada dua kali tol? Ini orang marah fasal kena dua kali. Betul, yang satu itu \$1.00 dan yang satu lagi 50 sen. Walaupun 50 sen apabila hendak raba kocek 50 sen ini terkikir anak ini minta soyabean di belakang, ini 50 sen boleh beli ice-cream. Ini apalah Kerajaan tol sampai dua, satu tidak bolehkah, ini kata rakyat. Sepatutnya di tempat yang semacam ini kalau sini /1.00, sini 50 sen kenakan tol \$1.50 cukup rakyat tidak marah. Tetapi fasal dua kali tol yang orang marah. Saya percaya kalau kita pergi ke Kuantan hendak balik ke Temerloh apabila kita lalu Lebuhraya, kalau tol yang pertama itu dikenakan \$1.50 orang tidak merungut tetapi apabila kena \$1.00 lepas itu dekat dengan Bentong sana lagi 50 sen, apa ini dua tol, satu tol tidak bolehkah. Tuan Yang di-Pertua, itu fasal suka buat kerja dua kali ini yang leceh sepatutnya sekali buat sahaja.

Selain daripada itu tol ini juga, saya hairan juga jalan yang belum diambilalih lagi, ini

tengah dibahaskan pindaan ini tetapi pondok tol sudah siap, dia sudah pasang perangkap, jaga. Lulus sahaja Undang-undang ini tol pun kena. Daripada Seremban, saya hendak balik-ke Banting ikut jalan Nilai sudah ada pondok tol. Kemudian saya cubalah pusing hendak ikut jalan Sungai Ramal pun sudah ada pondok tol. Di Lebuhraya Seremban/Kuala Lumpursudah ada tol, di batu berapa sana, ini hendak masuk ke Nilai besok akan kena tol.-Jadi, saya takttt pula besok nanti ada satu lebuhraya Bukit Changgang Salak yang sejauh 12 km - 9 batu itu pun akan ada tol di situ. Jadi, tol ini betul baik, saya tidak kata tol tidak baik, cuma yang saya sebut tadi masalah dua kali tol, itu yang tidak betul. Tol yang dua kali patut ditimbang balik semula.

Yang kedua, mengenai tol ini cuba kita fikir, saya memikirkan begini, seorang guru yang hari-hari ulang-alik dengan kenderaannya pergi ke sekolah atau seorang kerani di pejabat yang duduk di Seremban bekerja di Kuala Lumpur atau orang yang duduk di Kampung Pandan, duduk di Cheras bekerja pula di Seremban kerana sekarang perhubungan mudah boleh ulang alik begitu. Dia akan kena membayar tol dalam satu bulan tidak kurang daripada \$50, 25 hari bekerja. Satu hari \$2.00 sebulan \$50.00. Satu tahun \$600, Road Tax lain, tol sahaja \$600 satu tahun. Ini yang selalu ambil MC ini hendak mengelakkan tol.

Saya percaya Yang Berhormat Menteri akan menjawab ini Kerajaan menggalakkan kongsi pakai kereta, jadi kalau empat orang baharu 25 sen sehari. Ini masalah kongsi kereta syor kita tetapi orang yang mempunyai kereta pun kena fikirkan juga. Orang yang tidak ada kereta tadi pun fikir juga. Jadi, sekarang ini kita kena mempertimbangkan adakah Kerajaan atau Kementerian ini yang LLM (Lembaga Leburaya) yang ada dalam negara kita ini memikirkan untuk kepentingan berapa ribu orang yang berulang alik dari Seremban ke Kuala Lumpur, daripada Bentong ke Kuala Lumpur, Tanjong Malim ke Kuala Lumpur dan Banting ke Kuala Lumpur.

Kalau ada satu-satu cara, misalnya orang-orang ini tidak dikenakan tol setiap hari, dia boleh beri satu pelekat, maknanya dikenakan bayaran bulanan atau tahunan, dia tampil di

cermin keretanya, orang ini khas untuk melalui tol Seremban-Kuala Lumpur, pelekat ini khas tol Kuala Lumpur-Bentong, pelekat ini khas untuk tol Kuala Lumpur pergi ke Tanjong Malim. Tetapi saya tahu Kuala Lumpur-Tanjong Malim belum ada tol lagi. Nanti kalau jalan dekat Templer Park sudah makin baik, kemungkinanlah akan ada jerat pula dekat situ satu lagi.

Tuan Yang di-Pertua, tol ini saya difahamkan di dalam negara-negara maju menggunakan cara cukai yang dikenakan kepada rakyat tetapi kita ini apabila kita mempunyai satu kenderaan, sebuah kereta — kereta kecil, kata-lah kita beli- Proton Saga cukainya setahun sekian, cukai tayar sekian, hendak ganti dengan rim yang baik sekian, silencer exhaust bocor ada cukainya, cermin pecah ada cukainya, hendak tukar cat pun ada cukainya; dalam satu kereta itu macam-macam cukai ada, tambah lagi dengan cukai tol.

Di dalam kita hendak mengutip cukai, mengutip duit rakyat untuk rakyat sama-sama bertanggungjawab membina negara, rakyat sama-sama berbakti kepada negara di dalam masalah membina jalan-jalan, jambatan dan sebagainya ini, kerunsingan dan keluhan daripada orang ramai perlu dipertimbangkan.

Tentang harga tol \$1.50 itu memang belum mahal kepada kita, memang tidak mahal kalau dibandingkan dengan keadaan hari ini. Apalah ertinya \$1 sedangkan satu mangkuk teh pun sekarang 50 sen, dua mangkuk teh \$1, sama dengan bayaran tol dengan jalan yang kita gunakan begitu baik dan cantik, memang murah tetapi apa yang saya sebutkan tadi ini tol dua kali ini yang tidak betul.

Jadi saya berharap Yang Berhormat Menteri atau LLM (Lembaga Lebuhraya Malaysia) akan mengambil tindakan yang sebaik-baiknya untuk mengkaji semula plaza tol yang sedang dibina, yang akan dibina dan yang sudahpun dibina.

Tuan Yang di-Pertua mengenai dengan jambatan-jambatan yang akan dijadikan milik Persekutuan, saya juga merasa bangga dengan adanya pindaan ini kerana sepertimana yang saya katakan pada awal-awal tadi, memang

banyak jalan-jalan raya yang selama ini dikenali dengan jalan raya Negeri yang masih banyak di jalan-jalan raya itu jambatan-jambatan papan yang tidak kukuh, yang akan membahayakan kepada kenderaan-kenderaan yang menggunakan jalan raya itu. Misalannya, saya lalu di sebatang jalan yang dikatakan jalan Negeri di antara Jengkal dengan Marari, jalan itu kecil dan sempit, digunakan oleh lori-lori besar daripada gugusan Jengka mengangkut kelapa sawit dan minyak kelapa sawit menggunakan jalan itu. Jambatannya telah uzur, jadi saya percaya dengan adanya pindaan ini, insya Allah, jalan itu akan dapat diperbaiki dan jambatannya akan dapat diganti, akan menambahkan keselisaan kepada rakyat.

Saya percaya, sebab itu saya menyokong pindaan Akta Jalan ini supaya Kerajaan dapat terus memberikan khidmatnya kepada orang ramai, kepada pengguna-pengguna jalan raya, kepada pengangkutan awam yang sentiasa menggunakan jalan. Apa yang mendukacitakan saya, apabila sebatang jalan di antara Kelang pergi ke Pelabuhan Kelang Utara di Selat Kelang Utara diserahkan kepada sebuah syarikat swasta di mana tolnya diserahkan kepada sebuah syarikat swasta untuk mengutip tol. Berlaku di hari yang kedua, kalau tidak salah saya, seorang yang menggunakan jalan itu melalui Plaza Tol telah menimbulkan perbalahan sehingga menyebut: Apa Government Malaysia, apa dia boleh bikin. Jadi tindakan yang seperti ini adakah Kerajaan sudah bertindak kepada mereka yang mencabar kewibawaan Kerajaan? Dia berani buat begitu kerana tol itu syarikat punya, company punya.

Kalau Plaza Tol itu Lembaga Lebuhraya punya, saya percaya dia tidak akan cakap begitu. Jadi kerana dia marah barangkali dia tidak dapat tender untuk hendak membuat plaza di situ, maka dia lepaskan kemarahannya itu sewaktu dia hendak membayar dan diapun tidak bayar tol, tidak bayar bayaran di situ. Jadi ini tidak sedap, seolah-olah kewibawaan Kerajaan kita tercabar oleh seorang, kalau tidak salah saya, bukan warganegara kita. Apa tindakan yang Kerajaan sudah ambil? Sudah dibawa ke mahkamahkah orang ini? Ini mencabar kewibawaan kita, sedangkan tujuan diswastakan lebuhraya pendek di antara Kelang dengan Pelabuhan Selat Kelang Utara itu ialah untuk

mencuba sebuah syarikat, mencuba satu projek Kerajaan untuk diswastakan dan dikatakanlah pula apabila lebuhraya itu dibuat oleh sebuah syarikat, terutama oleh sebuah syarikat bumiputera, maka timbullah fitnah-fitnah, timbullah khabar-khabar angin jalan ini tidak selamatlah, jalan ini akan terbenamlah, jalan ini akan itulah, akan inilah, sehinggalah dicuba pula dengan Satu jenis kenderaan yang menggunakan tayar sampai berapa ratus tayar. Apabila kenderaan itu jalan di atas jalan raya itu, tidak ada apa-apa, tidak mendap pun. Ertinya, usaha sebuah syarikat bumiputera melaksanakan projek yang dikehendaki oleh negara itu dia berkemampuan, tetapi mereka yang bersikapanti-nasional, yang anti kepada kebangkitan kaum bumiputera di dalam bidang-bidang yang seperti itu menimbulkan berbagai-bagai khabar angin.

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah lagi yang saya lihat mengenai dengan jalan ini ialah perancangan sewaktu membina sesuatu batang jalan raya. Saya tidak tahu bagaimana perancangannya, tiba-tiba jalan raya itu siap tetapi jalan raya itu dibuat di atas tanah pamah, tanah gambut terutama sekali. Apabila jalan raya itu siap, jalan raya itu akan bergelombang turun naik, kata budak-budak di tempat saya: Jalan ini buming . Apabila jalan ini buming, bukannya gelombang itu jauh, gelombangnya dekat-dekat sehingga keadaan kenderaan yang menggunakan jalan itu betul-betul macam di dalam sebuah motorbot yang sedang dilanda oleh ombak, oleh gelombang. Mengapa perancangan yang seperti ini berlaku?

Kita tidaklah hendak salahkan yang tukang buat jalan sebab memang sudah diluluskan jalan itu dibuat di situ dan kawasan tanah itu pula memang tanah pamah, tanah yang bergambut. Adakah Kerajaan akan memikirkan semula kalau ada rancangan-rancangan hendak membuat jalan di tempat-tempat yang baru supaya difikirkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi iaitu jalan yang saya-sebutkan tadi ada 4 kategori: jalan Persekutuan, jalan Negeri, jalan D.O. dan jalan Wakil Rakyat. Ada satu jalan lagi iaitu jalan FELDA. Apabila saya melawat ke FELDA-FELDA, jalan ke FELDA-FELDA ini cukup

teruk. Apabila ditanya kepada orang FELDA, FELFA kata ini JKR; tanya JKR, JKR kata ini FELDA, FELDA kata ini State! Jadi yang mana satu sebenarnya yang membuat jalan ini?

Dengan adanya akta pindaan ini, saya menyokong penuh supaya Kerajaan Persekutuan dapat menguasai semua jalan raya yang ada dalam negara kita ini, daripada membuatnya, menjaganya, maintenance, menebas kanan kiri, sama ada jalan yang sedia ada lebuh raya, jalan yang dikenal dengan jalan Negeri, jalan yang dikatakan jalan D.O., jalan yang dikatakan jalan Wakil Rakyat dan jalan di seluruh kawasan-kawasan FELDA.

Saya sudah mengagak bahawa Yang Berhormat Menteri akan menjawab kemelisisitan kewangan, kita tidak buat itu semua. Saya tidak minta buat dalam tahun 1986, saya tidak minta buat tahun 1987 tetapi sekurang-kurangnya akan dimasukkan di dalam Buku Rancangan Malaysia Kelima nanti bahawa seluruh jalan-jalan di dalam negara kita ini sama ada jalan kampung atau jalan FELDA adalah tanggungjawab Kementerian Kerjaraya yang akan melaksanakannya. Jadi 80,000 keluarga FELDA ini pun syok sedikit bila mereka dengar. Apabila mereka dengar ini, mereka mulalah berfikir bahawa kemudahan asas yang pertama jalanraya akan masuk ke Sungai Koyan, akan sampai ke Bukit Pucong. Saya biasa sampai ke tempat-tempat ini, teruk betul jalannya. Kalau ini dikuasai oleh Kerajaan Pusat, oleh Kementerian Kerjaraya, insya Allah. Apa lagi apabila saya pergi ke beberapa rancangan FELDA di sebelah Miri, di Bintulu dekat Niah, lagi teruk jalanraya pergi ke FELDA di Sarawak. Dan Akta ini nanti akan melibatkan sampai ke Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Semuanya ini untuk kebahagiaan rakyat, untuk kesenangan rakyat, maka dengan ini, saya menyokong suatu Akta yang dinamakan Akta untuk meminda Ordinan Jalan Persekutuan 1959 untuk diluluskan. Sekian dan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Jaafar Harun.

4.02 *ptg.*

**Tuan Jaafar bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun mohon izin bercakap sepatah dua mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang bernama Satu Akta untuk meminda Ordinan Jalan Persekutuan 1959 yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri pada petang semalam.

Tuan Yang di-Pertua, saya memanglah menyokong Akta ini kerana jalan Persekutuan yang ada dalam negara kita ini adalah merupakan perhubungan yang penting bukan sahaja dari sebuah negeri kepada sebuah negeri yang lain tetapi juga jalan ini menghubungkan kepada Ibu Negara kita di Kuala Lumpur ini. Oleh itu ianya akan membabitkan secara langsung bukan sahaja dari segi masyarakat, tetapi juga hubungan ekonomi yang berkait rapat dengan rakyat. Yang demikian, jalan Persekutuan ini memang sudah seharusnya diberi perhatian yang utama oleh Kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyentuh satu dua perkara yang lain, saya suka bertanya kepada Menteri yang berkenaan iaitu daripada kesemua negara kita yang ada dalam Malaysia ini sebanyak 13 buah negeri, berapa batukah panjangnya keseluruhan kesemua jalan Persekutuan dan saya juga ingin mendapat tahu di antaranya itu berapa batu pula panjangnya jalan Persekutuan di Negeri Sembilan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita di bawah Kementerian Kerjaraya ini sememanglah sentiasa menyelia dan membaiki jalan-jalan Persekutuan yang ada di dalam negara kita ini. Selain daripada membaiki jalan-jalan yang rosak itu, Kerajaan juga membaiki bahu jalan iaitu dengan menambah tanah-tanah di kiri kanan jalan itu dan saya difahamkan rezab jalan Persekutuan ini lebar iaitu satu rantai lebarnya. Tetapi muka jalan yang dilalui oleh kereta itu adalah kecil, hanya boleh berselisih bagi dua buah kereta sahaja. Jadi jalan-jalan yang ada di dalam negara kita ini boleh dikatakan kebanyakan muka jalannya sempit iaitu kereta-kereta tidak boleh melalui jalan itu berselisih dalam tiga buah kereta, cuma dua buah kereta sahaja boleh lalu. Pendek kata sekiranya ada motor di hadapan kita dan sebuah kereta datang dari hadapan untuk berselisih



dengan kereta kita dari belakang, memang tidak boleh lalu dan ini membahayakan dan boleh menjadi pelanggaran. Oleh itu saya suka mengesyorkan kepada Kerajaan kita supaya jalan-jalan yang ada ini kita perbesarkan iaitu muka jalan itu kita perbesarkan sekurang-kurangnya dapat tiga buah kereta berselisih, walaupun barangkali meraakan belanja yang banyak tetapi ini boleh kita buat secara beransur pada tiap-tiap tahun. Kalau sekiranya kita tidak merancang dari masa sekarang, tentulah barangkali projek itu tidak akan wujud di masa akan datang. Oleh itu seharusnya Kerajaan kita merancang untuk membesarkan muka jalan itu seperti yang saya sebutkan tadi.

Yang kedua, oleh kerana jalan Persekutuan ini saya memahamkan sebagai jalan yang sebok kerana bukan sahaja jalan yang menyambungkan dari sebuah negeri ke negeri yang lain, tetapi selain daripada itu, kita mendapati masih banyak lagi jalan-jalan yang sebok. Kita dapati di beberapa buah negeri dalam negara kita ini yang digunakan oleh rakyat. Jalan-jalan itu saya pasti kurang mendapat perhatian daripada pihak Kerajaan. Kerosakan-kerosakan yang didapati lambat diperbaiki. Keadaannya kadang-kadang amat menyedihkan. Oleh itu sukacita juga saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya jalan-jalan seumpama itu dimasukkan ataupun dinaikkan kepada taraf jalan Persekutuan iaitu ditambah pada setiap tahun. Dengan cara yang demikian jalan-jalan yang tersebut mudah dapat perhatian Kerajaan dan sentiasa baik dilalui oleh rakyat. Ini juga boleh mengurangkan terdapatnya jalan-jalan yang buruk di luar-luar bandar.

Ketiga, saya suka juga menyentuh dalam Akta Jalan Persekutuan ini mengenai lebuh raya. Saya tidak faham sama ada lebuh raya ini termasuk atau tidak dalam Akta Jalan Persekutuan. Tetapi oleh kerana lebuh raya ini mengatasi seboknya daripada jalan-jalan yang lain, maka jalan ini dijadikan jalan yang utama di gunakan kerana jalan ini menuju ke bandar, ibu negara kita ini. Saya suka bertanya kepada Kementerian yang berkenaan, berapakah pula panjangnya lebuh raya yang telah dibina dalam negara kita ini. Sehubungan dengan ini, saya suka juga mengambil perhatian Kerajaan supaya Kerajaan menyambungkan lebuh raya daripada Kuala Lumpur/Seremban itu diteruskan

sehingga ke Johor Bahru. Walaupun kita tidak dapat membuat sekali gus kerana perbelanjaan yang banyak, tetapi boleh kita rancangan dan kita buat secara beransur-ansur dan saya membuat pandangan juga boleh kita rancangan lebuh raya ini dibuat daripada ibu negara kita Kuala Lumpur ke utara.

Selain daripada itu, saya suka juga menyentuh berkenaan dengan perhiasan pokok-pokok bunga ataupun pokok-pokok yang ditanam di kiri kanan jalan raya kita ini. Memanglah menanam pokok-pokok bunga dan pokok-pokok yang rendah berhampiran jalan itu baik tetapi ada tempat-tempatnya pokok-pokok itu ditanam ditempat-tempat yang berselekeh. Ini mendatangkan merbahaya, kalau sekiranya pokok itu telah besar dan rimbun, kadang-kadang kereta tidak nampak di hadapan dan boleh mendatangkan bahaya dan pelanggaran berlaku di tempat-tempat yang saya sebutkan tadi. Ada di satu-satu tempat itu di bandar-bandar, di tengah-tengah jalan itu pula ditanam dengan pokok-pokok bunga. Inipun boleh melindungi kereta-kereta yang di hadapan dan juga mendatangkan bahaya kepada kenderaan-kenderaan kita dan juga keselamatan rakyat yang melalui di tepi-tepi jalan itu. Saya harap Kementerian dapat memikirkan masalah ini dan kalau perlu di tempat-tempat yang merbahaya itu jangan kita tanam pokok-pokok yang saya sebutkan tadi.

Selain daripada itu, saya suka menyentuh berkenaan dengan cara membaiki jalan raya-jalan raya ini. Saya difahamkan ada dua jenis cara membaiki jalan. Satu daripadanya yang saya nampak ialah dengan menggunakan apa yang dikatakan minyak tar goreng. Ini selalu digunakan untuk membaiki jalan-jalan Persekutuan dan setelah ditaruh dengan minyak tar goreng ini, jalan itu amat baik sekali. Tetapi disetengah tempat iaitu di jalan-jalan yang di luar bandar tidak demikian. Ada di tempat-tempat umpamanya di luar bandar, di kampung, didapati jalan-jalan yang buruk ini berlobang-lobang yang besar-besar yang hanya di timbunkan dengan batu yang sudah ditaruh dengan tar dengan begitu sahaja. Jadi menjadikan jalan itu menambah lagi memburukkan dan jikalau kenderaan kita melalui tempat itu kita rasa juga jalan macam mana kata Yang Berhormat tadi jalan tersebut bumping juga.

Saya haraplah kepada Kementerian yang berkenaan supaya jangan dibezakan membaiki jalan Persekutuan dengan jalan-jalan yang di hulu-hulu, di kampung dengan dibuat dengan secara yang saya sebutkan tadi.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyentuh berkenaan dengan bahu jalan ini. Di suatu ketika saya nampak di kiri kanan jalan oleh sebab rendah di bubuh dengan tanah-tanah merah supaya sama tingginya dan menjadikan jalan itu barangkali lebih selamat untuk orang berjalan kaki ataupun penunggang-penunggang motosikal. Tetapi setelah beberapa lama jalan itu telah tumbuh rumput dan hidup, ada pula setengah pihak yang lain mengambil rumput yang ditepi jalan itu dan ditanam di tempat lain. Ini menjadikan jalan itu telah lekuk semula dan besok dibuat dan ditimbalkan balik. Lepas itu sudah hidup dia ambil balik rumput ditanamkan di tempat lain. Tentulah perkara ini satu perkara yang agak membazir sebab membubuh tanah itu menggunakan belanja yang banyak juga selepas itu diambil dan ditambah balik. Saya rasa dukacitalah dan berharap mendapat penjelasan daripada pihak yang berkenaan.

Yang akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyentuh berkenaan dengan kenderaan yang membawa minyak seperti yang disebutkan oleh saudara kita tadi iaitu berkenaan dengan minyak tumpah di jalan-jalanraya. Perkara ini yang sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, telah dialami oleh diri saya sendiri iaitu seminggu yang sudah di suatu selekoh iaitu daripada Kuala Pilah ke Seremban. Saya telah memandu sendiri kenderaan itu dan berasa kereta saya tidak dapat dikawal lagi dan saya fikir tentu tayar kereta saya pancit, tetapi sebenarnya disebabkan oleh kerana minyak yang tumpah di tepi-tepi jalan yang mengakibatkan kereta saya tergelincir ke bawah jalan.

Jadi saya mendapat tahu daripada orang-orang di situ memang berlaku minyak tumpah di situ dan pada suatu ketika dia kata dia nampak minyak itu keluar dasipada tangki dan sebuah motosikal telah mengejar dia memberitahu minyaknya tumpah. Tetapi dijawabnya tidak apalah bukan dia yang punya. Jadi ini saya fikir eloklah kita adakan satu peraturan

ataupun undang-undang untuk mengawal keselamatan supaya jangan berlaku tumpahan minyak di jalanraya-jalanraya demi keselamatan kenderaan-kenderaan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Akta untuk meminda Ordinan Jalan Persekutuan 1959 ini diluluskan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Mohd. Yusoff.

4.14 ptg

**Tuan Mohd. Yusoff @ Yusof bin Haji Md. Nor:** Tuan Yang di-Pertua; terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang yang dinamakan Rang Undang-undang Jalan Persekutuan (Pindaan) 1985.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa tujuan dibawa ke Parlimen atau Dewan yang mulia ini Rang Undang-undang ini ialah untuk melicinkan pada masa hadapan masalah prosedur penukaran ataupun pengambilan alih jalan-jalan Negeri menjadi jalan-jalan Persekutuan. Saya percaya anggapan orang ramai ialah bahawa Kerajaan Persekutuan adalah lebih kaya, lebih banyak wang dan dengan lulus Rang Undang-undang ini maka banyaklah jalan-jalan Negeri (State) sekarang ini bertukar wajah menjadi jalan yang elok, jalan yang licin, jalan yang lebih baik kualitinya daripada yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pembinaan jalanraya di negara kita ini adalah suatu perkara yang begitu penting kerana ianya merupakan sebahagian daripada infrastruktur pembangunan di negara kita hari ini. Oleh kerana itu banyak wang telah dibelanjakan oleh Kerajaan untuk membaiki ataupun membina jalanraya-jalanraya di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, daripada wang-wang yang dibelanjakan itu banyak yang telah dibelanjakan daripada wang-wang yang dipinjam daripada luar negeri dan ada juga daripada wang yang kita sendiri sedia ada. Maka kerana itu kerana banyaknya wang-wang yang telah dikeluarkan dan dibelanjakan oleh Kerajaan dalam pembinaan dan memperbaiki jalan-jalan

raya maka saya rasa adalah menjadi suatu perkara yang diharapkan oleh orang ramai bahawa dalam perancangan jalanraya-jalanraya Kerajaan hendaklah berhati-hati dan kena di dalam perkara keutamaan yang diberikan di jalan mana yang harus Kerajaan bina dan jalan mana yang harus Kerajaan perbaiki dengan segera.

Dalam masalah inilah saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bahawa pada pandangan saya pada masa yang lepas dalam perancangan pembinaan jalanraya-jalanraya, saya tidak faham akan keutamaan (priority) yang diberikan oleh Kerajaan dalam masalah pembinaan jalanraya ini. Sebagaimana Yang Berhormat Menteri tahu bahawa negeri saya Kelantan merupakan sebuah negeri yang banyak kali diperlakukan sebagai sebuah negeri yang mundur di dalam negara kita hari ini. Satu perkara penting dalam masalah pembangunan negeri Kelantan ialah pembinaan jalan-jalan. Masalah pembinaan jalan Gua Musang ke Kuala Lipis misalnya adalah satu perkara yang begitu penting kerana ianya dapat menghubungkan Kelantan ke Kuala Lumpur dan seterusnya ke Pelabuhan Kelang dengan memendekkan jarak perjalanan sejauh kurang 170 batu. Tetapi di dalam keadaan ini, Kerajaan Persekutuan nampaknya tidak memberikan keutamaan yang seharusnya kepada pembinaan jalan-jalan seperti ini. Di dalam budget yang telah kita luluskan di dalam persidangan Parlimen dua tiga bulan yang lepas saya dapati hanya \$10 sahaja diperuntukkan untuk jalanraya Gua Musang ke Kuala Lipis yang mana jalan ini sepatutnya diberikan keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham bahawa peruntukan sebanyak \$10 ialah semata-mata sebagai 'nominal' ertinya Kerajaan ada bercadang hendak membuat jalanraya daripada Gua Musang ke Kuala Lipis tetapi Kerajaan telah membuat perancangan untuk membina jalanraya daripada Jeli ke Pasir Puteh. Daripada Jeli ke Pasir Puteh hari ini sudah ada jalannya, di samping merancang memperbaiki jalan yang telah ada, telah membuat perancangan untuk membina sebuah jalan lain yang akan menelan belanja lebihkurang \$70 juta tetapi jalan daripada Gua Musang ke Kuala Lipis tidak diberi keutamaan.

Sekarang ini saya telah difahamkan bahawa jalan Gua Musang ke Kuala Lipis telah dimulakan oleh Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri Kelantan di sebelah negeri Kelantan, dan Kerajaan Pahang di sebelah negeri Pahang. Oleh kerana Kerajaan Negeri sebagaimana yang kita tahu adalah tidak mempunyai unsur kewangan yang banyak sebagaimana yang dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan, maka pembinaan jalanraya yang dibuat oleh Kerajaan Negeri itu lambat dan tidak sebaik atau tidak serupa dengan perancangan pembinaan jalanraya yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan.

Saya -percaya dengan lulusnya Rang Undang-undang ini, Kerajaan Persekutuan mungkin akan dapat mempercepatkan pengambilalihan perancangan jalanraya daripada Gua Musang ke Kuala Lipis ini. Walau bagaimanapun, pada setakat ini sudah nampak bahawa Kerajaan tidak dapat memberi keutamaan kepada jalan-jalan yang sepatutnya dapat diberi keutamaan. Dan saya harap Kerajaan walaupun buat masa ini Kerajaan Negeri yang membina jalan itu, saya harap Kerajaan Persekutuan memberikan perhatian yang lebih dan kalau boleh memberikan peruntukan-peruntukan untuk membantu Kerajaan Negeri di dalam usahanya untuk membina jalanraya yang begitu penting itu.

Di samping itu, dalam masalah pembinaan-pembinaan jalan-jalan yang telah siap, banyak jalan-jalan yang saya lihat telah dibina dan sebagainya, tetapi dibiarkan begitu sahaja. Satu contoh, saya suka menarik perhatian kepada jalan Jerangau ke Jabor, jalan ini telah siap dan pada permulaannya apabila telah disiapkan jalan ini dianggap oleh orang ramai sebagai satu jalan atau lebuh raya yang akan menjadi alternate, ataupun pilihan kepada mereka yang ingin berjalan daripada Kelantan misalnya meningkatkan perjalanan ke Kuantan. Tetapi malangnya apabila jalan itu telah siap saya lihat tidak ada perancangan untuk membaiki jalan itu ataupun maintain, dengan izin, untuk menjaga jalan itu, sehingga sekarang ini jalan itu penuh dengan lubang-lubang (pot-holes) dan susah untuk kita berjalan dan sehingga pada masa ini jarang orang menggunakan jalan-jalan ini. Ini menunjukkan bahawa selepas Kerajaan telah membelanjakan wang yang begitu banyak untuk membina jalan ini telah ditinggalkan, tidak dimaintain sehingga jalan itu sekarang tidak berapa digunakan oleh

orang. Kalau boleh saya minta kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya apabila jalan-jalan ini siap hendaklah diberikan perhatian kepada maintenance, agar wang yang telah dibelanjakan begitu banyak tidak akan menjadi sia-sia dan infrastruktur yang telah dibina itu dapat digunakan oleh orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja perkara yang saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Menteri dalam perkara ini dan oleh kerana saya percaya bahawa dengan lulusnya Akta ini, maka kedudukan jalan-jalan negeri yang ada sekarang, yang mungkin dalam keadaan yang uzur dan tidak dapat dimaintain oleh Kerajaan Negeri dengan baik akan dapat diambilalih oleh Kerajaan Persekutuan dengan senang. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahab.

4.26ptg.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana telah membenarkan dan memberi izin kepada saya untuk turut bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain bagi membahaskan suatu Akta yang diberi nama Akta Jalan Persekutuan (Pindaan) 1985.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian yang berkenaan, yang telah begitu banyak menjalankan dan melaksanakan projek-projek lebuhraya, menaikkan taraf jalan kecil kepada Jalan Persekutuan dan berbagai-bagai kerja-kerja pembangunan sehingga telah menjadikan negara kita ini satu negara yang mudah dihubungkan di antara satu bandar ke satu bandar, di antara satu bukit ke satu bukit, di antara satu negeri ke satu negeri kerana sebelum daripada ini kita belum mengenal suatu jalan yang menghubungkan Timur dan Barat daripada Kelantan ke Perak, membelah bahagian bukit-bukau, Titiwangsa dan sebagainya. Ini satu kejayaan yang tidak dapat kita nafikan.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan-kejayaan, pembangunan-pembangunan ini bukanlah tidak ada kelemahan-kelemahan untuk dibaiki

dan saya mohon izin untuk menyumbangkan sedikit sebanyak apa yang kita lihat, apa yang kita dengar daripada rakyat jelata tentang beberapa kelemahan-kelemahan yang sangat menjolok mata, yang kita kira perlu dibaiki oleh pihak Kementerian Kerja Raya di dalam usaha-usahanya mencantik, memperindah serta memberi manfaat kepada seluruh rakyat di dalam pembangunan jalan ini.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, di dalam akhbar-akhbar di kedai-kedai kopi sepanjangjalan, rakyat tidak putus-putus memperkatakan bagaimana Kerajaan kita ataupun pembina-pembina jalanraya atau kontraktor-kontraktor yang tertentu di mana lebuhraya kita lihat Timur dan barat daripada Jeli di Kelantan ke Gerik di Perak, telah dirancang dengan begitu rapi, telah dibina begitu lama memakan masa hampir 13 tahun, tetapi dalam tempoh setahun digunakan, maka hari ini kita amat keciwa mendapati bahawa jalan-jalan ini banyak tempat yang runtuh, bukit-bukit yang tinggi di tepi-tepi jalan ini telah sering kita dapati runtuh, mengambus bahagian-bahagian jalan dan tebing-tebingnya pun begitu juga, termasuk di bahagian tengah-tengahjalan sehingga menjadikan jalan ini seolah-olah bukan dibuat daripada batu, tetapi dibuat daripada pasir yang halus dan tidak kukuh sahaja, kenapakah perkara ini berlaku?

Tuan Yang di-Pertua, saya perhatikan keadaan lebuhraya dan jalan-jalan kecil di dalam kawasan bukit-bukau yang dibina oleh pihak yang dinamakan dengan izin, joint-venture, oleh pihak LLN dengan kontraktor Jerman.

Di kawasan-kawasan haidro-elektrik di Cameron Highlands kita dapati bukit-bukit yang tinggi dibelah dan dibenteng dengan cara yang mudah, tetapi sehingga hari ini kita perhatikan sepanjang sistem haidro-elektrik di Cameron Highlands yang mempunyai jalan-jalan menghubungkan janakuasa-janakuasa ini daripada Cameron Highlands sampailah ke Batu 19 di Janakuasa Sultan Yusuf hingga sampai ke Batu 7, sepanjang 20 batu di mana jalan-jalan ini yang menghubungkan perumahan kakitangan

dan sebagainya tidak didapati kerosakan sebagaimana kerosakan tanah runtuh, bukit, tebing yang kita lihat disepanjang jalan Kuala Lumpur-Seremban dan juga disepanjang Lebuhraya Timur-Barat di Gerik itu.

Bagaimana perkara ini boleh berlaku dan adakah pihak kontraktor ini membina jalan ini secara sub-standard ataupun tidak mengikut specification yang ditentukan. Ini menjadi pertanyaan dan persoalan yang harus dipandang berat oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang lebuhraya daripada utara ke selatan yang menempuh kawasan Ipoh ke Bidor yang masih dalam perancangan di mana aliran jalan ini telah diubah daripada barat ke timur bahagian lebuhraya itu, iaitu aliran yang seluruhnya beralih daripada cadangan asal. Jalanraya Ipoh ke Bidor di selatan Negeri Perak ini di dalam kajian-kajian terakhir pihak Kementerian Kerjaraya, lalulintas kenderaan dianggarkan ada ketika-ketikanya melebihi 1,500 kenderaan pada satu jam. Keadaan jalan ini sangat sesak, apatah lagi pada musim-musim hujung minggu Sabtu dan Ahad dan juga hari-hari perayaan. Kalau kadang-kadang masa yang diambil perjalanannya daripada Bidor ke Ipoh memakan masa satu jam, hari ini telah boleh memakan masa hingga hampir dua jam. Kenderaannya daripada kenderaan kecil hinggalah sebesar-besar kenderaan, cuma kapal terbang dengan keretapi sahaja tidak ada melintasi jalan ini. Kalau kita lihat kenderaan-kenderaan berat yang mengangkut kontena-kontena besar membawa kayu balak daripada Pahang ke Ipoh melalui jalan ini juga, membawa kereta-kereta semuanya melalui jalan-jalan yang saya sebutkan tadi.

Kenapakah sebelum pembinaan jalan lebuhraya baru di antara Ipoh ke Bidor ini dilaksanakan mungkin dalam tempoh 10 atau 15 tahun lagi, kenapakah tidak dibuat satu dasar baru untuk mengelakkan kesesakan yang mendatangkan bahaya dan melembapkan perjalanan-perjalanan perhubungan di selatan Perak ini ke Kuala Lumpur, mengapa kita tidak adakan sekatan-sekatan kepada kenderaan yang sungguh berat dengan muatan-muatan yang besar ini dialihkan kepada pengangkutan keretapi dan apabila jalan ini telah siap kelak

dalam tempoh 15 tahun lagi barulah kita bemarkan kenderaan-kenderaan berat untuk melalui jalan-jalan ini.

Hari ini, Tuan Yang di-Pertua, jalan ini kalau dikira lebarnya, besarnya tidak banyak ubah daripada 50 atau 60 tahun yang lalu, cuma yang dilebarkan ialah bahu jalan sahaja dan bahu-bahu jalan ini kita rasa di sinilah pihak kontraktor ataupun Kerajaan membazirkan wang berjuta-juta ringgit setiap tahun kerana bahu jalan ini dikikis tanah-tanah yang keras, dibuang rumput-rumput yang mempertahankan benteng bahu jalan ini. Jikalau di dalam pepatah Melayu ada satu teknologi yang dipanggil: Sokong-menyokong laksana aur dengan tebing. Maka rumput-rumput yang keras, rumput-rumput yang diadun di tepi jalan ini semasa zaman lampau, Hari ini telah dikikis sehabis-habisnya oleh jentera-jentera membina bahu-bahu jalan ini, kemudian diturap dengan batu lombong, tak jumpa hatu lombong diturap dengan pasir, kemudian ada setengah-setengah bahagian tidak dapat dengan pasir, diturap dengan tanah liat.

Keadaan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya perhatikan jikalau pasir ini pada musim panas dia menjadi debu. Jikalau datang hujan selepas panas seperti keadaan hari ini di bahagian-bahagian 'hill brush' ataupun yang berbukit-bukit, semua pasir ini akan hanyut menjadikan lurah-lurah, longkang di tepi-tepi jalan. Keadaan ini amat merbahaya dan banyak kemalangan-kemalangan yang dilaporkan di Balai-balai Polis sepanjang Jalan Ipoh ke utara, Ipoh ke selatan ke Tanjong Malim, hingga sampai ke Kuala Lumpur ini beginilah keadaannya. Di bahagian-bahagian yang ditambak, diturap dengan tanah merah pula apabila musim hujan lebat datang pada keadaan hari ini, tanah-tanah merah ini menjadi lembik berlumpur laksana bubur. Kalaulah motosikal, kereta-kereta kecil yang terbabas ke tepi kerana mengelakkan perselisihan dengan kenderaan-kenderaan berat yang banyak seperti saya sebutkan tadi hingga hampir 1,500 kenderaan satu jam, maka keadaan-keadaan merbahaya oleh tanah-tanah merah yang lembik, yang telah menjadi lumpur dan lodak ini mendatangkan bahaya dan ancaman yang besar kepada pengguna-pengguna jalanraya itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya bahu jalan ini dialih terus, ditambah dan diturap dengan batu dan minyak tar, maka jalanraya kita yang kecil ini akan menjadi bertambah lebar dan akhirnya kita akan dapat menggunakan jalan ini. Kalau kita cadangkan supaya diturap dengan minyak tar, dinaikkan standard tepi-tepi jalan, bahu jalan daripada taraf pasir dan tanah merah atau batu lombong ini diperkukuhkan menjadi jalan yang biasa dalatn tempoh anggaran 20 batu setahun, di dalam tempoh 5 tahun kita akan mendapati 100 batu. Ini telah mencukupi daripada penglebaran, pembesaran jalan kita daripada Ipoh hingga sampai ke Kuala Lumpur. Di dalam tempoh 5 tahun kita telah mendapat satu jalanraya yang besar yang boleh akhirnya kita jadikan dual carriageway. Saya kira langkah-langkah seperti ini harus diambil sementara kita menunggu masa yang lama, iaitu hampir 15 tahun lagi di mana kita boleh menyiapkan lebuh raya yang baru yang menghubungkan kawasan sesak jalanraya daripada Ipoh ke selatan di Bidor atau Sungkai ini.

Tambahan lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kepada pihak Kementerian yang berkenaan sekiranya kita membuang dan membazirkan wang dengan membina bahu-bahu jalan ini, pada masa sekarang ini apa yang sangat memerlukan di bahagian-bahagian kawasan jalan yang berbukit, iaitu 'hill brush' yang saya maksudkan, kita sediakan lorong-lorong khas untuk kenderaan-kenderaan berat yang lambat supaya menyenangkan lalulintas ataupun pengaliran lalulintas kereta ini memudahkan mereka memotong dan melancarkan perjalanan-perjalanan lalulintas di jalanraya. Pada hari ini suasana yang biasa terdapat sepanjang hari di mana kalau ada kenderaan berat melintasi kawasan-kawasan bukit yang sempit dan kecil ini, tidak ada lorong-lorong khas bagi kenderaan-kenderaan berat yang perlahan ini, kita biasa melihat iringan kenderaan-kenderaan lalulintas di jalanraya sepanjang jalan yang saya maksudkan itu hampir berbatu-batu, sampai 5 batu tidak dapat kelancaran yang sempurna di jalanraya ini. Ini menunjukkan walaupun kita bermegah dengan adanya Lebuh raya Timur dan Barat, ada lebuh raya di kawasan-kawasan yang lain, Pelabuhan Kelang dan sebagainya, tetapi kasihanlah akan nasib kenderaan daripada Kuala

Lumpur ke utara hingga ke Pulau Pinang ini, keadaannya sungguh lembab, sungguh menyedihkan, terutama sekali ketika malam hari di mana kenderaan-kenderaan berat seperti bas ekspres, lori-lori besar, pengangkutan waktu malam yang berjalan dengan laju dengan tidak mempedulikan, dengan tidak ada belas kasihannya kepada kenderaan-kenderaan kecil di tengah-tengah malam.

Tuan Yang di-Pertua, rancangan Kerajaan seperti yang terkandung dengan hasratnya untuk menseragamkan dan mengambil alih jalan-jalan Negeri dan sebagainya, ini satu cadangan yang baik. Tetapi kita menitikberatkan agar pihak Kementerian, terutama sekali JKR memerhati dan meneliti dengan sehalus-halusnya akan setiap perkembangan dan pembuatan jalan ini supaya tidak terdapat kontraktor-kontraktor yang menyeleweng yang telah membina jalan kita ini dengan bahan-bahan yang nipis, yang murah, yang kadang-kadang bila hujan seminggu sahaja kita dapati jalanraya-jalanraya sepanjang selatan ke utara ini bertompok dengan lubang-lubang pecah yang sangat merbahaya.

Suatu contoh lagi yang kita dapati keadaan kerosakan jalan ini ialah pertemuan jalanraya besar dengan persimpangan-persimpangan kawasan perumahan, kawasan perlombongan dan industri. Biasanya apabila suatu kawasan perumahan atau perlombongan atau industri yang telah menjalankan pembangunan di sepanjang lebuh raya ini, semuanya ini ditapis dan diteliti oleh pihak Kementerian Kerjaraya, kadang-kadang memakan masa sehingga sampai dua tahun atau tiga tahun, barulah diluluskan perancangan itu.

Tetapi kita amat dukacita melihat pertemuan jalanraya besar ke persimpangan-persimpangan perumahan ini biasanya jalan pertemuan ini jalannya mutu yang sangat rendah, dalam tempoh dua tiga bulan sahaja pertemuan jalan itu telah menjadikan lopak dan perbezaan yang sangat nyata, kadang-kadang jalan pertemuan yang baru dibuat tidak cukup dengan bahan-bahan binaannya dan jalan itu menjadikan jatuh dan terasing dengan jalanraya yang asal. Ini semuanya menambahkan bahaya kepada lalulintas dan juga menjadikan mutu dan

tepi jalan lebuhraya yang besar itu menampakkan kerosakan-kerosakan yang nyata di persimpangan-persimpangan dan menjadilah di situ tempat, dengan izin, accident prone area:

Kawasan-kawasan pertemuan dengan perlombongan kadang-kadang tidak langsung dibina pembetung-pembetung sebagaimana disyaratkan dan apabila hari hujan maka jalanraya yang besar ini akan menjadi longkang dan parit besar, ditenggelami oleh parit air, sedangkan di dalam syarat-syarat perlombongan biasanya disyaratkan mestilah diawasi dan dibuat saliran-saliran air yang sempurna untuk mengelakkan banjir dan kerosakan di persimpangan-persimpangan jalan itu.

Inilah yang kerap terjadi dan saya bersama-sama dengan rakan-rakan saya tadi yang telah menyuarakan bahawa dari segi maintenance, dari segi penguatkuasaan nampaknya seolah-olah pihak JKR menutup mata sahaja akan keadaan-keadaan yang berlaku di sepanjang jalan itu.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal mengambil alih Jalan-jalan Negeri kepada Jalan Persekutuan, saya ingin membentangkan dan menyuarakan dalam Dewan yang mulia ini tentang keadaan jalan sepanjang Telok Intan ke Kampung Gajah di mana didapati jalan ini sudah dinaikkan tarafnya dengan adanya jambatan yang menghubungkan Kuala Selangor di Selangor dan suatu jambatan yang menggantikan feri di Sabak Bernam. Maka jalan di persisiran pantai di antara kawasan Kelang hingga sampai ke Lumut telah bertambah mudah dengan adanya sebuah jambatan lagi, menggantikan feri di Sungai Kinta berhampiran Kampung Gajah. Maka ketiga-tiga jambatan yang besar ini telah menambahkan suatu lagi kemudahan jalanraya di persisiran Selangor ke negeri Perak hingga ke Lumut menjadi suatu perhubungan yang selisa dan cantik serta menambah kesesakan di kawasan sepanjang Kuala Lumpur ke Ipoh.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa bahagian di negeri Perak terutamanya jambatan yang saya kira satu sahaja ada di Malaysia ini di mana kegunaan jambatan itu - ini pun hampir akan diganti, iaitu jambatan Sungai

Bidor berhampiran Teluk Intan di mana jalan ini digunakan bersama kenderaan keretapi dan kereta-kereta. Tetapi saya kira hari ini pembinaannya sedangpun dimulakan dan tidak lama lagi akan siap, tetapi ada suatu kawasan jalanraya ini yang sangat merbahaya, yang sudah juga saya kira tahun sudah memakan nyawa satu keluarga iaitu berhampiran dengan Chenderong Balai berhampiran dengan Sungai Tunku di kawasan sepanjang jalan Teluk Intan /Kampung Gajah ini di mana kawasan anak Sungai Tunku ini telah menghakis tepi jalan sepanjang lebih daripada lima rantai dan saya perhatikan pihak JKR memperbaiki tebing yang runtuh yang sangat merbahaya ini daripada kayu bakau kepada kayu bakau juga, ditambah dengan tanah, dengan batu tetapi oleh kerana arus sungai di bahagian dalam itu bertambah kuat sepanjang hari, maka telah ada bahagian jalan ini yang telah runtuh dan jatuh ke sungai.

Saya mencadangkan kepada pihak JKR, adalah baik dan berkekalan sekiranya penjuruan di tepi tebing Sungai Tunku bahagian Jalan Teluk Iman/Kampung Gajah di Chenderong Balai ini dijujui dengan steel slab sebagaimana keadaannya di tepi Sungai Kelang dan Sungai Gombak di Kuala Lumpur, kerana sungai ini tanahnya lembik dengan arus sungai yang kuat, tidak mungkin kita memperkukuhkan tebing-tebing jalan di tepi-tepi sungai ini dengan kayu-kayu bakau yang tidak akan mengukuhkan dengan kekal di bahagian jalan itu. Saya kira taraf bahagian jalan sepanjang Teluk Intan/Kampung Gajah ini adalah bahagian yang sangat mendukacitakan, yang sangat bahaya ini perlulah diambil perhatian dan pertimbangan yang segera.

Keduanya sejajar dengan kehendak Ordinan ini juga pada masa akan datang janganlah hendaknya timbul lagi sebatang jalan yang pendeknya sebalu, dua batu, ada mempunyai dua taraf. Satu jalan negeri yang lebar, yang ada dengan parit dan longkang, dengan pembentukannya yang standard, panjang sebatu tetapi dua batu ke atas disambung dengan jalan yang dipanggil jalan D.O. Ini sangatlah sumbang pada mata kita, kerana jalan yang dikatakan jalan negeri yang dibina oleh JKR itu mempunyai standard yang baik tetapi dalam standard yang baik itu jalan ini baru setakat

diadakan batu dan tanah sahaja, sedangkan jalan D.O. itu telah diturap dengan tar walaupun kecil tetapi cantik dan baik keadaannya. Jadi dalam sebatang jalanraya yang mempunyai jarak jauh tiga batu, ada dua taraf. Kenapa tidak disekaliguskan taraf jalan ini. Jalan ini ialah jalan daripada persimpangan Jalan Cameron Highlands yang dikenal dengan nama Kampung Pahang ke Kampung Berminj Tapah. Saya kira langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk menstandardkan jalanraya sesuai dengan kehendak Ordinan Jalan Persekutuan 1959 yang dipinda ini patutlah pihak Kementerian memperhitungkan membaiki taraf dan kelemahan-kelemahan ini agar seluruh perhubungan masyarakat di negara kita dapat dinikmati dengan baik.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya meyo-kong Akta Jalan Persekutuan 1985 (Pindaan) ini untuk diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Abdul Ghani bin Othman.

4.50 ptg.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang berhubung dengan Akta untuk meminda Ordinan Jalan Persekutuan 1959.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa Ordinan ini adalah tepat dari segi masanya kerana tujuan pindaan ini adalah untuk memberi kedudukan yang lebih nyata tentang peranan Menteri yang berkenaan berhubung dengan hal ehwal jalan di peringkat Persekutuan. Saya ingin meletakkan pindaan ini dalam konteks yang lebih menyeluruh lagi memandangkan bahawa soal jalan ini adalah soal yang penting dari segi pembangunan negara kita memandangkan ianya adalah sebagai satu daripada infrastruktur yang penting untuk membawa pembangunan di seluruh rantau negara kita ini dan memandangkan bahawa usaha ke arah membina jalan mestilah diteruskan kita terpaksa melihat perkara ini juga dalam konteks yang ada sekarang ini di mana kita dapati bahawa pihak Kerajaan sedang menghadapi kedudukan kewangan yang agak sukar untuk membiayai pembinaan dan penyelenggaraan jalan raya di negara kita ini.

Dan saya juga melihat pindaan ini dalam konteks masalah yang sedang kita hadapi sekarang ini terutama sekali dari segi tanggapan-tanggapan yang telah dibuat di kalangan ahli-ahli masyarakat mengenai pihak Menteri yang berkenaan dan seterusnya Kementerian yang berkenaan mengenai soal kos dan seterusnya soal hasil yang telah didapatkan daripada pengguna-pengguna jalan raya, khususnya tentang soal mengenakan harga yang sepatutnya dibayar oleh pihak pengguna jalanraya.

Tuan Yang di-Pertua, selepas meletakkan pindaan ini dalam konteks yang saya cadangkan tadi, saya ingin merujuk kepada satu aspek yang penting yang mungkin menimbulkan beberapa implikasi. Yang pertamanya saya mencadangkan bahawa pihak Menteri apabila telah menerima kedudukan yang agak ketara dan nyata tentang bidang kuasanya itu berdasarkan kepada peruntukan yang diberikan di dalam pindaan ini, saya percaya akan dapat memainkan peranan dan seterusnya menjalankan tanggungjawab beliau dengan sebaik-baiknya.

Saya berpendapat dalam soal jalanraya ini lain orang lain tanggapan dan rumusannya. Kalau sekiranya kita seorang Engineer, maka kita akan melihat soal jalanraya dari segi berapa lama jalan raya tersebut akan dapat digunakan dan tidak akan luntur walaupun terpaksa menerima apa juga akibat daripada alam semula jadi dan jika sekiranya kita seorang Akitek, mungkin kita akan melihat tentang soal jalan raya sebagai seorang Akitek tetapi kalau kita melihat sebagai ahli ekonomi, kita akan melihatnya dari segi kesan-kesan ekonomi.

Oleh yang demikian saya mencadangkan bahawa pihak Menteri yang berkenaan dengan tanggungjawab dan peranan yang diberikan kepada beliau akan melihat perkara ini dari segi yang pertamanya kecekapan ekonomi, sejauh mana sumber yang dapat digerakkan ke arah pelaburan untuk membina jalanraya itu diguna dengan sebaik-baiknya dari segi objektif, ataupun matlamat kecekapan ekonomi dan seterusnya kita hendak melihat sejauh mana sumber-sumber kekayaan negara kita ini digunakan untuk jalanraya sebegitu rupa supaya keadilan sosial dapat juga dipenuhi.



Seterusnya saya mencadangkan supaya Menteri yang berkenaan dapat memastikan apa juga yang hendak dilaksanakan dari segi jalanraya ini dapat meminimumkan apa juga kos yang akan ditanggung oleh masyarakat kita sama ada kos dari segi ekonomi ataupun kos dari segi kemasyarakatan ataupun kos dari segi kecemaran yang terpaksa ditanggung oleh masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memenuhi objektif-objektif tersebut, saya mencadangkan bahawa pihak Menteri yang berkenaan berusaha untuk mendapatkan maklumat yang sepeenuh-penuhnya dan kefahaman yang sepeenuh-penuhnya supaya dapat membuat perancangan dan seterusnya membuat tindakan dan pelaksanaan rancangan-rancangan tersebut.

Dalam soal ini saya ingin merujuk kepada satu aspek tentang soal jalanraya iaitu tentang apa yang saya sebut akaun jalan raya. Maksud 'akaun' di sini ialah kita terpaksa melihat dan membandingkan apa yang kita panggil hasil daripada pungutan yang dibayar oleh pengguna-pengguna dibandingkan dengan kos yang terpaksa kita gunakan untuk membina dan seterusnya untuk menyelenggara jalan-jalan yang telah dibina.

Apabila kita mempunyai satu akaun mengenai jalan maka kita akan boleh membandingkan sama ada hasil itu sebenar-benarnya kurang ataupun lebih daripada kos yang dilaburkan ke arah itu. Dalam soal membandingkan kos dan hasil ini, saya mencadangkan terlebih dahulu oleh pihak Kementerian mengumpulkan maklumat-maklumat tentang apa yang dikatakan kos dan kos dalam soal ini dibahagikan kepada dua, iaitu kos modal yang terpaksa dilaburkan untuk membina jalanraya tersebut.

Kita mempunyai banyak cara untuk mengumpulkan maklumat tentang kos, ada cara-cara yang lebih tepat, ada cara yang lebih kasar. Jadi, saya mencadangkan bahawa pihak Kementerian menggunakan apa juga cara ataupun method untuk mengumpulkan maklumat tentang kos.

Saya mempunyai rakan yang sedang membuat penyelidikan di dalam bidang, kalau sekiranya pihak Kementerian sudi untuk merujuk

kepada rakan tersebut, saya ingin menemukan rakan saya kepada pihak Kementerian dalam soal ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada melihat kos modal, kita terpaksa juga melihat kos semasa terutama sekali dari segi kos untuk menyelenggarakan jalanraya yang telah dibina ataupun istifah yang telah digunakan adalah 'maintenance', dengan izin, dan dalam soal kos penyelenggara ini kita dapati bahawa ianya adalah kos semasa, ini sebahagian daripadanya adalah dalam bidang untuk menyelenggara. Selepas kita mendapat jumlah kos modal dengan kos semasa, maka kita juga sewajarnya mendapat jumlah apa yang kita panggil hasil daripada bayaran menggunakan jalanraya. Hasil daripada yang dibayar oleh pengguna-pengguna jalan raya.

Dalam soal hasil yang dipungut, saya mencadangkan kita mengambil hasil-hasil daripada ciri-ciri seperti berikut, yang pertama cukai eksais yang kita pungut daripada pengguna-pengguna jalanraya sama ada cukai eksais itu adalah cukai daripada minyak petrol, ataupun cukai yang dikenakan terhadap diesel, ataupun cukai yang dikenakan terhadap tayar ataupun tiub dan selain daripada cukai eksais kita juga mempunyai beberapa jenis bayaran menurut Ordinan yang dikenakan oleh pihak Kerajaan terhadap pengguna-pengguna jalan-raya. Misalnya bayaran pendaftaran dan seterusnya bayaran untuk ujian memandu dan yang ketiganya yang penting ialah kita mengenakan bayaran terhadap lesen-lesen kepada mereka yang menggunakan jalan raya terutama sekali bayaran untuk mendapatkan lesen memandu dan akhirnya kita membuat bayaran dalam bentuk cukai jalan yang kita bayar daripada setahun ke setahun.

Apabila kita melihat sumber-sumber hasil yang dipungut daripada pengguna jalanraya, kita dapati bahawa hasil yang dibayar untuk cukai eksais iaitu minyak dan seterusnya diesel dan seterusnya cukai jalan, kita dapati bahawa ianya merangkumi 9 daripada 10 hasil jalanraya yang dipungut. Daripada angka yang saya dapatkan bahawa pada tahun 1972 lebih kurang \$718 juta adalah daripada sumber-sumber tadi dan pada tahun 1982 lebih kurang \$979 juta daripada sumber-sumber yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita telah mendapat satu rumusan tentang kos dan seterusnya rumusan tentang hasil pungutan jalanraya maka kita akan bandingkan manakah yang lebih dan manakah yang kurang. Saya sedar bahawa kebelakangan ini pihak Kementerian telah mengeluarkan kenyataan yang mengatakan bahawa kosnya adalah lebih tinggi daripada hasil yang didapatkan daripada pungutan bayaran jalanraya. Tetapi daripada sumber-sumber yang saya dapatkan, daripada kajian-kajian, data-data yang dikumpulkan, rumusannya adalah seperti berikut:-

Antara tahun 1972 sehingga tahun 1982, jika sekiranya kita himpun kos antara 1972 sehingga 1982, kita dapati bahawa perbezaannya adalah perbezaan yang jauh positif. Mengikut ukuran pertama dari segi kos apa yang kita panggil method utility awam, hasil pungutan melebihi daripada kos sebanyak \$4,106 juta. Daripada method perkiraan perusahaan awam kos kita dapati perbezaan antara jumlah kos dengan hasil pungutan pengguna jalanraya adalah S2,947 juta dan daripada method perbelanjaan semasa untuk mengira kos kita dapati bahawa perbezaan jumlah kos dibandingkan dengan hasil pungutan ialah sebanyak \$3,652 juta.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya, dengan apa cara pun kita mengukur kos dan faedah ataupun hasil kita dapati bahawa antara 10 tahun yang saya sebutkan tadi, sebenarnya bahawa hasil yang dipungut daripada pengguna jalanraya ialah jauh lebih tinggi daripada yang dibelanjakan untuk membina ataupun kos menyelenggara jalanraya-jalanraya tersebut.

Daripada situ saya ingin beralih, Tuan Yang di-Pertua, kepada implikasi daripada data-data yang telah saya bentangkan tadi. Pertama ialah hasil melebihi daripada kos. Pengguna jalanraya membayar lebih daripada kos untuk membina dan seterusnya untuk menyelenggara jalanraya dan kita maklum mungkin sebahagian besar daripada kutipan hasil itu adalah dimasukkan ke dalam Tabung Awam pihak Kerajaan Pusat ataupun dalam tabung yang dipanggil 'General Revenue' Kerajaan Pusat.

Yang keduanya, kalau sekiranya itulah yang sebenarnya berlaku, maka kita menanya pihak Kerajaan, berapa bahagiankah daripada-kos jalanraya yang sewajarnya ditanggung oleh pihak pengguna jalanraya. Dan adakah ini bermakna bahawa yang lebihnya itu adalah dikenakan semata-mata untuk memungut hasil yang akan disalurkan kepada apa yang kita panggil 'General Revenue' untuk Kerajaan Pusat?

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini kita belum lagi membuat-pendirian yang agak nyata, pendirian pihak Kerajaan sejauh manakah pengguna jalanraya itu diberi tanggungjawab membiayai kos mmbiha dan seterusnya menyelenggarakan jalanraya tersebut dan sejauh mana pulakah atau sebahagian mana pulakah pengguna jalanraya dikenakan bayaran untuk mengongkosi perbelanjaan Kerajaan selain daripada membina dan menyelenggara jalanraya?

Yang ketiganya, saya ingin beralih tentang soal jalanraya dengan kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh pihak keretapi. Kita tidak dapat mengelakkan bahawa dalam soal jalanraya ini kita mestilah melihatnya dalam konteks yang lebih menyeluruh, dari segi industri, bukan kita semata-mata melihat jalanraya itu secara khusus, kita mestilah membandingkan penggunaan ataupun menggerakkan sumber-sumber kewangan negara kita ini untuk jalanraya dibandingkan dengan kemudahan keretapi. Jadi dalam soal ini adalah begitu penting sekali pihak Kementerian membandingkan manakah yang lebih cekap, manakah yang lebih efisien jika sekiranya kita melaburkan kewangan kita ke arah pembinaan dan penyelenggaraan jalanraya jika dibandingkan dengan perkhidmatan keretapi?

Sambil daripada melihat penggunaan sumber kewangan itu dalam konteks yang saya cadangkan, kita juga mesti melihat bagaimanakah caranya yang paling cekap untuk kita mengenakan bayaran ataupun polisi bayaran ataupun polisi harga ataupun dalam istilah Inggriscinya 'the pricing policy' yang sewajarnya dikenakan untuk pengguna jalanraya dibandingkan dengan 'pricing policy' yang dikenakan untuk pengguna keretapi.

Yang keempatnya, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan dalam soal ini, saya tidak meniadakan adanya kemungkinan subsidi silang yang berlaku di kalangan pengguna jalanraya. Mungkin adanya subsidi silang atau 'cross subsidy' untuk pengguna-pengguna yang menggunakan sebahagian daripada jalan jika dibandingkan dengan pengguna-pengguna yang menggunakan bahagian jalan yang lain. Ada juga kemungkinan di mana kita dapati" bahawa adanya subsidi silang di antara kategori pengguna-pengguna. Ada pendapat yang mengatakan bahawa kalau sekiranya kenderaan berat tadi dibandingkan dengan kenderaan ringan, maka subsidi yang dibayar oleh pihak kenderaan ringan untuk kenderaan berat, memandangkan bahawa kenderaan berat lebih banyak menyebabkan ataupun memberi kesan, dengan izin, 'wear and tear' terhadap jalanraya yang kita bina dan kita selenggarakan.

Jadi dalam soal ini saya mencadangkan supaya pihak Kementerian mengkaji sejauh mana berlakunya 'cross subsidy' ataupun subsidi silang ini supaya polisi harga yang lebih wajar dapat kita gubal supaya 'cross subsidy' seperti begini tidak memberatkan pihak yang menanggung beban yang tidak semena-menanya.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan perkara yang kelima ataupun implikasi yang kelima iaitu saya tidak percaya bahawa Kerajaan mempunyai hasrat ketara untuk mengenakan kos yang tinggi kepada pengguna-pengguna. Saya lebih yakin bahawa kesan yang dirasakan sekarang iaitu pungutan hasil daripada pengguna-pengguna jalanraya jauh lebih tinggi daripada kos yang dilaburkan ke arah ini ialah kerana semata-mata berdasarkan kepada tidak adanya perancangan yang teratur dalam soal harga yang dikenakan kepada pengguna-pengguna jalanraya.

Seterusnya saya ingin membangkitkan tentang soal kos penyelenggaraan. Seperti yang saya katakan tadi bahawa kos penyelenggaraannya merupakan tiga per empat daripada perbelanjaan semasa dan kita dapati di antara tahun 1972 hingga 1982 bahawa kos untuk menyelenggara jalanraya-jalanraya yang sedia ada meningkat dua kali ganda, walhal kita tahu bahawa jalanraya dari segi perbatuan dibina adalah berlipatganda lebih banyak lagi dan

seterusnya kita dapati banyak lagi kenderaan yang menggunakan jalanraya ini. Ini bermakna bahawa peruntukan untuk menyelenggara jalanraya agak tidak menepati dengan apa yang sewajarnya disalurkan untuk mengekalkan standard ataupun tahap jalanraya yang telah kita bina selama ini. Seterusnya kalau kita melihat kos penyelenggara menurut setiap kenderaan, misalnya kita dapati pada tahun 1972 adalah \$93 untuk setiap kenderaan. Ini bermakna bahawa cost of maintenance untuk setiap kenderaan pada tahun 1972 ialah lebih kurang \$93 tetapi kalau sekiranya kita bandingkan kos penyelenggara jalanraya untuk setiap kenderaan pada tahun 1982 bukannya meningkat, bahkan menurun daripada \$93 kepada \$62.

Jadi seperti yang telah disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lebih awal daripada saya tentang soal penyelenggaraan jalanraya ini ketara sekali bahawa peruntukannya makin lama makin turun. Ini bermakna kita tidak mempunyai suatu program yang saya anggap program yang 'coherent', dengan izin. Kita mungkin menyelenggarakan jalan-jalan tersebut semata-mata berdasarkan sama ada kita mempunyai peruntukan kewangan, bukan berdasarkan kepada sama ada kita hendak mengekalkan standard, dengan izin, jalanraya tersebut.

Dan seterusnya saya ingin membangkitkan tentang soal yang saya anggap penting dari masa ke semasa. Dalam soal kita membina jalanraya pada masa-masa yang akan datang, saya mengharapkan pihak Kementerian supaya mengambil berat tentang kecemasan yang akan makin lama makin meruncing keadaannya. Dalam soal jalanraya ini, saya percaya ianya akan membawa kecemasan dari segi bising ataupun tidak terhadap penduduk-penduduk yang tinggal berdekatan dengan jalanraya. Kalau saya memberi satu misalan di penghujung lebuhraya daripada Kuala Lumpur ke Seremban, sebelum kita melencong ke kanan untuk terus menuju ke Selatan, kita dapati bahawa lebuhraya yang ditambah untuk menampung bangunan tol betul-betul terletak di atas satu kawasan perumahan. Setiap minggu saya berlalu di situ, saya memikirkan mengapakah sanggup pihak-pihak yang berkenaan meneruskan projek seperti tersebut walhal kita

tahu bahawa kesan bising dari masa ke semasa mungkin dalam masa 10,20 tahun akan datang menjejaskan mereka yang tinggal berdekatan dengan lebuh raya seperti tersebut, dan timbul masalah tentang kordinasi di antara pihak-pihak yang berkenaan dalam soal yang saya bangkit tadi. Saya berharap bahawa dalam soal kecemaran bising ini, kesannya pihak Kementerian mengambil kira untuk masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin membangkitkan tentang perkara siapakah yang bertanggungjawab tentang soal jalan raya ini. Seperti yang pernah disebut sebelum saya tadi, pihak Kerajaan Pusat mempunyai peranannya, pihak Kerajaan Negeri juga mempunyai peranannya sendiri dan seterusnya pihak jabatan ataupun Pejabat Pegawai Daerah mempunyai peruntukan dan seterusnya peranannya sendiri. Sambil itu pula kita mempunyai Lembaga Lebuhraya Malaysia yang diuntukkan untuk membina lebuh raya di antara satu bandar ke satu bandar yang lain.

Saya dimaklumkan bahawa peruntukan yang diberi oleh pihak Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri sebanyak \$7,000 untuk satu batu tidak diwajibkan untuk digunakan untuk membina ataupun menyelenggara jalan raya. Ini bermakna bahawa peruntukan tersebut mungkin untuk digunakan selain daripada soal-soal jalan raya. Jadi, dalam soal ini kita sudah tidak pada peringkat di mana masing-masing kalau sekira ianya mendapat sanjungan ataupun kejian dalam soal jalan raya ini masing-masing mendakwa ataupun menolak tanggungjawab masing-masing. Rasa saya telah tiba masanya untuk pihak Kerajaan amnya dan pihak Kementerian sendiri supaya memusatkan tanggungjawab untuk membina jalan raya untuk negara ini kepada satu badan khas untuk menjaga, memelihara dan membina jalan raya. Saya tidak nampak mengapa pihak misalnya Lembaga Lebuhraya Malaysia tidak diberi tanggungjawab sepenuhnya dalam soal membina dan menyelenggara jalan raya tidak kira di mana ianya berada sama ada di peringkat Pusat atau di peringkat Negeri ataupun di peringkat kampung. Jika sekiranya kita mempunyai suatu badan khusus untuk tujuan begini, saya percaya perkara-perkara yang tidak rasional akan dapat diperbetulkan. Dan jika

sekiranya pihak Lembaga Lebuhraya dapat membiayai apa kos untuk membina dan menyelenggara ianya menjadi satu entity yang dapat menampung tanggungjawabnya pada masa-masa yang akan datang.

Itulah sahaja pandangan saya Tuan Yang di-Pertua dan dengan itu saya sekali lagi merakamkan sokongan saya untuk pindaan Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

5.11 ptg.

**Timbalan Menteri Kerjaraya (Datuk Zainal Abidin bin Zin):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Senator Haji Shaharom bin Haji Maasom, Yang Berhormat Jaafar bin Haron, Yang Berhormat Abdul Wahab bin Abu Bakar serta yang akhir sekali Yang Berhormat Abdul Ghani bin Othman kerana telah mengambil sikap dan membincang secara mendalam akan Akta dan pindaan yang telah dikemukakan ke dalam Dewan ini pada petang semalam.

Sesungguhnya saya ingin menarik perhatian Dewan bahawa saya akan menjawab sebahagian daripada perkara-perkara yang telah dibangkitkan dan sebahagiannya yang kemungkinan tertinggal ataupun tidak dapat dijelaskan di dalam Dewan ini, pihak Kementerian berkenaan akan mengambil perhatian dan tindakan yang mana perlu sama ada dari segi peraturan-peraturan ataupun praktikal bersabit dengan perkara-perkara yang telah disebut. Dan sesungguhnya kita ingin mengingatkan kepada Dewan ini bahawa perkara yang telah dibincangkan ini ialah untuk mengalihkan kuasa daripada Menteri Pengangkutan kepada Menteri Kerjaraya tentang kuasa hendak mengambil alih jalan daripada sama ada jalan Negeri ataupun jalan-jalan mana menjadi jalan Persekutuan. Dan sebahagian daripadanya perbincangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ini adalah kebanyakannya bersabit dengan kuasa-kuasa ini dan ada sebahagian daripadanya yang tidak bersabit dengan kuasa ini. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian dan saya sendiri mengucapkan terima kasih di atas minat yang telah ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Kita seperti yang telah dimaklumkan dan di mana-mana sahaja terdapat bahawa ada jalan-jalan yang dinamakan lebuhraya jalan Persekutuan, jalan Negeri, jalan DO, jalan PLB dan sebagainya

Sebenarnya, inilah perkara-perkara yang menimbulkan masalah dan tuduhan-tuduhan kepada Kementerian saya mana sahaja pembinaan jalan-jalan ini yang hendak dibuat ataupun yang hendak diselenggara dan dipulihkan, maka tanggungjawab ini diberi kepada pihak JKR dan apabila JKR menjalankan tanggungjawab ini seluruh rakyat telah membuat kesimpulan bahawa jalan ini adalah JKR. Dan apabila jalan ini rosak maka orang itu menulis kepada pihak JKR untuk membaiki jalan ini, sedangkan peruntukan kewangannya yang sebenarnya tidak ada di tangan kita. Kita ada tiga proses peruntukan kewangan yang terdapat dalam pembinaan dan penyelenggaraan jalan ini. Satu, wang daripada Perbendaharaan umpamanya diluluskan terus kepada kita dan kepada LLM untuk Lembaga Lebuhraya Malaysia dan untuk jalan Persekutuan kepada pihak JKR tetapi bagi jalan Negeri Perbendaharaan memberi terus wang ini kepada Kerajaan Negeri. Dan juga bagi jalan-jalan luar bandar Perbendaharaan telah meluluskan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan diteruskan kepada negeri melalui Pegawai Pembangunan Negeri untuk dibuat jalan-jalan luar bandar di bawah kuasa dan keputusan yang akan dibuat oleh Majlis Jawatankuasa Tindakan Daerah di mana tuan D.O. menjadi Pengerusinya. Dan oleh sebab tuan D.O. menjadi Pengerusi inilah maka orang menggelarnya jalan D.O.. Dan oleh sebab Wakil Rakyat menjadi Ahli Jawatankuasa di kebanyakannya perkara-perkara ini dibangkitkan oleh rakyat, ada sebahagian daripada rakyat mengatakan jajan ini jalan Wakil Rakyat. Dan sama ada hendak membina atau membaiki jalan ini tadilah maka tugas-tugas telah diserahkan kepada pihak JKR, Jalan Persekutuan kita serahkan kepada JKR, jalan Negeri Kerajaan Negeri menyerahkan kepada JKR dan jalan D.O. juga kadangkadangkang diserahkan kepada JKR ataupun diberi kontrak.

Saya sangat sukalah perkara ini dibangkitkan dan saya minta kepada Yang Berhormat sekalian supaya menerangkan kes-kes ini kepada rakyat supaya mereka dapat memahami

sebenarnya dan tidaklah Kementerian kita menerima semua surat-surat bantahan dan sebagainya kerana kita tidak-ada mempunyai kuasa untuk membaiki jalan ini kecuali pihak-pihak tertentu, Kementerian yang tertentu, badan yang tertentu memberi peruntukan kepada kita untuk membaiki atau membina jalan-jalan tersebut yang di luar daripada kuasa dan kekuatan kewangan kita sendiri.

Saya tertarik hati dengan Yang Berhormat Tuan Haji Shahrom bin Maasom yang telah membangkitkan ini dan juga Yang Berhormat Tuan Jaafar bin Harun yang telah membangkitkan perkara yang sama. Selain daripada itu, dua-dua Yang Berhormat itu juga telah membangkitkan mengenai terdapatnya jambatan-jambatan kayu di beberapa buah negeri dan Yang Berhormat Tuan Abdul Wahab bin Abu Bakar telah membangkitkan jambatan di Sungai Bidor. Sebenarnya, memang adalah menjadi hasrat kita untuk melihat bahawajambatan-jambatan ini dari semasa ke semasa akan ditukarkan dengan jambatan-jambatan konkrit sama ada ianya di dalam kawasan jalan Persekutuan ataupun di dalam kawasan jalan Negeri. Tetapi adalah menjadi masalah tentang kewangan yang akan melibatkan tentang penukaran jambatan-jambatan kayu ini. Seperti Jambatan Bidor telah dibangkitkan beberapa tahun yang lepas dan Kerajaan Negeri Perak telah memutuskan untuk membina Jambatan Bidor - Jambatan Maut yang dipanggilkan itu, pada tahun ini dan dijangka saya rasa dalam setahun dua lagi jambatan itu akan siap.

Saya tertarik hati dengan satu saranan satu laporan yang telah dikemukakan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat iaitu Tuan Haji Shahrom bin Maasom dan Tuan Jaafar bin Harun tentang terdapatnya minyak-minyak yang tersimbah di sebahagian jalan. Dan seperti yang telah disarankan oleh Tuan Haji Shahrom bahawa pihak Kementerian tidak mengetahui perkara ini. Sebenarnya kita juga mendapat cerita-cerita mengenai perkara ini tetapi yang menimbulkan masalah kepada kita, tidak siapa yang dapat memberi satu keterangan yang nyata, tentang terdapat umpamanya si A yang menyimbahkan minyak di jalan umpamanya Kuala Lumpur/Karak yang menyebabkan kemalangan-kemalangan berlaku, yang kita hanya dapat keterangan bahawa terdapat

orang yang menyebarkan minyak di kawasan-kawasan ini yang membawa kepada kemalangan dan kematian. Saya harap dan saya menyeru kepada orang-orang yang mengetahui perkara-perkara, perbuatan-perbuatan jenayah ini supaya dilaporkan terus kepada pihak yang berkenaan seperti pihak polis ataupun pengawal polis lebuh raya, polis jalan raya yang mengawal jalan raya ini dengan serta merta supaya keadaan-keadaan ini tidak menjadi suatu perkara yang boleh merusakkan ataupun boleh menggugat nyawa dan kemalangan orang-orang yang menggunakan jalan raya.

Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan mengenai kutipan tol dan dibalikannya terdapat pula Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyarankan bahawa keadaan jalan yang tidak baik dan Yang Berhormat Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman telah menerangkan kepada kita bahawa pembinaan ataupun penyelenggaraan jalan ini memakan kos yang begitu banyak. Kita timbulkan satu konflik dalam pendapat ini. Kalau kita hendak bina jalan yang baik maka kita perlu mendapat kewangan yang banyak dan rakyat akan mendapat satu jalan ataupun jalan-jalan di seluruh negara kita ini lebih sesuai lebih selamat tetapi kita juga terpaksa mencari sumber kewangan. Hari ini kita terpaksa meminjam dari sumber commercial ataupun daripada luar negeri untuk membina lebuh raya-lebuh raya kita. Dan sebahagian daripada lebuh raya kita ini tidak dapat dibina lagi pada ketika ini walaupun daripada segi kita kata rekabentuknya telah siap, tetapi oleh sebab keadaan kewangan tidak ada maka kita tidak dapat membina lebuh raya-lebuh raya ini. Dan sebahagian daripada jalan-jalan raya yang kita anggap amat mustahak, kita sudah berfikir kerana ini mustahak dan boleh dibina tetapi keadaan kewangan tidak ada.

Satu perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman dalam hujahnya menerangkan terdapat lebihan sebanyak \$4,106,000 di antara tahun 1972 hingga tahun 1983 kalau dilihat daripada segi kos pembinaan dan kos penyelenggaraan dibandingkan dengan kos pendapatan Kerajaan melalui sumber jalan raya-jalan raya ini. Dan kalau dilihat daripada segi itu bermakna kita tidak payah meminjam kepada negara luar

tetapi kita juga perlu ingat bahawa pendapatan-pendapatan yang didapati oleh Kerajaan melalui jalan raya ini bukanlah kita tumpukan kepada satu kegunaan sahaja. Kita tidak mengambil seluruh pendapatan ini untuk pembinaan ataupun penyelenggaraan jalan raya sahaja tetapi seluruh pendapatan negara kita ini dimasukkan di bawah satu pentadbiran di bawah pentadbiran Perbendaharaan Kerajaan Malaysia. Dan kalau begitu bermakna di manakah kita akan mendapat pula kewangan untuk membina jalan-jalan kampung, jalan-jalan luar bandar dan perkara-perkara yang lain lagi. Inilah satu cara yang dijalankan oleh Kerajaan pada hari ini dan sekiranya kalau kTta hendak melihat, hendak membandingkan di antara pendapatan di jalan raya-jalan raya dengan pendapatan di kampung maka bermakna jalan-jalan kampung tidak akan dapat dibuat oleh sebab sumber pendapatan melalui jalan-jalan kampung, jalan luar bandar ini terlalu sedikit.

Umpamanya, saya ingin ni5njelaskan di dalam Dewan ini satu batu jalan di luar bandar terpaksa menelan sebanyak \$20,000 ke \$25,000. Dan kalau kita hendak lihat hasil yang dapat kita pungut daripada kampung yang berkenaan, saya percaya orang kampung terpaksa menyimpan ataupun Kerajaan terpaksa menyimpan hasil ini untuk hendak membina jalan kampung bagi sepanjang satu batu lebih kurang 30 tahun. Dan dengan itu timbul masalah bahawa jalan di bandar cantik, jalan di kampung tidak cantik maka ini akan berlaku satu konflik yang lebih besar bahawa Kerajaan dalam pemerintahan negara hari ini tidak adil kerana meninggalkan masyarakat kampung, meninggalkan masyarakat luar bandar tetapi memberi banyak kemudahan kepada dalam bandar. Inilah satu sistem balance yang ada dalam Kerajaan hari ini di mana kita menggunakan yang kuat menolong yang lemah, dan yang lemah menolong diri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik dengan kutipan tol yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Shahrom mengatakan bahawa kita terpaksa membayar tol dua tempat, umpamanya, di lebuh raya Kuala Lumpur/Seremban. Sistem yang ada pada hari ini ialah sistem kita beri peluang kepada orang yang menggunakan sekerat jalan ataupun orang yang menggunakan sepenuh jalan.

Orang yang menggunakan sekerat dia bayar yang sekerat sahaja, yang menggunakan penuh dia akan bayar penuh. Jadi, kalau dia guna sekerat dia belum sampai ke tol yang kedua, di simpang ke kiri ataupun ke kanan dia hanya membayar \$1.00 ataupun 50 sen. Begitu juga daripada utara ataupun daripada selatan. Tetapi dalam masa hadapan sekiranya lebuhraya kita ini siap, sistem membayar tol yang berdekatan ini akan selesai. Kerana kita ada mempunyai sistem jalan masuk dan jalan keluar dan pengguna-pengguna lebuhraya hanya akan diminta membayar tol apabila dia keluar daripada lebuhraya yang digunakannya.

Umpamanya, kalau dia masuk lebuhraya daripada Bukit Kayu Hitam dan dia berhasrat untuk hendak sampai ke Kuala Lumpur, dia kemungkinan akan membayar tol di atas penggunaan lebuhraya yang digunakan daripada Bukit Kayu Hitam ke Kuala Lumpur, mungkin pada ketika dia keluar di persimpangan Bulatan Kuching yang ada sekarang — Tol Plaza Kuching tetapi kalau dia hendak keluar ke Seremban dia mungkin akan membayar di persimpangan Tol Plaza Seremban dikira dari segi perbatuannya. Siapa yang menggunakan lebih panjang dia akan lebih banyak, siapa yang guna jangka yang pendek dia akan membayar lebih sedikit, siapa yang tidak mahu menggunakan lebuhraya dia tidak payah bayar.

Tuan Yang di-Pertua, kita akan terus menjaga jalanraya-jalanraya Persekutuan yang dikelola oleh pihak JKR sendiri dan kita berjanji kepada rakyat sekiranya kekuatan kewangan yang ada pada Kerajaan, yang ada pada kita hari ini, kita akan melihat keadaan permukaan jalanraya Persekutuan selain daripada permukaan dan keadaan jalanraya yang kita panggil lebuhraya ini supaya ianya cantik, selisa dan sesuai dan kita akan menjaga 'side-table' dan sebagainya untuk keperluan dan kegunaan yang lebih selisa dan lebih selamat.

Saya ingin menerangkan kepada Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom bahawa satu masalah telah timbul di Selat Kelang Utara tentang terdapatnya seorang warganegara asing yang telah melafaz ataupun mengeluarkan satu perkataan yang tidak sihat kepada Kerajaan. Saya rasa masalah ini telahpun selesai dan pihak yang berkenaan telahpun

meminta maaf kepada Menteri Kerjaraya dan juga kepada Kerajaan dan saya harap perkara ini akan menjadi satu contoh bahawa sama ada rakyat negara ini ataupun rakyat negara asing hendaklah menghormati akan keputusan yang telah dibuat oleh Kerajaan, hendaklah menghormati sistem dan tata susila budaya rakyat di negeri ini. Orang kata kalau kita masuk kandang kambing kita mengembek, masuk kandang kerbau kita menguak. Dan sekiranya kita mempraktikkan sistem budaya ini, saya percaya bahawa rakyat Malaysia boleh menghormati siapa sahaja yang masuk ke dalam negara ini. Tetapi bagi orang-orang yang tidak menghormati sistem budaya kita ini, bukan sahaja Kerajaan bahkan rakyat akan menanamkan rasa sikap benci kepada mereka yang ingin menunjukkan rasa angkuh dan bongkak ini.

Mengenai pembinaan tol dan pembinaan jalanraya ataupun penubuhan Lembaga Lebuhraya Malaysia, Lembaga Lebuhraya Malaysia ini bukan kita-tubuhkan dengan sewenang-wenangnya tanpa mendapat kebenaran dan kelulusan daripada rakyat. Lembaga Lebuhraya Malaysia telah diterima sebagai satu Lembaga yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada tahun 1980 dan semua keputusan kita bukanlah keputusan-keputusan yang dibuat oleh individu, tetapi ianya merupakan satu keputusan collective. Sekiranya rakyat yang telah memberi mandat kepada wakil mereka untuk membuat keputusan ini, maka siapa sahaja yang tinggal di dalam negara ini perlu menghormati keputusan yang collective ini.

Saya ingin menarik perhatian kepada beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat tentang perancangan yang tidak tersusun. Terdapat jalan-jalan yang bergelombang, umpamanya side-table yang tidak sesuai, tanah runtuh dan sebagainya. Saya ingin menarik perhatian, seperti contohnya Lebuhraya Timur-Barat ataupun Kuala Lumpur-Karak atau Kuala Lumpur-Seremban. Saya percaya kalau kita hendak membina lebuhraya ini mengikut standard yang kita bina, lebuhraya yang ada pada hari ini, kos yang terpaksa kita belanjakan pada ketika itu adalah lebih tinggi sedangkan keperluan untuk rakyat dalam segi pembangunan

dan keperluan-keperluan lain adalah juga diperlukan. Tetapi oleh sebab keadaan kita pada masa itu memerlukan bahawa pembinaan ini hendaklah diratakan, maka sebahagian daripada perancangan ini terpaksa kita kurangkan, dan terjadilah perkara-perkara tanah runtuh kerana sistem perairan yang kurang lengkap pada ketika itu menjadikan masalah demt masalah yang berlaku pada hari ini. Tetapi setelah kita membina semula keadaan-keadaan yang berlaku pada hari ini, saya yakin bahawa keadaan yang berlaku hari ini, tanah runtuh dan sebagainya, tidak akan berlaku pada masa-masa yang akan datang. Sebaliknya, sebagai lapik, kita tidak dapat hendak melawan kuasa Tuhan dan takdirNya dan kalau berlaku bukanlah bermakna bahawa kita tidak merancang dan kita tidak menyusun perkara-perkara tanah runtuh, tanah mendap (care in) dan sebagainya tidak akan berlaku lagi.

Saya ingin memaklumkan juga kepada Dewan ini bahawa mulai tahun 1986 semua jalan-jalan masuk ke FELDA akan diambilalih oleh Kerajaan Pusat dan sekiranya Kerajaan Pusat akan menyerahkan tanggungjawab ini kepada Kementerian Kerjaraya ataupun JKR, maka ternyata bahawa JKR akan menjalankan satu tanggungjawab iagi pada tahun 1986 ini dan ini pun bersandarkan kepada kekuatan kewangan yang ada. Tidaklah bermakna bahawa apabila kita menyerahkan ataupun Kerajaan Pusat mengambilalih ini maka sekali gus semua jalan-jalan di rancangan-rancangan FELDA yang ada di seluruh negara kita pada hari ini akan dibuat siap pada tahun 1986 ataupun tahun 1990 tetapi kita ingin memberi keyakinan kepada rakyat bahawa Kerajaan akan terus membina jalan ini daripada satu masa ke satu masa, mengikut apa yang telah ada pada hari ini.

Saya hendak menjawab Tuan Jaafar Harun mengenai panjang lebuhraya. Panjang jalan Federal yang ada di seluruh negara kita ialah sebanyak 8,684 kilometer (ini yang di Semenanjung) dan panjang jalan Negeri ialah 17,562 kilometer di Sarawak. Panjang jalan seluruh negeri Sarawak yang ada ialah 3,631 kilometer dan di Sabah 6,474 kilometer. Dicadangkan untuk dijadikan jalan Federal di Sarawak sepanjang 1,084 kilometer dan di Sabah sepanjang 1,045 kilometer. Di Negeri Sembilan jalan

Federal ialah 1,020 kilometer, panjang tu, walaupun 'sembilan' negeri sahaja!

Saya ingin memberi keyakinan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa sekiranya terdapat hiasan-hiasan pokok ataupun bangunan-bangunan, tanda-tanda yang boleh menggugat pandangan lalu-lintas di kawasan-kawasan jalanraya ataupun di lebuhraya ini, kawasan-kawasan ini akan kita bersihkan. Tetapi Yang Berhormat Tuan Jaafar Harun tidak menyatakan tempat manakah pokok-pokok ataupun tumbuh-tumbuhan yang memang dijadikan sebagai hiasan jalan ini merosakkan pandangan pengguna-pengguna jalanraya. Oleh sebab itu kita terpaksa mencari kawasan-kawasan ini dan kalau Yang Berhormat itu terlupa di mana tempatnya, bolehlah beritahu kepada kita semula kerana kalau kita hendak cari, panjang sangat jalan kita ini.

Berkenaan dengan bahu jalan ditaruh tanah merah, kemudian ditanam rumput, kemudian dikorek, ini akan kita ambil perhatian supaya pada masa hadapan kawasan-kawasan rumput yang telah ditanam ini tidak dikorek lagi, tetapi kemungkinan ada berlaku seperti di jalanraya yang akan terjadi daripada Teluk Intan ke Kampung Payang di mana seorang kontraktor iaitu saya rasa kontraktor dari Taiwan yang membina jalan ini dan oleh sebab bukan sahaja dia terpaksa membina; jalan tetapi terpaksa mengadakan pengawasan di kiri kanan jalan ini menanam rumput dan sebagainya. Jadi kontraktor ini telah menanam rumput di tepi jalan pada peringkat awalnya kemudian mengorek rumput yang telah ditanam itu untuk diturap ke tempat-tempat lain. Janganlah kes macam ini juga ditimbulkan kerana pihak kontrak yang berkenaan akan menentukan supaya semua tebing atau kiri kanan jalan ini ditanam dengan rumput yang sempurna.

Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Encik Mohd. Yusof bahawa Kementerian saya ataupun Jabatan Kerjaraya tidak mengambil berat tentang Kelantan, saya rasa kita telah banyak membelanjakan projek-projek jalanraya di Kelantan sama ada di lebuhraya Timur/Barat ataupun sambungan lebuhraya Timur/Barat daripada Jeli ke Pasir Puteh yang akan menelan belanja hampir \$70 juta dan seperti kata Yang Berhormat tadi bahawa kita



tidak mengambil berat tentang pembangunan kawasan Gua Musang ke Kuala Lipis. Reka-bentuknya semua telah siap dan kita pada hari ini telah mengeluarkan tender untuk pembinaan daripada Gua Musang ke Merapoh dan Pagar Sasap, insya Allah, bila ada duit kita akan teruskan ke Lipis.

Yang Berhormat kalau balik nanti boleh lihat bahawa kenyataan saya ini sama ada benar ataupun tidak. Inilah saya ingin meyakinkan bahawa kita telah melihat lebih dahulu akan keperluan-keperluan ini dan pihak Kementerian kita memang ada Yunit Perancangan Pembangunan tentang jalan dan sebagainya untuk menentukan di manakah kawasan-kawasan yang diperlukan dan Gua Musang ke Kuala Lipis merupakan pilihan kita yang perlu. Tetapi untuk sementara ini tidak berapa perlu macam daripada Jeli ke Pasir Puteh. Jalan ini bukan dibuat oleh Kerajaan Negeri, tetapi ini adalah jalan yang dibuat oleh Kerajaan Federal (pembetulan). Sebenarnya kita telah panjangkan sedikit jalan ini, kalau dahulu saya hendak masuk ke perkampungan, yang saya lupa namanya, kita panjangkan terus sampai dekat dengan 'Rest House' Gua Musang, hendak beri peluang kepada orang Gua Musang untuk tidak pergi ke Kota Bahru hendak ke Kuala Lumpur tetapi terus ke Kuala Lipis.

Yang Berhormat Haji Abdul Wahab telah membandingkan tentang lebuh raya Timur/Barat dengan satu pembinaan jalan joint venture oleh Syarikat Jerman dan satu syarikat lam yang saya sudah terlupa, ke Cameron Highlands. Lebuh raya Timur/Barat itu ialah lebuh raya. Kalau tidak salah saya di Cameron Highlands itu ialah jalan-jalan ke perumahan dan lebuh raya Timur/Barat itu dibina dalam zaman kita menghadapi tekanan komunis yang terlalu kuat dan kita telah menggunakan anak-anak tempatan daripada Bukit Ibam dan daripada Dusun Tua yang membina jalan ini pada ketika itu perbelanjaannya lebih kurang tidak sampai \$300 juta. Tetapi kalau hendak dibelanjakan yang sebenar mesti hampir \$1 billion dan kita lihat dalam keadaan yang begitu "sengit, belia-belua kita ini, anak-anak watan ini sanggup membina jalan itu dan telah digunakan beberapa tahun yang lepas. Tetapi oleh sebab tengkujuh yang tidak diduga, yang

melanda kawasan itu, ini saya katakan bahawa kuasa Tuhan itu melebihi kuasa kita, maka terjadilah keadaan-keadaan seperti yang berlaku. Tetapi insya Allah setelah kita bina, kita pulihkan ini ia akan menjadi satu jalan yang baik yang akan menghubungi Grik dan Jeli ataupun ke Pasir Mas.

Saya tidak dapat hendak menerangkan daripada segi usahawan-usahawan sama ada hendak menggunakan jalan raya atau hendak menggunakan keretapi. Ini merupakan satu cara di mana terpulang kepada orang-orang yang berkenaan, tetapi walau bagaimanapun kesesakan jalan raya Bidor/Ipoh ataupun Bidor/Kuala Lumpur ini dapat diatasi apabila lebuh raya kita dapat disiapkan dalam masa yang akan datang. Ini bergantung kepada kekuatan kewangan kita.

Saya tertarik dengan cadangan-cadangan ini dan sebahagian daripadanya kawasan-kawasan pun memang telah kita bin jalan tambahan untuk memudahkan pelancaran kenderaan-kenderaan waktu mendaki bukit dan bukan sahaja bukit-bukit, di Jambatan Pulau Pinang pun kita tambah di bahagian tingginya itu daripada 4 lorong kepada 6 lorong supaya kenderaan-kenderaan yang ingin hendak memecut lebih pantas sampai di Pulau Pinang atau keluar daripada Pulau Pinang tidak terganggu ketika sampai di bahagian kemuncak jambatan ini. Sebagai kenyataan, saya rasa di kawasan lebuh raya Kuala Lumpur/Karak telah kita bina dan begitu juga beberapa tempat lain, saya yakin. Kita sebenarnya memang ada pengawasan-pengawasan yang kita buat dan bukanlah pihak Kementerian Kerjaraya dan pihak JK.R mengabaikan tanggungjawab ini. Sememangnya kita ada pegawai-pegawai tetapi kadang-kadang terdapat pada ketika-ketika ada tugas-tugas lain yang terpaksa dibuat oleh pegawai ini, maka pada ketika itu tuan-tuan melihat atau Ahli-ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa kita tidak meletakkan pegawai untuk mengawasi kawasan-kawasan yang berkenaan.

Kita ambil perhatian mengenai jalan di Teluk Intan, jalan kawasan Sungai Tungku dan yang menarik perhatian saya ialah apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Haji Abdul Wahab ada terdapat dua tuan, satu jalan

Persekutuan, satu jalan D.O. Sistem atau peraturan kita hendak menjadikan jalan Persekutuan ini ialah daripada ibu negeri ke ibu negeri, daripada ibu daerah ke ibu daerah, daripada jalan Persekutuan ke pelabuhan, ke lapangan terbang, ke pusat pencana dan sebagainya. Tetapi kalau kita ambil jalan Persekutuan ke lapangan terbang, selepas itu daripada lapangan terbang masuk jalan D.O. terpaksa kita tidak boleh hendak jadikan seluruh jalan itu menjadi jalan Persekutuan. Ini sudah menjadi peraturan kita, kecuali kita meminta apabila jadi jalan Persekutuan, maka kita sambung seluruh jalan itu menjadi jalan Persekutuan tetapi kita terpaksa menimbang dari segi pendapatan yang akan kita perolehi melalui pembinaan jalan ini sekiranya kita membina seluruh jalan sambungan ini dan hanya satu kereta sahaja yang menggunakan satu tahun pergi balik, ini merupakan satu rancangan yang tidak baik dan ini yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Abdul Ghani bahawa kita terpaksa merancang. Sebenarnya kita merancang daripada segi keperluan, daripada segi nilai, daripada segi keseluruhannya adakah ia benar-benar akan memberi pertambahan kepada pertumbuhan ekonomi, pertumbuhan kependudukan, pertumbuhan pertanian dan sebagainya. Sekiranya tidak ada ini, maka kita tidak boleh mengadakan kemudahan-kemudahan ini. Perkara ini akan diambil alih oleh PLB ataupun diurus sendiri.

Yang akhirnya, saya rasa setelah saya lihat pada keseluruhannya, satu perkara yang telah dibangkitkan ialah tentang peruntukan bagi pembinaan jalan ini, adakah kita bina jalan itu atas kekuatan ekonomi kita ataupun kita merancang jalan itu kerana kita terpaksa rancang seperti yang telah disarankan oleh Yang Berhormat Tuan Abdul Ghani.

Kita memang merancang. Sama ada kekuatan ekonomi ada atau tidak ada, kita merancang. Tetapi kita bina ketika kekuatan ekonomi kita ada. Kita akan merancang dan membina ketika kekuatan ekonomi ada. Kita merancang tetapi kita tidak membina ketika kekuatan ekonomi kita tidak ada. Itu yang paling nyata. Seperti kita telah merancang untuk pembinaan lebuh raya dari Utara/Selatan tetapi sebahagian daripada package lebuh raya ini kita tidak bina kerana kita tidak ada ekonomi. Oleh

sebab itu saya inginlah menerangkan bahawa perancangan ini memang sudah ada dan kita melihat semua aspek di atas pandangan perancangan ini. Dan sekiranya kekuatan ekonomi kita kukuh, kekuatan ekonomi kita baik, kita akan meneruskan pembinaannya.

Saya percaya itu sahaja sebahagian yang saya dapat bangkitkan di dalam Dewan ini dan saya mengucapkan banyak terima kasih kepada semua yang telah membahaskan perkara-perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN) (NO.2)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.55 ptg

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd.**

**Adam):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah-Negara dtbaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Kanun Tanah Negara telahpun dipinda oleh Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1984 atau Akta A587/1984 yang dikuatkuasakan pada 25.3.1985 dan Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1985 atau Akta A615/1985 yang dikuatkuasakan pada 1.6.1985.

Di antara pindaan-pindaan yang terkandung dalam Akta A587/1984 terdapat peruntukan-peruntukan baru iaitu Seksyen 433A hingga 433E. Seksyen ini adalah mengenai sekatan pemilikan dan urusniaga tanah terhadap warganegara asing dan syarikat asing.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya memberi huraian ringkas mengenai peruntukan-peruntukan dalam Bahagian 33A tersebut.

Pertama, Seksyen 433A mentakrifkan istilah-istilah syarikat asing dan bukan warganegara atau foreign company dan non-citizen, dengan izin.

Kedua, Seksyen 433B membenarkan pemilikan tanah kecuali tanah jenis pertandian oleh warganegara asing dan syarikat asing melalui sebarang urusniaga dengan syarat bahawa pemilikan tanah jenis bangunan oleh orang-orang dan badan-badan tersebut perlu mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu,

Ketiga, Seksyen 433C memperuntukkan bahawa sebarang pemilikan tanah yang melanggar bahagian baru ini adalah tidak sah iaitu null and avoid, dengan izin.

Ke empat, Seksyen 433D menyatakan bahawa sekatan-sekatan tersebut tidak terpakai bagi tanah yang telah sedia dimiliki oleh warganegara asing dan syarikat asing sebelum kuatkuasanya peruntukan baru ini.

Kelima, Seksyen 433E memperuntukkan bahawa bahagian ini tidak terpakai bagi orang-orang atau badan-badan yang diberi kuasa

untuk memegang tanah di bawah peruntukan-peruntukan Diplomatic and Counsellor Privileges Ordinance, 1957 atau yang diberi kuasa memegang tanah di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

Secara ringkasnya, Tuan Yang di-Pertua, tanah jenis industri tidak tertakluk kepada apa-apa sekatanpun. Ini adalah bertujuan untuk menjamin bahawa pelaburan asing tidak terjejas. Bagi tanah jenis pertanian pula warganegara asing dan syarikat-asing tidak dibenarkan langsung memiliki tanah-tersebut atau memperoleh kepentingan ke atas tanah itu seperti gadaian, pajakan dan lain-lain lagi, manakala tanah jenis bangunan boleh dimiliki oleh warganegara asing dan syarikat asing, tetapi tertakluk kepada syarat bahawa kelulusan diperolehi daripada Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan rayuan dari bank-bank asing terhadap sekatan-sekatan tertentu ini, Kementerian saya telah bersetuju untuk mencari penyelesaian secara pentadbiran di mana kelulusan secara dasar diberi oleh semua Pihak Berkuasa Negeri untuk pemegangan gadaian tanah selain daripada tanah jenis pertanian oleh bank-bank asing.

Peringkat memberi kelulusan adalah terpujang kepada Kerajaan Negeri masing-masing, sama ada kelulusan diberi oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar atau oleh Pengarah Tanah dan Galian atau Pentadbir-pentadbir Tanah. Akan tetapi walaupun peraturan secara pentadbiran telah diadakan, masih terdapat unsur-unsur keraguan di kalangan bank-bank asing iaitu sama ada kelulusan secara dasar yang diberi oleh Kerajaan-kerajaan Negeri akan terus dikekalkan atau tidak. Bank-bank asing juga kurang yakin dengan peraturan yang dibuat melalui tindakan secara pentadbiran kerana tiada jaminan bahawa kelambatan tidak akan berlaku dalam memberi kelulusan yang dikehendaki. Di samping itu bank-bank asing merayu agar diadakan kelonggaran bagi membolehkan mereka memegang gadaian terhadap semua jenis tanah tanpa apa-apa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Dalam hubungan ini bank-bank asing menegaskan bahawa

mereka memang tidak berminat untuk memiliki tanah, mereka hanyalah berminat memegang gadaian tanah sebagai sandaran untuk pinjaman yang diberikan.

Menyentuh sekatan terhadap tanah jenis pertanian, masalah dihadapi kerana bank-bank asing sebagai syarikat-syarikat asing tidak dibenarkan iangsung untuk memegang gadaian tanah jenis pertanian. Ini bermakna bahawa mereka tidak dapat menyertai urusan pembiayaan pembangunan sektor pertanian dalam negara ini. Di samping itu mereka akan menghadapi kesulitan untuk memenuhi kehendak Bank Negara yang dinyatakan dalam garis panduan kepada bank-bank supaya menyalurkan 6% daripada pinjaman mereka untuk pengeluaran bahan makanan pertanian. Ini adalah kerana mereka tidak boleh memegang gadaian tanah jenis pertanian dan terpaksa meminta jaminan atau collateral, dengan izin, dalam bentuk lain.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya bank-bank asing merayu supaya kelonggaran yang diberi hendaklah membolehkan mereka memegang gadaian semua jenis tanah tanpa apa-apa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Untuk tujuan ini Kementerian saya telah membuat kajian lanjut mengenai sumbangan bank-bank asing sebagai sumber kewangan dalam negara ini.

Mengikut maklumat yang dibekalkan oleh Bank Negara setakat 31.12.1984, kesemua 16 buah bank asing telah memberi pinjaman sebanyak \$13,963 juta atau 32% daripada jumlah pinjaman oleh kesemua bank. Sebahagian besar iaitu 67% daripada jumlah pinjaman oleh bank-bank asing adalah bersandarkan gadaian tanah.

Mengikut angka-angka pecahan yang dibekalkan oleh Bank Negara, 11% pinjaman oleh bank asing adalah bersandarkan gadaian tanah jenis pertanian, 67% bersandarkan gadaian tanah jenis bangunan dan 22% bersandarkan gadaian tanah jenis industri. Memandangkan bahawa sebanyak 67% daripada jumlah pinjaman oleh bank-bank asing adalah berdasarkan kepada gadaian tanah jenis bangunan, maka wajarlah diadakan kelonggaran seperti mana yang dipohon oleh bank-bank asing.

Menyentuh pinjaman yang berdasarkan gadaian tanah jenis pertanian pula, sebanyak 11% daripada pinjaman oleh bank-bank asing adalah dijamin dalam bentuk gadaian tanah jenis itu. Dengan berkuatkuasanya sekatan yang melarang warganegara asing dan syarikat asing dari menyempurnakan sebarang urusan niaga terhadap tanah jenis pertanian, maka bermaknalah sektor pertanian kehilangan satu sumber kewangan kerana tuanpunya tanah jenis pertanian tidak boleh mencagarkan tanah mereka kepada bank asing untuk kemudahan kredit. Pada akhir tahun 1984 amaun pinjaman oleh bank-bank asing kepada sektor pertanian adalah \$984 juta atau 37% daripada jumlah pinjaman oleh ke semua bank kepada sektor tersebut. Amaun \$98,4 juta ini adalah 7% daripada jumlah pinjaman oleh bank-bank asing kepada semua sektor.

Berdasarkan kepada penjelasan yang diberikan di atas adalah difikirkan wajar diadakan kelonggaran kepada sekatan-sekatan yang terkandung dalam Bahagian 33A bagi membolehkan pemegang gadaian atau lien oleh warganegara asing dan syarikat asing tanpa apa-apa kelulusan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Walaupun rayuan untuk kelonggaran ini telah dikemukakan oleh bank-bank asing sahaja, tetapi memandangkan kelonggaran yang dimaksudkan itu hanyalah untuk membolehkan mereka memegang gadaian dan lien sahaja, maka Kementerian saya telah bersetuju asing untuk memegang cagar dan lien bagi semua jenis tanah tanpa apa-apa sekatan atau keperluan untuk mendapat kelulusan daripada mana-mana pihak berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, kini izinkan saya pula menghuraikan secara ringkas peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Rang Undang-undang (Pindaan) yang dikemukakan ini. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) (No.2) 1985 ini mengandungi 4 Fasal sahaja. Fasal 2 bertujuan memperuntukkan bahawa Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1984 atau A.587/84 hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 25hb Mac, 1985. Peruntukan sedemikian telah tertinggal semasa Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1984 digubal. Akta A.587/84 telahpun dikuatkuasakan di semua negeri mulai

25hb Mac, 1985 menurut Pemberitahu Undang-undang PUB 145/85. Bagi mengelakkan sebarang keraguan mengenai pemakaian Akta tersebut kepada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, maka adalah perlu dimasukkan dalam Rang Undang-undang ini peruntukan mengenai pemakaian Akta tersebut kepada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mulai dari 25hb Mac, 1985.

Fasal 3 bertujuan meminda seksyen 433B Kanun Tanah Negara dengan memperuntukkan subseksyen baru (3), (4) dan (5) bagi membolehkan pemegang gadaian atau lien terhadap semua jenis tanah oleh warganegara asing dan syarikat asing tanpa apa-apa kelulusan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Walaupun adanya kelonggaran ini, Tuan Yang di-Pertua, kepentingan rakyat negara ini masih terpelihara kerana sekatan terhadap pemilikan tanah oleh warganegara dan syarikat asing masih dikekalkan. Warganegara asing dan syarikat asing hanya dibenarkan memegang gadaian tanah dan lien sebagai sandaran bagi pinjaman-pinjaman yang diberikan. Sekiranya penjualan tanah diadakan akibat kemungkiran membayar balik wang pinjaman, warganegara asing dan syarikat asing tidak dibenarkan membuat apa-apa tawaran jikalau tanah yang berkenaan adalah tanah jenis pertanian. Bagi tanah-tanah lain yang bukan tanah jenis industri, warganegara asing dan syarikat asing hanya boleh membuat tawaran dalam sebarang penjualan tanah sekiranya kelulusan Pihak Berkuasa Negeri diperolehi terlebih dahulu. Peruntukan sedemikian bertujuan untuk memelihara kepentingan rakyat negara ini dari segi pemilikan tanah.

Fasal 4 pula, Tuan Yang di-Pertua, bertujuan memperuntukkan mengenai pemakaian seksyen 433B subseksyen (3), (4) dan (5) kepada kesemua gadaian yang disempurnakan dan semua lien yang wujud sama ada sebelum atau selepas tarikh kuatkuasa pindaan-pindaan baru ini bagi menentukan kesan pindaan yang sewajarnya.

Berasaskan pertimbangan-pertimbangan yang saya sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, maka adalah difikir wajar pindaan-pindaan ini dibuat terhadap Kanun Tanah Negara. Tujuan asal peruntukan sekatan ini diadakan ialah

untuk melindungi kepentingan rakyat negara ini dari segi pemilikan hartanah supaya tidak dengan sewenang-wenangnya jatuh ke tangan warganegara asing, Kelonggaran-kelonggaran yang dicadangkan ini hanyalah bagi menentukan supaya sektor pertanian negara tidak terjejas dari segi pelaburan asing. Dari segi pemilikan, sekatan-sekatan yang asal akan tetap berkuatkuasa.

Atas pertimbangan-pertimbangan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon dengan hormatnya mencadangkan.

**Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. James P. Ongkili):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohori menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG  
TELEKOMUNIKASI (PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

6.10 ptg.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Telekomunikasi 1950 dan mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibacakan bagi kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini akan menimbang satu Rang Undang-undang bernama Akta Perkhidmatan Telekomunikasi (Syarikat Pengganti) 1985 bagi tujuan membolehkan Kerajaan mengalihkan sebahagian dari tugas Jabatan Telekom sekarang kepada satu syarikat yang dicadangkan akan diberi lesen di bawah seksyen 3(3) Akta Telekomunikasi 1950 untuk mengendalikan perkhidmatan telekomunikasi di negara ini. Polisi Kerajaan ialah untuk mengasingkan tugas peraturan dan kawalselia daripada tugas pengendalian perkhidmatan telekomunikasi di negara ini. Walaupun Kerajaan memang bercadang selaras dengan polisi penswastan untuk menyerahkan tugas pengendalian perkhidmatan telekomunikasi kepada satu syarikat, namun demikian Kerajaan perlu mengekalkan tugas dan tanggungjawab bersabit dengan peraturan dan kawalselia terus di bawah tanggungjawab Kerajaan. Untuk berbuat demikian, perlu Akta Telekomunikasi 1950 dipinda dan diubahsuaikan juga.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa pindaan adalah dicadangkan terutamanya termasuk seksyen-seksyen baru 3(a), 3(b), 7(a) dan 7(b) serta 'saving provision' terhadap peruntukan-peruntukan di Bahagian IV Akta Telekomunikasi 1950. Saya tidak bercadang untuk menghuraikan seksyen-seksyen pindaan secara satu persatu. Tujuan saya ialah untuk menarik perhatian kepada pindaan-pindaan yang tertentu yang difikirkan perlu diambil perhatian oleh Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang termaklum, Kerajaan mempunyai hak istimewa atau 'exclusive privilege of establishing, maintaining

and working telecommunication in Malaysia', dengan izin, untuk menubuh, mengendali dan mendirikan perkhidmatan telekomunikasi di negara ini selaras dengan seksyen 3 Akta Telekomunikasi 1950. Walau bagaimanapun, di bawah seksyen 3(3) Kerajaan boleh memberi lesen kepada pihak-pihak yang tertentu bagi mengendalikan perkhidmatan telekomunikasi dan iesen ini bolehlah mengandungi syarat-syarat yang difikirkan perlu. Tujuan Kerajaan ialah untuk memberi lesen bagi pengendalian perkhidmatan telekomunikasi kepada sebuah syarikat yang pada mulanya dipunyai oleh Kerajaan selaras dengan Akta Perkhidmatan Telekomunikasi 1985. Walau bagaimanapun, untuk menentukan tanggungjawab Kerajaan dipelihara, difikirkan perlu juga diadakan undang-undang yang tepat untuk mendapatkan Kerajaan menjaga peraturan dan kawalselia berkaitan dengan perkhidmatan telekomunikasi.

Dirasa penting juga kita mengendalikan perkembangan industri telekomunikasi di negara ini memandangkan perusahaan telekomunikasi ialah sebahagian dari perusahaan yang mungkin berkembang di masa akan datang selaras dengan apa yang dikatakan 'the emergence of information society' dan pencaruman kegunaan komputer dan telekomunikasi sebagai perkembangan dagangan dunia.

Dalam konteks negara kita walaupun kita perlu mengikut perkembangan teknologi telekomunikasi, kita sebaliknya tidak dapat melupakan beberapa kepentingan awam bagi penduduk-penduduk desa dan luar bandar di negara ini tidak ketinggalan. Selaras dengan hasrat-hasrat demikian, Rang Undang-undang (Pindaan) ini antara lain bercadang mengadakan satu jawatan Ketua Pengarah Telekom dan memberi tugas-tugas yang selaras dengan kehendak itu. Misalnya, untuk memajukan keperluan pengguna-pengguna, pembeli-pembeli dan lain-lain pengguna perkhidmatan telekomunikasi atau alat-alat telekomunikasi di Malaysia, termasuk khususnya yang tidak berkeupayaan berhubung dengan harga-harga, kualiti dan jenis-jenis alat kelengkapan yang diberi, menggalakkan pengguna utama yang menjalakan perniagaan di luar Malaysia supaya menubuhkan perniagaan mereka di Malaysia dan juga memenuhi kehendak-kehendak yang munasabah terhadap perkhidmatan telekomunikasi.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga merasa perlu ianya mempunyai tanggungjawab bagi menjaga bahawa tarif atau 'rate' perkhidmatan telekomunikasi di negara ini mengambil kira bukan sahaja pandangan syarikat yang mengendalikan perkhidmatan itu, tetapi juga kepentingan awam. Oleh itu, peruntukan telah juga dimasukkan di mana permohonan untuk mengubah kadar tarif perlu mendapat keiuluan Menteri yang bertanggungjawab sebelum ianya dapat dilaksanakan oleh syarikat itu. Di samping menjaga kepentingan awam, Kerajaan juga berpendapat operasi syarikat itu bagaimanapun patut juga dipelihara bersama dan bagi tujuan itu peruntukan keputusan Menteri perlu dibuat dalam tempoh 6 bulan dan kalau-lah keputusan Menteri itu perlu dirayu, mereka bolehlah merayu semula dan keputusan atas rayuan itu perlu juga dibuat dalam tempoh tertentu, iaitu 3 bulan. Kerajaan berpendapat 'provision' ini mengambil kira kelicinan operasi syarikat dan juga kepentingan awam yang difikirkan munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak payah bagi saya menghuraikan satu persatu pindaan-pindaan lain. Apa yang saya suka menegaskan semula ialah hasrat Kerajaan di waktu menyerahkan tanggungjawab mengendalikan operasi dan perkhidmatan telekomunikasi kepada satu organisasi yang dapat menjalankan tugasnya dengan licin dalam bentuk sebagai satu syarikat, kita tidak juga lupa untuk menjaga kepentingan awam dan negara kekal dipelihara.

Saya mohon mencadangkan.

**Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. James P. Ongkili):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Telekomunikasi 1950, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

6.17 ptg.

**Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberikan sedikit pandangan mengenai suatu Akta untuk

meminda Akta Telekomunikasi 1950, seperti mana yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil perhatian bahawa atas langkah-langkah Kerajaan untuk menswastakan kepada Syarikat Pengganti Telekomunikasi ataupun perhubungan awam di negara ini. Walaupun langkah-langkah ini mungkin diambil kira oleh Kerajaan sebagai satu langkah untuk menjimatkan kos perbelanjaan Kerajaan dan mungkin inilah juga satu-satu negara di rantau ini yang mengambil alih ataupun menyerahkan perkhidmatan telekomunikasi ini kepada swasta dan mungkin negara yang pertama di dunia ini seperti Amerika yang telah berbuat demikian. Ini kita tidak semestinya mengambil kira bahawa apa yang dibuat oleh negara-negara yang sudah maju seperti Amerika, kita juga dengan tergesa-gesa mengikut cara negara itu mengendalikannya kerana keadaan sebuah negara yang sudah maju, negara itu juga yang penciptanya segala alat-alat kelengkapannya, sedangkan kita hanyalah pembeli daripada negara-negara yang maju ini daripada semua alat kelengkapan telekomunikasi yang ada.

Jadi, saya berharap supaya bilamana telekomunikasi ini telah diserahkan kepada syarikat pengganti atau telah diswastakan, kawalselia itu sahaja tidak mencukupi kerana telekomunikasi adalah merupakan sebagai satu perhubungan yang paling rumit. Telekomunikasi adalah merupakan sebagai satu nadi negara dan kita khuatirkan jika sekiranya syarikat pengganti, syarikat swasta yang mengendalikannya tidak berhati-hati maka kita, khasnya Kerajaan akan menghadapi banyak remeh-temahnya dalam masa-masa yang akan datang kerana ia adalah sebagai satu perhubungan daripada dunia luar, mahupun di dalam negeri. Jadi sekiranya peruntukan yang menentukan kawalselia ini kepada Menteri yang dibertanggungjawabkan sahaja saya fikir tidak mencukupi. Kerajaan haruslah berhati-hati. Kemudahan telekomunikasi di negara ini belum mencukupi, kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh Kerajaan di seluruh negara yang sebesar Malaysia ini belum cukup. Kalau kita hanya ambil kira sekadar di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia saya fikir perkhidmatan

telekomunikasi juga belum begitu sampai kepada tahap yang memuaskan. Ini kita boleh ambil contoh.

Katalah kalau kita membuat satu panggilan daripada Sabah pergi ke Taiping. Mungkin kita akan terpekik-pekik, orang yang ada di sebelah jiran kita mungkin akan mendengar kita terpekik-pekik bercakap ke Taiping tetapi lain halnya bila kita bercakap dari Ipoh ke Sabah, terang dan lain pula halnya bila kita bercakap daripada Sabah ke London, ke Amerika; sedangkan anak kucing yang bergaduh di dapur pun boleh dengar dalam telefon. Ini kemudahannya sudah diperbaiki. Jadi, saya khuatir jika sekiranya syarikat pengganti ini mengambilalih hanya semata-mata untuk menumpukan keuntungan, hanya semata-mata untuk mengambilalih perkhidmatan telekomunikasi ini sebagai satu bahan untuk projek perniagaan sahaja tetapi melupakan tanggungjawabnya atas keperluan yang diperlukan oleh seluruh rakyat dalam negara ini, maka segala-galanya akan terbengkalai. Inilah satu satunya yang saya katakan tadi telekomunikasi adalah merupakan sebagai satu nadi penghubung negara. Jika ianya dipegang oleh orang lain, bukan orang yang berkuasa sebenarnya mungkin kita akan dieksploitasikan dalam penggunaan perhubungan ini dan banyak perkara-perkara yang boleh ditimbulkan, banyak perkara-perkara yang boleh dijadikan dan banyak perkara-perkara yang boleh disalurkan melalui telekomunikasi ini tadi. Jadi kawalan-kawalan mahupun undang-undang sahaja saya fikir belum mencukupi, banyak perkara-perkara yang lain lagi. Walau macam manapun ini adalah hasrat Kerajaan untuk menyerahkan kepada syarikat pengganti bagi mengambilalih tanggungjawab ini daripada Jabatan-jabatan Kerajaan. Mungkin Kerajaan telahpun berfikir lebih panjang lebar dalam soal ini tetapi mungkin beberapa implikasi yang belum nampak. belum timbul pada hari ini tetapi sesuatu perkara yang akan timbul itu kita tidak ketahui tetapi bagaimana jika berlaku sesuatu huru-hara di dalam negara kita sedangkan telekomunikasi kita ini, dengan izin, serta-merta, breakdown. Jika berlaku sebarang kekacauan di negara kita maka timbul sesuatu kerja-kerja sabotaj di negara kita. Di mana kita mahu berhubung dan di mana unit-unit pertahanan negara kita akan berhubung antara satu dengan lain.

Kalau dalam zaman aman mungkin kita terlupa segala-galanya atau di dalam zaman aman juga kita nampak askar-askar, tentera-tentera kita berkeliaran di sana-sini yang membuat latihan dan sebagainya, jet-jet kita semua terbang di Kuantan, di Labuan, di Sungai Besi, membuat latihan; ada sahaja, tetapi bila berada dalam keadaan kecemasan, dalam peperangan, dalam latihan ini macam-macam jeneral yang tunjuk pangkat-pangkat di kiri kanan semua dengan palang panjangnya tetapi dalam sudah perang nanti jeneral tidak nampak, yang nampak pahlawannya. Jadi, kalau komunikasi ini juga berlaku, ini adalah sebagai satu alat yang ajiat penting di negara kita. Saya hairan mengapa Kerajaan begitu-tergesa-gesa semata-mata Kerajaan n^enyerahkan kepada syarikat pengganti hanya untuk mengurangkan bebanan, tanggungjawab kepada pekerja-pekerja Kerajaan, semata-mata mengarahkan untuk menyerahkan supaya pihak syarikat pengganti sebagai satu penswastan Kerajaan syarikat ini akan dapat keuntungan dan Kerajaan akan mendapat cukai. Kalau hanya itulah misalnya, saya fikir itu adalah sebagai satu perkara yang kedua tetapi apa yang penting keselamatan negara adalah Jebih penting. Ini adalah terlalu awal pada pendapat saya bagi pihak Kerajaan untuk menyerahkan kepada syarikat pengganti dalam dasar Kerajaan untuk menswastakan telekomunikasi.

Saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, syarikat ini juga sedar daripada peringkat-peringkat awal ini semata-mata untuk mendapatkan daripada Kerajaan bagi mendapatkan perkhidmatan telekomunikasi ini akan membuat bermacam-macam pengakuan terutama sekali perkataan yang lebih lumrah kita katakan iaitu janji. Janji mudah dibuat tetapi sukar ditepati.

Misalnya daripada segi tarif perkhidmatan. Pada hari ini sedangkan ramai pengguna-pengguna telefon dan sebagainya merasakan tarif yang ada di negara kita sekarang terlalu mahal dan apa yang disungutkan oleh pengguna-pengguna sekarang perkhidmatan di luar negeri adalah lebih murah, 50% lebih murah daripada perkhidmatan di dalam negeri. Ini kerana apa sebab-sebabnya dan kenapa? Adalah tujuan Kerajaan untuk menggalakkan supaya lebih banyak orang-orang kita menggunakan talian keluar negeri, talian antarabangsa ITT, IDD



dan sebagainya tetapi daripada jumlah penduduk sebanyak 12 atau 13 juta orang berapa ramai orang-orang Malaysia yang mempunyai hubungan perniagaan yang secara meluas di seluruh dunia luar yang memerlukan telefon yang menggunakan ITT, IDD dan sebagainya. Jadi, mungkin dengan itu alasan Kerajaan memberikan tarif yang murah kepada panggilan ke luar negeri, jadi dikenakan panggilan yang lain dinaikkan antara 3 sen kepada panggilan tempatan sedangkan yang saya katakan tadi perkhidmatan tempatan sendiri belum begitu memuaskan. Cuba tuan-tuan fikir kalau dari Kuala Lumpur kita panggil ke Bangi sendiri pun kita terpekik-pekik, Bangi itu, Bangi sahaja. Belum menyeberang laut, sedangkan Bangi perkhidmatan kita pun belum begitu memuaskan.

Saya tidak mengatakan kesemuanya tetapi keseluruhannya perkhidmatan telekomunikasi kita di Malaysia ini belum sampai kepada tahap yang memuaskan dan adakah Kerajaan akan dengan menyerahkan kepada syarikat pengganti ini bahawa syarikat ini akan dapat mencapai kepada tahap yang memuaskan dan adakah bebanan ini akan dijawab sendiri oleh syarikat pengganti atau sebaliknya pengguna-pengguna pula yang akan menerima bebanan yang lebih berat dengan mengenakan tarif-tarif perkhidmatan yang begitu mahal.

Walaupun seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa kenaikan tarif ini hanyalah boleh diluluskan apabila mendapat kebenaran daripada Menteri yang dipertanggungjawabkan. Jadi saya khawatirkan mereka ini sudah tentu bersiap sedia untuk membuat kertas kerja, mungkin setebal dua kaki, tiga kaki kertas kerja yang akan dihantar kepada Kementerian dengan kos-kos yang tertentu, jadi saya fikir Kementerian tidak akan mengambil kira untuk membaca kertas kerja setinggi sekaki atau dua kaki. Mereka mungkin akan membaca dua, tiga lembar sahaja kertas kerja ini yang mana dilikirkannya patut, selepas itu luluskan sahaja. Mungkin terdapat di beberapa perkataan di sana yang boleh melibatkan kita terpaksa menerima kehendak syarikat pengganti ini. Inilah yang saya khawatirkan, Tuan Yang di-Pertua, yang saya katakan tadi negara kita masih muda, masih baru dalam penggunaan telekomunikasi yang moden sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, waktu sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung semula esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga pukul 3.00 petang hari esok, 2hb Ogos, 1985.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*